

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 27

Rabu

23 Oktober 2013

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan
(Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2013 (Halaman 30)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 23 Oktober 2013

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah terkini pendatang asing yang direkodkan datang ke negara ini; dan
- (b) jumlah anggaran pendatang asing yang tidak dapat dikesan berada di negara ini. Apakah langkah mengatasinya, serta masalah yang dihadapi daripada isu ini terutama di Sabah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Terima kasih Yang Berhormat. Sarawak, Pulau Pinang, siap Barisan Nasional menang.
[Ketawa]

Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jumlah pekerja asing di Malaysia yang sah dan berdaftar hingga 30 Jun 2013 adalah seramai 2,116,998 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Jumlah sebenar bilangan PATI yang berada di dalam negara tidak dapat dipastikan. Namun begitu melalui Program 6P yang dilaksanakan pada 1 hingga 13 Ogos 2011 seramai 1,303,126 orang PATI telah berjaya didaftarkan. Kerajaan amat prihatin terhadap isu lambakan PATI yang berlaku di Sabah sekarang ini.

Untuk itu sebagai langkah tegas seiring dengan Ops 6P Bersepadu di seluruh Malaysia, Sabah juga melancarkan Ops bersepadu yang digelar Ops 5P Bersepadu. Sepanjang tempoh bermula 1 September 2013, sebanyak 99 operasi telah dilancarkan.

Hasil daripada operasi berkenaan seramai 1,821 orang warga asing telah diberkas. Diperiksa daripada jumlah itu seramai 532 orang PATI telah ditangkap atas pelbagai kesalahan - kesalahan di bawah seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 iaitu masuk ke Malaysia tanpa memiliki satu pas yang sah, seksyen 15 iaitu tinggal di Malaysia selepas tamat tempoh pas atau kesalahan di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen 1963 iaitu melanggar atau gagal mematuhi syarat pengeluaran pas.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai usaha kerajaan untuk mengurangkan bilangan PATI di Sabah, pelbagai operasi lain turut dilancarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah seperti Ops Sayang, Ops Pan Terlantar, Ops Mahir, Ops Kutip, Ops Sapu, Ops Hijau, Ops Selera, Ops Dandan, Ops Jajar, Ops Minyak, Ops Belanja yang dilaksanakan secara berterusan.

Dari Januari hingga September 2013, sejumlah 371 operasi ini telah dijalankan. Seramai 2,573 orang warga asing telah ditangkap untuk tujuan siasatan dan dikenakan tindakan lanjut khususnya tindakan undang-undang. Di samping itu juga 15 majikan telah ditangkap untuk tujuan siasatan kerana disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63. Sehingga bulan September 2013, seramai 9,630 orang warga asing telah diusir ke negara asal mereka.

Dalam menangani isu PATI di negeri Sabah, Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah sentiasa menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan semua pihak khususnya agensi penguat kuasa peringkat persekutuan dan negeri. Ianya akan berterusan. Punca kehadiran warga negara asing di negara ini tidak hanya menjadi tanggungjawab satu pihak sahaja tetapi sebaliknya melibatkan peranan pelbagai agensi dan pihak.

Semua rakyat Malaysia juga perlu turut serta dalam membanteras PATI dengan tidak memberi perlindungan kepada mereka dengan menyewa premis atau harta benda kepada PATI atau menggaji PATI. Selagi rakyat Malaysia sendiri bersekongkol dengan PATI adalah sukar bagi agensi penguat kuasa mengurangkan atau membanteras PATI di dalam negara. Namun begitu usaha-usaha berterusan dan gigih akan terus dilaksanakan oleh kerajaan demi memastikan kesejahteraan rakyat negara ini tidak mudarat oleh kemasukan warga asing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan tadi dan tahniah kepada pelbagai usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan melalui kementerian dan juga pelbagai agensi lain dalam usaha untuk menangani isu pendatang asing yang masuk secara sah atau pun tidak sah terutama sekali di negeri Pantai Timur.

Sebagaimana yang disebutkan tadi terdapat kira-kira dua juta pekerja asing yang direkodkan masuk ke dalam negara ini dan difahamkan bakal menerima i-Kad pengenalan bagi menggantikan pasport. Penggunaan i-kad ini difahamkan hasil daripada keputusan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) dan kosnya ditanggung oleh pekerja berkenaan.

■1010

Soalan saya, apakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan saringan tambahan atau syarat-syarat tertentu bagi pendedaran kad berkenaan atau memastikan pekerja asing mendapat kad berkenaan kerana dibimbangkan ada usaha-usaha pihak tertentu untuk menyalah gunakan dan sebagainya. Saya mohon penjelasan kementerian.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Keputusan Kabinet sebagai mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lenggong itu tadi memang betul, dan sebenarnya baru-baru ini minggu lepas, sebelum hari raya Aidiladha Yang Berhormat, kita telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa NKRA Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Berhubung dengan penggunaan kad ini, kita mempunyai lapan sektor pekerjaan di negara ini Yang Berhormat, jadi kita akan memberi lapan kad berwarna. Dalam mesyuarat tersebut telah dibangkitkan daripada sudut kos kerana kos ini akan ditanggung oleh pihak PATI atau pun majikan. Dan akhirnya tuntutan mereka ialah mengatakan kos ini pula akan mungkin menurun kepada *costumer* atau pun 'pembeli', akhirnya kepada rakyat lah maknanya.

Jadi persoalannya, soal kos ini Yang Berhormat, kalau kita hendak kos yang rendah kita boleh mengeluarkan kad mengikut warna tetapi tidak mempunyai ciri-ciri yang canggih. Akan tetapi kalau kita hendak kad yang canggih- mempunyai *tracking*, kita mengetahui di mana tempat dia berada dan di mana dia sendiri berada, dan dia boleh *ditrack* pula- kalau dia sepatutnya berada di Kuala Lumpur tetapi berada di Johor Bahru umpamanya, atau pun di Pulau Pinang, dia boleh *ditrack* menerusi *tracking system* kita. Kalau kad ini lah kita kehendaki, kita boleh keluar tetapi kosnya tetap lah dengan kos yang tinggi.

Jadi Yang Berhormat, jadi ini masih dibincangkan di antara kementerian-kementerian yang terlibat dalam mesyuarat itu. Jadi kita belum lagi membuat keputusan dari sudut kos dan, ciri-cirinya tetap kita yakin bahawa mempunyai ciri-ciri yang terhadap, butiran pekerja, jenis pekerjaan, di mana dia berada dan apa pekerjaan dia. Semua sekali dan *chip* yang di dalam kad itu juga boleh menentukan di mana dia berada. Ini akan dilaksanakan oleh kerajaan, *insya-Allah* Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang telah diberikan.

Saya ingin mengulangi kebimbangan fenomena kebanjiran pekerja asing, di mana walaupun saya sambut baik jawapan Yang Berhormat Menteri, tetapi ramai penduduk tempatan diselubungi ketakutan untuk mendedahkan identiti, dan di mana mereka ini berada. Jadi sebelumnya di Parlimen disebut bahawa ada hampir lebih 1 juta pekerja asing tanpa izin. Yang Berhormat Menteri sebut 1.3 juta yang didaftar setakat ini pekerja asing tanpa izin. Dan jumlah mereka ini tambah dengan pekerja asing yang didaftar lebih 2 juta daripada 13 juta warga pekerja di Malaysia.

Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan depot penuh. Maksudnya kalau operasi dilakukan, tidak cukup tempat untuk menempatkan PATI-PATI yang ditangkap. Apakah yang sedang dilakukan oleh kerajaan untuk menangani masalah ini dengan komprehensif, kerana saya tahu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Lenggong tadi, 1.5 juta pekerja Bangladesh sudah pun diambil masuk di mana setiap minggu 2,000 akan masuk menurut sistem kad pengenalan khas ini.

Kalau di Jerman di sebut pekerja bermusim supaya mereka dapat pantau kemasukan. Maksud saya ini akan menambah lebih 3 juta semua pekerja asing dalam negara kita. Apakah langkah untuk menangani PATI yang sedia ada, dan apakah kerajaan akan memperkenalkan insentif seperti di Jerman untuk mengutamakan pekerja tempatan dahulu, sebelum kita mengambil pekerja asing dalam menangani masalah ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soalan Yang Berhormat itu memang baik, saya terima soalan itu sebagai soalan yang membina.

Sebenarnya masalah kita Yang Berhormat, bukan lah soal pendatang asing dan insentif sahaja Yang Berhormat ya. Masalah kita ialah masyarakat di negara kita sama dengan masyarakat di negara maju yang lain. Malaysia, walaupun dikatakan sedang membangun tetapi dalam situasi kita sekarang, kita dalam keadaan yang maju, yang mana masyarakat kita mempunyai mentaliti yang maju.

Jadi apa yang dikatakan fenomena sejagat atau pun *universal phenomena* di katakan 3D - ini berlaku di Malaysia iaitu pekerjaan-pekerjaan yang *dirty*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pekerjaan yang *dangerous* atau pun pekerjaan-pekerjaan yang *demeaning*. Ini tidak dimahukan oleh orang Malaysia lagi dah. Orang Malaysia tidak mahu buat kerja sedemikian rupa lagi. Jadi dalam keadaan sedemikian, hanya orang luar, orang dari negara-negara asing saja yang mahu melakukan kerja-kerja macam di ladang,

tempat pembinaan dan termasuk penyaji makanan di restoran-restoran atau cuci *toilet* di mana-mana

Jadi ini telah jadi dalam keadaan sedemikian, kita nampaknya telah bergerak atau pun *mobalize* sama dengan negara yang maju, segi mentaliti kita, dan dalam keadaan yang sedemikian apa sahaja insentif kita bagi kalau mereka ini masih memilih pekerjaan yang *less dangerous, less dirty and less demeaning* ini, kita akan masih *attract* pendatang asing.

Akan tetapi dalam masa yang sama Yang Berhormat, operasi kita selepas dahulunya, kita dapati bahawa operasi 6P yang kita laksanakan dahulu iaitu termasuk program pemutihan pihak-pihak PATI yang berada di negara ini, kita mendapat rungutan-rungutan daripada banyak pihak. Apabila rungutan diterima daripada banyak pihak, maka kita menjalankan satu lagi, satu operasi yang mana dipanggil Operasi Khas PATI (PKPP). Operasi Khas ini tidak termasuk pemutihan lagi. Ia dalam sudut hanya kena kita respons kepada *complain* dahulu mengatakan bahawa ada PATI yang dibawa ke sini telah ditipu oleh majikan, dan ada juga mengatakan bahawa mereka ini telah ditipu oleh *outsourcing company*.

Jadi kita sudah tutup *outsourcing company* ini tiada lagi. Malangnya apabila mereka ini dijemput datang untuk melaporkan diri kepada pihak imigresen, di semua ibu pejabat imigresen seluruh negara, di dapati bahawa masih ramai majikan-majikan ini menggunakan orang tengah. Itu yang malang sekali. Kita dapati hanya 16 syarikat yang datang menerusi *screening* yang bermula dengan satu laporan polis, yang menyatakan bahawa dia sudah kena tipu. Selepas itu penipuan ini mesti dibuat laporan sebelum 9 September Yang Berhormat.

Jadi makna kalau selepas operasi 6P ini dilaksanakan, menunjukkan bahawa ia telah cuba hendak mengatasi arahan yang asal itu. Walaupun 16 syarikat tetapi melibatkan orang ramai, seramai 2295 orang telah didapati bahawa, benar syarikat ini telah membuat laporan, dan mereka sudah kena tipu oleh *outsourcing company* dan pekerja.

Bahagian kedua pula, ada yang datang berjumpa dengan pihak imigresen tetapi laporan dia dibuat selepas tarikh yang telah ditetapkan. Ini melibatkan 13 syarikat dengan seramai 103 orang PATI dan ada sebahagian yang besar lagi. Ini yang aneh sekali. Selepas itu 59 syarikat, yang tidak ada langsung laporan langsung bahawa mereka pernah kena tipu. Jadi ini menimbulkan kecurigaan pihak KDN, dan pihak imigresen berhubung dengan mereka ini, walaupun jumlah PATI yang terlibat dalam ini hanyalah 693 orang.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian, kita melihat penguatkuasaan dan sistem yang ada pada masa sekarang dengan menggunakan kad *tracking*, selepas itu kita tidak lagi menjalankan pemutihan. Ini lah sahaja caranya Yang Berhormat. Dan kita juga mengadakan kerjasama yang erat dengan *ambassador-ambassador*, duta-duta negara asing supaya memberi dokumen kepada mereka yang tidak ada dokumen negara ini. Akan tetapi perkara di Sabah itu berlainan sedikit selagi RCI belum siap Yang Berhormat, kita tidak boleh membincangkan apa yang berlaku selepas ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, bagi satu soalan, soalan yang amat panas di negeri Sabah walaupun RCI tetapi ini soal pembunuhan gadis-gadis di kampung oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak cakap banyak tadi saya bagi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya.. saya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [*Ketawa*]

■1020

2. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah bilangan doktor wanita berbanding lelaki dan adakah ia memenuhi kehendak pelanggan, khususnya golongan wanita yang mahukan khidmat mereka.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Sijil Amalan Tahunan yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia. Sehingga bulan Oktober tahun ini, terdapat seramai 14,241 orang doktor wanita berbanding dengan 15,543 orang doktor lelaki iaitu wanita sebanyak 48%, manakala lelaki 52% di mana jumlah ini tidak termasuk Pegawai Perubatan Latihan Siswazah atau *housemen*.

Daripada data ini, secara amnya bilangan doktor wanita adalah hampir sama dengan doktor lelaki. Di dalam sistem amalan perubatan setiap doktor, sama ada doktor lelaki ataupun wanita sememangnya adalah dilatih untuk merawat semua pesakit tanpa mengira apa juga jantina. Bagi doktor lelaki yang merawat pesakit wanita, mereka mestilah diiringi seseorang anggota kesihatan wanita ataupun *chaperon* semasa membuat pemeriksaan atau rawatan. Terima kasih.

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]: Soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Dengan bilangan yang telah disebutkan tadi, saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah ia sudah mencukupi untuk menempatkan semua doktor wanita ini di semua pusat perubatan kerajaan di seluruh negara? Khususnya yang berkaitan langsung dengan masalah-masalah wanita seperti bersalin dan seumpamanya, supaya golongan wanita sekurang-kurangnya mereka mendapat pilihan untuk mendapatkan khidmat doktor wanita berbanding dengan doktor lelaki. Jika bidang sakit puan ini masih kekurangan tenaga doktor wanita, apakah masalah sebenar dan cara kerajaan untuk mengatasinya? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah terangkan tadi. Pada masa sekarang di dalam Kementerian Kesihatan dan cara amalan perubatan di dalam negara ini, semua doktor lelaki mahupun doktor perempuan dilatih dan diminta supaya mereka boleh memberikan rawatan kepada semua golongan rakyat tanpa mengira jantina, bangsa, agama dan sebagainya. Ini adalah salah satu daripada prinsip perubatan dan apa yang dibuat di dalam negara kita ialah asas kepada itu. Di dalam proses penempatan doktor ke satu-satu tempat banyak perkara yang diambil kira. Salah satu daripadanya ialah pilihan sendiri doktor-doktor, kedua ialah jumlah doktor yang ada pada masa itu yang boleh ditempatkan di satu-satu tempat dan dengan mengambil kira di dalam semua tempat ada bilangan doktor yang seimbang iaitu lelaki dan perempuan di dalam sesebuah institusi kesihatan.

Pada masa itu juga, saya mahu menjelaskan bahawa kita memang menghormati pilihan seseorang pesakit. Kalau ada seseorang wanita meminta agar beliau dirawat oleh doktor wanita, seboleh-bolehnya di dalam sistem kesihatan, kita akan menghormati pilihan itu dan menyediakan seseorang doktor wanita supaya mereka boleh dirawat dengan mengambil kira keadaan yang ada di dalam klinik pada masa tersebut. Kadang-kadang jika terdapat situasi pada masa itu hanya doktor lelaki sahaja yang ada dan pada masa tersebut juga tidak ada pilihan, kalau ada kedua-dua doktor lelaki dan perempuan, kita seboleh-bolehnya akan menunaikan permintaan daripada pesakit dengan mengambil kira hak pesakit untuk menerima rawatan mengikut pilihan mereka. Terima kasih.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya melihat kebanyakan doktor bertauliah yang mempunyai kemahiran dalam bidang obstetrik dan ginekologi. Yakni perbidanan dan sakit puan, kebanyakannya doktor lelaki. Saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah doktor wanita bertauliah yang mempunyai kemahiran di dalam bidang obstetrik dan ginekologi, perbidanan dan sakit puan

khususnya di kalangan doktor wanita yang beragama Islam? Adakah perancangan pihak kementerian untuk menambahkan lagi doktor wanita yang mempunyai kemahiran dalam bidang obstetrik dan ginekologi? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak menafikan mana-mana pihak untuk mengikuti latihan di dalam bidang yang dipilih oleh mereka. Walaupun saya tidak mempunyai butiran tentang peratusan doktor wanita yang telah mengambil bidang perbidanan tetapi saya boleh memberikan butiran ini kepada Yang Berhormat. Akan tetapi pada amnya, keputusan untuk memilih satu-satu bidang terpulung kepada doktor tersebut. Mereka mengambil kira banyak perkara di dalam membuat keputusan.

Walaupun terdapat doktor-doktor yang telah membuat pilihan untuk mengikuti bidang perbidanan dan sakit puan, adapun yang lain yang memilih bidang seperti *family medicine* kerana bidang ini memberikan mereka lebih ruang untuk menunaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang ibu, isteri dan sebagainya. Akhirnya mereka yang memilih bidang mana yang sepatutnya sesuai dengan latar belakang dan cara kehidupan mereka dan kita menghormati pilihan ini. Asas kepada permintaan itu, kita menyediakan tempat-tempat latihan. Akan tetapi kalau ada lebih doktor wanita yang memilih untuk mengikuti kursus-kursus perbidanan dan sakit puan, kita akan menghormatinya dan mencari peluang-peluang yang ada agar mereka dapat mengikuti latihan itu. Terima kasih.

3. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah jumlah pengambilan dan peratusan perjawatan kakitangan kerajaan dari Sarawak melalui permohonan portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi tahun 2012-2013; dan
- (b) apakah piawaian Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi mengemas kini senarai-senarai pengiktirafan kelayakan universiti-universiti luar negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2012 pengambilan anak negeri Sarawak sebagai penjawat awam melalui permohonan portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) ialah seramai 4,441 orang iaitu merangkumi 35.57% daripada jumlah permohonan. Manakala bagi tahun 2013

pula iaitu setakat Oktober tahun ini pengambilannya ialah seramai 3,213 orang iaitu merangkumi 27.20% daripada jumlah permohonan. Saya ingin menekankan bahawa ini tidak termasuk pengambilan yang dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran iaitu guru-guru, tidak termasuk itu.

Berhubung dengan piawaian Jabatan Perkhidmatan Awam, mengenai pengemaskinian senarai-senarai pengiktirafan kelayakan universiti-universiti luar negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif penyenaian dan pengiktirafan kelayakan oleh Kerajaan Malaysia adalah untuk memastikan kesesuaian dalam sesuatu bidang yang ditawarkan institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara bagi pelantikan dalam perkhidmatan awam. Keperluan kerajaan dalam membuat penilaian adalah berdasarkan kepada piawaian-piawaian seperti berikut;

- (i) bidang pengajian baru yang kelayakannya perlu diberi penilaian dan pengiktirafan;
- (ii) penghantaran pelajar-pelajar tajaan kerajaan bagi mengikuti sesuatu pengajian di luar negara yang belum diiktiraf;

■1030

- (iii) tawaran biasiswa atau tempat belajar atas dari kerajaan asing;
- (iv) kelayakan yang telah diiktiraf mengalami kemerosotan atau peningkatan daripada segi kualiti;
- (v) perlu ditarik balik pengiktirafan ke atas sesuatu kelayakan di atas sebab-sebab tertentu;
- (vi) Jabatan Perkhidmatan Awam hendak menggubal sesuatu skim perkhidmatan yang baru;
- (vii) permintaan dari jabatan-jabatan kerajaan atau pihak berkuasa melantik; dan
- (viii) permohonan dari IPT luar negara tertakluk kepada peruntukan kerajaan bagi tujuan membuat penilaian, pengiktirafan kelayakan ke atas sesebuah universiti yang baru atau khusus yang baru.

Pengemaskinian senarai-senarai pengiktirafan kelayakan universiti-universiti luar negara dibuat selepas sesuatu kelayakan telah mendapat kelulusan mesyuarat Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ataupun Menteri Pendidikan. Kebiasaannya mesyuarat Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan diadakan sebanyak tiga kali setahun. Mesyuarat ini juga adalah bergantung

kepada jumlah permohonan pengiktirafan kelayakan oleh universiti dalam dan luar negara. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberi daripada Yang Berhormat Menteri. Di sini saya ada dua isu. Satu, di soalan (a). Saya mahu minta apa masalah terjadi kepada Sarawak dalam tahun 2012, kita ada 4,441. Pada tahun 2013 hingga 15 Ogos, 3,213. Masalah kita nampaknya penurunan *percentage* masuk ke sektor pekerjaan perkhidmatan awam. Saya mahu minta soalan ini, saya mahu tanya. Bolehkah bagi penjelasan apa sebab terjadinya penurunan dalam perkhidmatan sektor awam?

Soalan (b), memang jawapan Yang Berhormat itu kita semua memang tahu syarat-syaratnya mestilah kita melihat pengiktirafan. Akan tetapi sekarang isu ini - tidak tahu Menteri tahu atau tidak ataupun pegawai tidak berapa faham. Sekarang pengiktirafan sudah, MQA sudah setuju. Negara kita pun sudah umum. Contoh macam diiktiraf 157 institut pengajian tinggi dari Taiwan pada 31 Januari 2013 tetapi sehingga hari ini, cuma 13 institut pengajian tinggi Taiwan sahaja diiktiraf JPA. Sama juga dalam kerajaan umum. MQA iktiraf 820 institut pengajian tinggi dari negara China tetapi sampai hari ini, cuma hanya 9 institut pengajian tinggi China yang diiktiraf JPA.

Kita boleh nampak perbezaan yang besar. Inilah satu isu yang serius. Kalau kita tidak mahu ambil perkara ini secara serius, memang generasi muda akan hilang kepercayaan kepada kita kerana kita umum satu, buat lain. Kenapa kedua-dua MQA dan Jabatan Perkhidmatan Awam tidak boleh duduk bersama-sama berbincang apa sudah berlaku. Jangan kita sudah lama...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini soalanlah. Saya mahu beritahu, dia terang baru faham. Kalau tidak faham, ini serius. Termasuk Tuan Yang di-Pertua punya anak kalau esok tidak kena, dia sama juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, anak saya pun sekolah Cina Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mana tahu nanti *daughter-in-law* atau *son-in-law* belajar dari sana, nanti Tuan Yang di-Pertua pun pening juga. Kitalah sekarang bela nasib generasi muda. Mereka sudah belajar begitu kuat, begitu lama ambil masa. Sekali balik, JPA cakap tidak boleh, tidak diiktiraf, tidak ada pengiktirafan. Ini memang masalah besar. Situasi ini menyeksa graduan dari negara China ataupun Taiwan. Generasi muda marah.

Saya mahu tanya soalan ini. Bila Jabatan Perkhidmatan Awam sama MQA ini boleh duduk bersama-sama berbincang dan selesaikan isu-isu yang MQA sudah umum tetapi JPA tidak iktiraf? Saya mahu tanya perkara ini sampai bila boleh selesai. Jawab, jangan jawab syok sendiri ya. Pun jangan 'kongkalikung' punya jawab tahu. Isu ini memang sudah lama kita soal beberapa tahun sudah tetapi saya tidak nampak Jabatan Perkhidmatan Awam ambil serius perkara ini. Minta penjelasan.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat dari Bintulu. Saya tidak pernah menjawab untuk syok sendiri. *[Ketawa]* Saya harap ini bukan soalan untuk syok sendiri juga.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua sebab penurunan peratusan pengambilan di Sarawak pada tahun ini dibandingkan pada tahun 2012. Pertama, pengambilan untuk jawatan awan ini adalah *ongoing*, ia berterusan. Maknanya, setakat bulan Oktober, itulah jumlahnya tetapi sebenarnya SPA ini, hampir setiap minggu kita mengadakan temu duga dan perbandingan yang dibuat ini tidak begitu adil kalau kita mengatakan ia menurun kerana untuk tahun 2012 adalah untuk sepanjang tahun. Untuk tahun 2013 adalah untuk sampai pertengahan bulan Oktober. Juga kadang-kala apa yang ditemu duga pada tahun 2011, pengambilannya dibuat pada tahun 2012. Mereka yang ditemu duga pada tahun 2012, kadangkala ditawarkan jawatan tersebut, surat tawarannya diberi pada tahun 2013. Jadi perbandingan ini agak susah sama ada ia meningkat atau menurun dari setahun ke setahun.

Kedua ialah pengambilan dari setahun ke setahun itu tertakluk kepada kekosongan yang wujud pada waktu tertentu. Jadi, itulah sebabnya kadang-kadang peratusan ini meningkat. Ada kalanya ia menurun juga tetapi setelah saya menjawat tempat di Jabatan Perdana Menteri dan bertanggungjawab ke atas pengambilan ini, saya memang pastikan rakyat atau penduduk kita di Sabah dan Sarawak diberi pertimbangan yang sewajarnya dan kalau dapat diberi keistimewaan sebab kita memang agak terkebelakang terutama sekali daripada segi pengambilan guru walaupun soalan ini tidak menyentuh tentang guru.

Berkenaan dengan pengiktirafan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, pertama, saya difahamkan Yang Berhormat Arau, seorang lagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menjawab sebahagian daripada isu-isu ini. Kedua Yang Berhormat, saya ada dua cadangan, kalau betul isu ini agak serius seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Satu, sebelum seseorang itu pergi menuntut di luar negara, baik dia rujuk kepada sistem e-SISRAF. Itulah senarai bidang-bidang, senarai program-program, senarai universiti-universiti sama ada di luar ataupun dalam negara yang diiktirafkan. Kalau nama dalam senarai itu memang sudah dimuktamadkan, isu ini tidak timbul.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, besar kemungkinan apa yang telah diumumkan oleh kerajaan, belum digazet dan belum diwartakan. Jadi ada, apa yang saya katakan *gestation period* di antara pengumuman dengan pelaksanaan ataupun semasa ia diwartakan. Ketiga, memanglah kemungkinan pegawai yang ditanya itu belum sedar ataupun tidak tahu apakah sebenarnya kedudukan semasa. Itulah sebabnya yang paling *reliable* ialah sistem e-SISRAF ini.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bukan, ini masalah Yang Berhormat Menteri.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Belum siap Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kita sudah umum bulan Januari sampai sekarang tidak boleh *outing* dalam *system*, *it's not rating...*

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Saya belum selesai jawab. Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang disebut oleh Yang Berhormat dari Bintulu tadi kalau dapat sebutkan siapa yang mengalami ataupun yang berhadapan dengan kesulitan yang tersebut, beri kepada saya dan saya akan bawa ke peringkat SPA dan juga JPA. Walaupun JPA ini bukan dalam bidang tugas saya kerana saya akan bawa kenapa isu ini timbul. Sekian, terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan yang diberikan tadi. Cuma, apa yang disebutkan di *gestation period* itu terlalu lama. Soalan saya berkenaan dengan pengiktirafan universiti-universiti luar negara. Ia bukan setakat seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bintulu tadi. Ada *disconnect* ataupun tidak selaras dari segi JPA dan MQA dari bawah Menteri Pelajaran.

Akan tetapi saya lihat dalam khususnya dalam isu kursus Ijazah Perubatan. Masalah yang tidak selaras itu timbul bukan setakat di JPA, di bawah MQA tetapi juga Majlis Perubatan Malaysia di mana apabila ada pengiktirafan daripada MQA tetapi Majlis Perubatan Malaysia tidak senaraikan kursus perubatan tersebut antara senarai-senarai ijazah yang diiktiraf. Jadi saya harap perkara ini boleh diberi perhatian di mana isu-isu pengiktirafan *recognition* ataupun dari segi kualiti itu semua diselaraskan di bawah JPA, di MQA dan juga Majlis Perubatan Malaysia, sekian.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi ada di sini dan saya yakin Jabatan Perdana Menteri di bawah saya dan juga di bawah Yang Berhormat Arau dengan Yang Berhormat Menteri Kesihatan dapat duduk bersama. Betul, saya minta kes-kes yang tertentu spesifiklah, baru senang kita bincangkan supaya tidak perlu kita cari mana konflik ini atau pun di mana isu ini timbul yang sepatutnya tidak terjadi begini. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebenarnya saya hendak beri. Akan tetapi Yang Berhormat bercakap sebelum dipanggil ya. Minta maaf banyak-banyak.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ini tidak betul ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, betul. Betullah ini.

4. Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah senjata api yang dirampas oleh PDRM daripada penjenayah dari tahun 2008 sehingga terkini mengikut jenis model dan SOP untuk mengendalikan senjata api tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kementerian amat peka tentang apa jua situasi keselamatan dan ketenteraman awam yang berlaku dalam negara khususnya perlakuan jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api. Umum mengetahui bahawa kebanyakan senjata api haram yang berada dalam negara dipercayai diseludup masuk ke negara ini melalui sempadan negara dan juga senjata api yang dirampas adalah senjata api buatan sendiri, dibuat dalam negara. Statistik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Di Sabah dipanggil *bekakok*, Yang Berhormat. Senjata api buatan sendiri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Dahulu kita sebut *homemade*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Statistik rampasan senjata api oleh pihak polis mulai

tahun 2008 sehingga 2013 Januari to September adalah sebanyak 1,097 unit. Pecahan rampasan mengikut jenis adalah seperti berikut:

Jenis	Unit
pistol semi automatik	406 pucuk
<i>revolver</i>	164 pucuk
<i>rifle</i>	31 laras
senapang patah	91 laras
pistol angin	120 pucuk
<i>pump gun</i>	22 laras
<i>submachine gun (SMG)</i>	7 laras
bom tangan	38 butir
senjata buatan sendiri	218

Semua senjata api yang dirampas adalah merupakan barang-barang *case exhibit* yang perlu dikemukakan ke mahkamah semasa perbicaraan. Pihak polis mempunyai prosedur ataupun SOP khusus dalam pengendalian barang kes berkenaan iaitu di bawah Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN), Bahagian D207 dan juga Arahan Ketua Polis Negara, IGP *Directive* bilangan 72. Di akhir perbicaraan mahkamah akan memutuskan sama ada senjata api tersebut dimusnah atau dibuat keputusan lain terhadap senjata api berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, jawapan yang diberikan oleh Menteri Dalam Negeri semalam kepada soalan Yang Berhormat Batu dan juga soalan saya berkenaan dengan sebab-sebab kehilangan senjata api oleh PDRM.

Saya *quote* jawapan yang diberikan. *“Dalam Laporan Audit yang telah dikeluarkan baru-baru ini, telah disebutkan bahawa 44 senjata api telah hilang sejak tahun 2010 sehingga tahun 2012. Daripada 44 senjata api yang dilaporkan hilang, tujuh senjata api telah berjaya dijumpai semula. Antara sebab kehilangan tersebut adalah berpunca dari;*

- (i) *kereta dipecah dan senjata api tertinggal dalam kereta polis;*
- (ii) *diragut atau disamun;*
- (iii) *tercicir ketika menjalankan tugas;*
- (iv) *kehilangan dalam tandas. - Tuan Yang di-Pertua, pergi tandas jangan ambil pistol nanti; dan*
- (v) *kehilangan dalam pejabat”.*

Pejabat polis sendiri hilang pistol. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah pihak kementerian dan PDRM secara khususnya dapat memastikan bahawa senjata api-senjata api yang dirampas tadi yang berjumlah 1,097 pucuk pistol ataupun senjata api itu tidak akan hilang ataupun jatuh dalam tandas. Adakah pihak polis sendiri telah membuat laporan polis terhadap senjata api-senjata api yang telah hilang itu dan adakah kes itu dibuka dan apakah tindakan kementerian oleh pihak kementerian terhadap pegawai-pegawai yang cuai yang telah menyebabkan senjata api itu hilang dan sama ada tindakan telah diambil? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat, kawan lama ini. Sebenarnya kalau lihat daripada persoalan asal Tuan Yang di-Pertua, ia terkeluar. Akan tetapi saya memahami pandangan Ahli-ahli Parlimen juga ingin tahu apa yang berlaku dengan 44 senjata api yang hilang itu. Kebiasaannya Yang Berhormat, tidak perlu tengok *note* pun saya tahu Yang Berhormat. Saya berkhidmat dalam polis dahulu. Garis panduan dan peraturan untuk menggunakan senjata api itu, ada. Penyimpan senjata api, kita ada dan SOP kita memang jelas.

■1050

Jadi, dalam keadaan sedemikian, apabila seseorang itu kehilangan senjata apinya, dia dikehendaki membuat laporan sebab dia terpaksa mengembalikan senjata api itu kepada **army** ataupun melaporkan kepada pegawai kanan dia. Apabila menerima laporan, dia akan melaporkan dalam laporan polis bahawa senjata apinya, apa sahaja jenis telah hilang, kecaciran ataupun apa cara ia hilang. Sama ada dalam tandas, jatuh dalam sungai dan sebagainya.

Jadi, dalam persoalan 44 ini, tujuh telah *direcover*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita telah menuduh, yang lain masih dalam penyelidikan Yang Berhormat ya. Kes-kes lain masih dalam penyelidikan. Pada tahun 2010, 13 orang telah diambil tindakan disiplin. Tindakan disiplin ini ada orang sebut kata *surcharge* dan sebagainya tetapi dia sebenarnya macam *court marshal*, dalam polis dipanggil *orderly room* Yang Berhormat. Dia dibawa setelah penyelidikan siap – prosesnya macam selidiki penjenayah-penjenayah yang lain juga. Selepas sampai kertas siasatan itu sudah siap, dibawa kepada Inspektor Jeneral Polis dan *Head of Crime Branch*. Kalau perlu, kedua-dua pegawai kanan ini boleh memanjangkan kertas ini kepada *Attorney General* (AG) untuk penilaian yang lebih.

Selepas itu, apakah jenis tindakan yang bakal diambil sama ada daripada AG *Chamber* ataupun daripada IGP *office* ataupun daripada peringkat *Head of Crime Branch* itu sendiri, *Director of Crime Branch* itu sendiri. Berhubung dengan itu, 13 orang telah

dituduh. Pada 2011 empat orang, tahun 2012 tujuh orang. Bermakna 24 di antara 44 orang itu telah dituduh. Orang yang lain itu masih dalam siasatan Yang Berhormat.

Ini kerana, kita kena mengambil kira situasi yang berlaku Yang Berhormat. Saya hendak cerita pendek. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, cerita ringkas. Pada zaman saya dahulu, ada seorang budak, dia naik bot. Selepas itu, bila dia naik bot, dia cuba hendak tolak bot itu. Semasa perjalanan itu, dia tidak sedar yang sungai itu dalam daripada apa yang dia jangka. Akhirnya, semasa dia *struggle* dalam sungai itu, revolver dia terjatuh dalam sungai. Sekembalinya itu, baru dia sedar bahawa revolver itu telah hilang, jatuh dan tercicir sampai ke seberang.

Akan tetapi, hendak *recover revolver* dalam itu, dengan deras itu memang *impossible*. Jadi, dalam keadaan seperti ini, laporan dibuat. Selepas itu, saya melihat sendiri yang budak army ini dibawa di hadapan *orderly room*. Dia beri penjelasan. Dalam keadaan yang sedemikian, kita tidak boleh juga mengambil tindakan yang amat drastik kerana situasinya berlainan. Jadi, yang cuai dalam kereta, pecah dalam kereta, yang cuai disimpan dalam *toilet*, cuai dalam ini memang tindakan yang sekeras-kerasnya patut diambil kepada pegawai polis tersebut Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: [Bangun]

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita telah mewujudkan satu SOP baru Yang Berhormat. Semenjak itu, kita telah membuat SOP baru. Sebenarnya SOP baru ini saya baru terima. Ia berlainan daripada apa yang dahulu kerana menangani masalah-masalah dan situasi-situasi semasa. Mengikut keadaan-keadaan semasa. Jadi, kalau-kalau pegawai-pegawai polis ini pergi ke *toilet*, pergi ke sini, ke sana dan semua ada garis panduan telah ditentukan. Selepas ini nanti, saya cukup yakin pihak penguatkuasaan polis dalaman dia, tindakan akan diambil supaya menguatkuasakan ini seberapa *rigid* yang boleh untuk memastikan kehilangan senjata ini di peringkat yang minimum Yang Berhormat, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu pengeluaran senjata api ini amat ketat untuk dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Sama ada senapang patah ataupun pistol. Saya perhatikan semenjak daripada saya mengenali Malaysia sudah merdeka, senjata api ini mudah diseludup masuk ke dalam negara. Kalau

kita melihat Ops Cantas, kita dapati penganas atau mereka yang merompak dan menyamun mudah menggunakan pistol.

Nampaknya, kerajaan cuma mengatakan hukuman yang berat untuk senjata api tetapi dari segi pengawalan untuk masuk sedangkan kita tahu rakyat hendak memiliki sama ada senapang patah atau pistol, amat sukar. Bagaimana kerajaan mengawal di sempadan? Contoh tempat saya Gerik. Di Bentong hendak masuk ke Pangkalan Hulu, bukan ada satu alat untuk *scan* bagi memastikan senjata tidak dibawa masuk ke dalam. Begitu juga saya yakin di kawasan laut. Soalan saya, apa tindakan Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan senjata api ini tidak dibawa masuk ke dalam negara?

Sehingga hari ini saya tidak nampak usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan senjata api tidak dibawa masuk. Kalau sekadar polis *careless* untuk dapat senjata, saya rasa tidak. Jumlah yang banyak itu mesti datang daripada penyeludupan di luar. Minta kerajaan jelaskan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat, nampak bersemangat pagi ini. Pagi-padi sudah semangat Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita lihat Malaysia itu sendiri Yang Berhormat, kalau kita lihat di Sarawak, Sabah mempunyai sempadan 2,019 kilometer dan dengan Brunei 1,647 kilometer serta 1,400 kilometer air berhadapan dengan selatan Filipina. Begitu jugalah sempadan kita dengan negara Thailand yang mempunyai Kelantan, Perak dan juga Kedah – mempunyai sempadan yang amat besar, yang senang dilalui.

Kalau kita lihat sempadan Kelantan itu sendiri, 94 kilometer Sungai Golok kalau tidak salah saya, yang boleh direnangi, bawa senjata dalam poket. Selepas itu, sebahagian daripadanya iaitu 32 kilometer lagi atas daratan yang punya - tidak ada pagar-pagar yang tertentu. Jadi Yang Berhormat, kalau dipandang daripada segi penguatkuasaan ini memang payah. Akan tetapi dalam masa yang sama, pihak penyeludup ini memang cerdik juga Yang Berhormat. Kadang-kadang senjata api ini mempunyai beberapa *part* yang tertentu. Ia tidak ada seludup secara *fully assemble*, dengan izin.

Dia seludup senjata ini secara *by part*. Satu dia bawa masuk sekali, satu lagi dia masuk sekali. Sampai semua *part-part* itu sudah masuk, yang boleh di selit dan di masuk dalam guni, di masuk dalam *box*, di masuk dalam kotak dan sebagainya. Manakala CIQ kita sendiri pun tidak mempunyai mesin pengimbas yang canggih – boleh mengesahkan perkara ini. Mesin pengimbas kita yang ada sekarang ini kalau kita hendak *check* satu lori memakan masa dua jam baru habis hendak 'cucuk', hendak *check* semua guni-guni dan barang perkakas, *boxes* dan sebagainya Yang Berhormat.

Akan tetapi, dalam masa yang sama, kita tidak boleh menghalang juga kemasukan lori masuk dan keluar daripada kita dengan Thailand ini kerana *economic transaction* kita di antara Thailand dan negara ini amat besar. Ia akan merugikan ekonomi negara. Jadi, dalam keadaan demikian Yang Berhormat, memang cukup payah. Itulah Yang Berhormat Menteri, saya sendiri pergi ke Kelantan, mencadangkan supaya perkampungan di tepi Sungai Golok di Kelantan itu dipindah ke satu tempat yang tertentu untuk *settlement* dan *river* rizab itu kita ambil alih dan beri pagar keseluruhannya. Selepas itu, bolehlah sekurang-kurangnya kita menangani sedikit kemasukan senjata api ini ataupun penyeludupan benda-benda lain boleh keluar masuk daripada Indonesia, daripada Thailand dan sebagainya ke negara kita Yang Berhormat. Jadi, tolonglah bantu KDN dapat lagi beri peruntukan, beri mesin pengimbas Yang Berhormat. Terima kasih.

5. Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta Menteri Luar Negeri menyatakan berkenaan hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

■1100

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengetuai delegasi lawatan kerja ke San Francisco pada 22 hingga 24 September 2013. Semasa lawatan tersebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat Ketiga Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global atau *Global Science and Innovation Advisory Council* yang kita kenali sebagai GSIAC dan seterusnya menghadiri *High Level Forum on Green Future*. Forum tersebut telah disertai oleh ahli-ahli majlis antarabangsa dan negara yang merupakan pakar global dalam bidang sains dan inovasi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seterusnya menghadiri Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa Bioteknologi Ketujuh atau *Bio International Advisory Panel* (Bio-IAP). Lawatan kerja tersebut telah membuka ruang kerjasama antara Malaysia dan Amerika Syarikat di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpeluang untuk menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman atau MoU bagi kerjasama di antara Malaysia Industry Government Group For High Technolgooy (MiGHT), Asian Energy

Investment Pte Ltd (AEI), Might Technology Nurtury (MTN), The Cleantech Open (CTO), Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) dan General Electric Company (GE).

Sebagai salah sebuah negara maju, Amerika Syarikat mempunyai banyak bidang baru yang boleh diterokai. Antaranya bidang keusahawanan sosial ataupun Social Entrepreneurship oleh Twitter Inc., *Initiative Internet Drop Off* oleh Facebook, *Inovasi Big Data Analytic* dan *The Internet of Things* oleh Google Inc. Lawatan kerja ini secara langsung akan dapat menggalakkan peningkatan nilai perdagangan dan pelaburan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

Inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan dalam mesyuarat-mesyuarat dan forum-forum yang dihadiri berupaya memacu negara ke arah status negara berpendapatan tinggi berteraskan sains, teknologi dan inovasi serta pembangunan modal insan yang menyeluruh bagi rakyat Malaysia. Ini telah memberi peluang meningkatkan pengetahuan Malaysia berhubung bidang-bidang ini yang mana adalah penting kepada usaha Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan kerja ke New York, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengetuai delegasi Malaysia ke Sesi ke-68 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dari 25 hingga 29 September 2013. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil bahagian dan membuat kenyataan dalam Debat Umum Perhimpunan Agung PBB pada 28 September 2013. Di dalam kenyataan beliau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan dan mengetengahkan konsep kesederhanaan yang merentasi agama, fahaman politik, pembangunan dan hubungan antarabangsa.

Kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini telah disambut baik oleh banyak negara di serata dunia dan juga oleh Setiausaha Agung PBB. Selain dari mengambil bahagian di Perhimpunan Agung PBB, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menandatangani Triti Perdagangan Senjata dalam rangka mesyuarat peringkat tinggi tersebut. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri bertarikh 11 September 2013 yang bertujuan mengawal perdagangan senjata konvensional di peringkat antarabangsa.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah turut mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Mauritius, Presiden Comoros, Perdana Menteri Bangladesh dan bakal Setiausaha Agung Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk membincangkan isu-isu dua hala dan pelbagai hala yang berkepentingan bersama. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut mengambil peluang semasa lawatan kerja ini untuk melobi

sokongan bagi pencalonan Malaysia ke kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015/2016.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi penekanan dalam usaha meningkatkan pengetahuan umum mengenai inisiatif gerakan kesederhanaan global atau GMM sebagai satu pendekatan untuk mengekang ekstremisme. Ini merupakan manifestasi terhadap sumbangan berterusan dan konsisten Malaysia dalam membantu mengekalkan keamanan dan keselamatan dunia.

Secara kesimpulannya, lawatan kerja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke San Francisco dan New York daripada 22 hingga 29 September 2013 telah mendapat mencapai objektif dari sudut diplomasi pelbagai hala dan dua hala. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dalam jawapan beliau dan saya mengucapkan tahniah juga kepada Wisma Putra yang telah mengatur jadual lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan di sini saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Wisma Putra dalam menerangkan keadaan yang sedikit tegang di Malaysia berikutan dari keputusan ataupun keputusan Mahkamah Rayuan baru-baru ini yang menyebabkan kecelaruan berkenaan dengan pendapat dalam agama di Malaysia.

Misalnya saya seorang Iban yang berbahasa Iban iaitu juga bahasa Melayu tetapi bukan bahasa Malaysia dan berfikir dan bersembahyang, berdoa dalam bahasa Iban menyebutkan perkataan-perkataan yang sentiasa saya gunakan di Sarawak sebelum saya berpindah ke Semenanjung tetapi sekarang tidak dapat menyuarakan atau menyebut perkataan-perkataan tertentu. Apakah usaha Kementerian Luar Negeri untuk menerangkan kecelaruan ini kelak. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Julau. Yang Berhormat Seputeh gelak kuat sangat itu fasal apa?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ini soalan yang diminta oleh Wisma Putra untuk saya jelaskan sedikit kalau adapun ketegangan. Saya rasa soalan ini tidaklah seperti soalan asal tadi walau bagaimanapun, saya hendak jelaskan sebab sebenarnya Wisma Putra ini adalah satu-satunya yang paling hadapan menemui semua warga Malaysia di luar negara dan sudah tentu juga rakyat asing di luar sana. Maka kalau adapun selisih faham dari segi pendapat, dari segi maksud yang sebenarnya Wisma Putra melalui

malawakil kita di seluruh dunia akan menentukan bahawa apa sahaja keputusan yang dibuat itu adalah satu keputusan yang dibuat mengikut perundangan yang sah dalam negara kita.

Maka kalau isu itu dalam negara kita akan bincang dalam negara. Kalau isu luar negara adalah isu perundangan di mana Malaysia adalah satu-satunya negara yang mengikut perundangan dan mengikut lunas-lunas antarabangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyentuh tentang mengenai Lawatan Perdana Menteri ke PBB dan saya ingin bertanya sama ada Malaysia akan menawarkan diri untuk menjadi Ahli Jawatankuasa Keselamatan PBB pada sesi akan datang ini dan apakah implikasi di Malaysia sebagai ahli Jawatankuasa Keselamatan ini sekiranya terpilih memandangkan baru-baru ini Arab Saudi telah menolak kerusi dalam anggota Jawatankuasa Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu ini. Minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1110

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak jelaskan di sini, seperti jawapan asal saya tadi, saya katakan bahawa kita telah membuat satu lagi *candidature* atau minta supaya banyak negara menyokong pencalonan Malaysia sebagai salah satu anggota Kerusi Tidak Tetap Majlis Keselamatan pada penggal 2015 dan 2016. Ini bukanlah buat pertama kalinya kita juga pernah duduk di situ.

Apabila kita menjadi salah seorang anggota Majlis tersebut kita ingin berperanan untuk bersuara bagi pihak Asia Pasifik, kerana kita adalah wakil Asia Pasifik menjadi salah seorang ahli Majlisnya. Maka dalam perbincangan di mana kita mahukan sokongan datangnya daripada negara-negara tersebut, untuk mengeluarkan bermacam-macam lagi kaedah-kaedah baru, reformasi yang ingin kita buat dalam Majlis Keselamatan tersebut.

Maka sekiranya berlaku seperti negara *Saudi Arabia* yang cuba untuk tidak mahu menjadi anggota, itu masalah yang lain. Kita rasa amat kesal jika sekiranya *Saudi Arabia* menarik diri. Apa yang penting kepada kita adalah suara untuk kita bawa bagi pihak negara-negara yang menyokong kita, bagaimana untuk mengadakan satu reformasi yang paling utama bagi kepentingan manusia sejagat. Bukan semata-mata untuk negara kita Malaysia tetapi juga untuk negara yang kita rasakan perlu dari segi membantu mereka, daripada kaedah keselamatan di seluruh dunia dan termasuklah negara-negara yang tertentu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya soalan tambahan sebab ini patutnya daripada sebelah sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada dalam *standing order* yang begitu Yang Berhormat. Saya akan perbaiki kerana ada dua Barisan Nasional sini. Soalan seterusnya saya akan perbaiki, kita akan bagi dua di sini boleh diurus secara baik.

6. Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan jumlah permohonan pinjaman TEKUN Nasional mengikut kawasan Parlimen, berapakah yang sedang diproses, telah lulus dan permohonan ditolak setiap tahun daripada tahun 2008-2013. Berapa ramai yang memohon semula setelah permohonan pertama ditolak.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat daripada Bakri.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2008 hingga 2013, TEKUN telah menerima permohonan seramai 225,024 untuk mendapatkan pinjaman daripada TEKUN, dengan jumlah nilai RM2.35 *billion*. Daripada jumlah tersebut sebanyak 213,082 permohonan pinjaman telah diluluskan dengan jumlah RM2.0 bilion. Terdapat 5,393 permohonan yang ditolak dengan nilai RM135 juta. Manakala permohonan yang masih di dalam proses ialah seramai 6,549, dengan nilai RM128 juta.

Untuk mendapatkan maklumat pecahan mengikut kawasan Parlimen ianya begitu *detail*. Walau bagaimanapun, untuk kawasan Parlimen Bakri, bagi tahun 2008 hingga 2013, jumlah permohonan yang telah diluluskan ialah RM8,660,500 dengan bilangan 903 orang pemohon yang telah berjaya. Permohonan dalam proses ialah 17 orang manakala yang ditolak 25 orang. Sekian, terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Timbalan Menteri menjawab soalan dari Bakri. Di sini saya hendak minta penjelasan, berapakah jumlah pembayaran semula yang berjaya dikumpulkan sehingga kini mengikut kawasan Parlimen? Berapakah jumlah peminjam yang membayar pinjaman sehingga kini? Apakah tindakan pihak TEKUN terhadap peminjam yang ingkar? Adakah mereka akan diambil tindakan undang-undang atau tunggakan pinjaman ini akan dilupuskan? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bakri. Jumlah kutipan semula daripada pinjaman yang telah diberikan sebanyak RM2.8 bilion sejak ianya dimulakan pada tahun 1998 ialah RM1.677 bilion.

Jadi satu jumlah yang besar, dan menunjukkan kutipan semula adalah baik, tidak berada di dalam keadaan krisis yang perlu membimbangkan kita.

Walau bagaimanapun, ada beberapa peminjam yang belum lagi menyelesaikan pinjaman mereka ini, maka usaha untuk mendapatkan bayaran balik ini diteruskan. Buat masa ini tidak ada perlunya tindakan undang-undang. Walau bagaimanapun, pihak pegawai mengambil tindakan yang serius dan bersungguh-sungguh untuk mengutip pinjaman. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri jawab.

Tadi Yang Berhormat Menteri kata, RM1.6 bilion berbanding dengan RM2.8 bilion yang telah dipinjamkan maka kadar bayar balik adalah lebih kurang 5.55% sahaja. Akan tetapi mengikut *International Standard*, dia patutnya lebih daripada 85%, maksudnya- kita, TEKUN ini, gagal. Sebab ramai di kawasan, orang kampung merungut yang patut dapat, tidak dapat yang dapat pula yang perlu di hadap kepada Ketua UMNO Bahagian, baru boleh dapat.

Jadi saya hendak tanya apakah prosedur? *[Disampuk]* Ha! Kena masuk UMNO betul. Ini adalah dia punya ini - jadi ini tidak adil kerana 1Malaysia adalah untuk semua bukan untuk UMNO sahaja. Jadi saya hendak tanya, prosedur- adakah perlu masuk UMNO atau perlu pergi kepada Ketua Bahagian UMNO untuk mendapatkan kelulusan?

Saya hendak tanya juga sebab banyak rungutan bahawa orang yang dapat TEKUN pergi beli motor atau pergi beli kereta. Saya tidak yakin dengan 5.55% kadar bayar balik sahaja. Saya hendak tanya, apa langkah-langkah yang serius, sebab ini berbilion-bilion ringgit. Berbilion-bilion ringgit wang kerajaan telah dipinjamkan. Soalan yang kedua ialah bagaimana boleh capai balik 85% *International Standard micro credit*. Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bayan Baru perkiraan Yang Berhormat itu tidak betul. Bayaran RM1.6 bilion itu yang telah kita kutip, bakinya, banyak permohonan-permohonan baru, tunggulah masanya sampai dia *matured*. Apa bingung sangat? *It is not matured yet [Ketawa]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ini jawapan daripada Menteri? Ini soalan daripada Yang Berhormat Bakri. Yang Berhormat Bakri yang minta Menteri untuk ...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, *you ask for it ...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Kita *build on what your quotient is*.

■1120

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Jawapannya, pinjaman-pinjaman yang baru tentulah menunggu tempoh matang. *You understand that? [Ketawa]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jadi, berapa kadar bayar balik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan macam itu Yang Berhormat. Ini bukan bincang Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ini bukan soal kadar. Ini soal berapa yang telah dikutip dan berapa yang belum dikutip. Apa yang belum dikutip itu adakah hutang lapuk atau hutang tidak lapuk? Saya tidak bagi tahu berapa yang lapuk. Masalahnya Yang Berhormat sudah jadi lapuk. *[Ketawa]* Okey, lagi satu pinjaman kata untuk orang UMNO sahaja. Ini Pulau Pinang ini, macam mana ini? RM104 juta kita bagi pinjaman TEKUN kepada orang-orang Pulau Pinang dan banyak orang Pulau Pinang ini yang tidak menyokong UMNO pun, menyokong DAP. Kita bagi orang DAP ini. Ini, ini, senarai dia. Senarai DAP ada dengan saya ini. Penyokong DAP, *DAP sympathizers*. Kita bagi, tidak ada masalah. *There's no discrimination*, dengan izin. *You are making a baseless accusation* dengan izin. *This is the character of DAP*.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya tanya soalan Yang Berhormat Menteri, saya tanya soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tolong Yang Berhormat Menteri jawab soalan dengan cara *graceful*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Soalan bodoh, dapatlah jawapan bodoh.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Yalah. Ini saya dapat ucapan tahniah menang MPT. Jadi terima kasihlah. *[Ketawa]*

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: *[Bangun]*

[Soalan No. 7 – Y.B. Datuk Jumat bin Haji Idris (Sepanggar) tidak hadir]

[Soalan No. 8 - Y.B. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput) tidak hadir]

9. **Tuan Masir Kujat [Sri Aman]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapakah keluasan tanah NCR/Hak Adat atau bergeran yang terlibat dengan penanaman semula getah atau *mini estate* getah oleh RISDA di pedalaman Sri Aman.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan nombor 9, RISDA telah melaksanakan program penanaman semua getah ke getah di Sarawak bermula pada tahun 2009. Untuk makluman, pihak RISDA hanya melaksanakan penanaman semula getah ke atas tanah bergeran sahaja. Setakat tahun 2013, seramai 1,235 orang pekebun kecil telah menerima bantuan bagi program tersebut yang melibatkan keluasan tanah sebanyak 1,055 hektar. Selain daripada itu, jumlah bantuan tanaman semula yang telah disalurkan kepada pekebun kecil adalah sebanyak RM5.1 juta. Sekian, terima kasih.

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jawapan Yang Berhormat Menteri. Jadi, soalan tambahan saya ialah untuk minta Yang Berhormat Menteri menyatakan langkah-langkah yang akan menggalakkan ramai lagi peserta untuk tanaman semula getah secara kelompok yang melibatkan tanah hak adat bumiputera kerana tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut hanya melibatkan tanah pekan sahaja. Ini kerana di Sarawak ramai yang mempunyai tanah NCR ataupun hak adat bumiputera.

Jadi, saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan langkah yang sepatutnya diambil untuk menggalakkan ramai lagi golongan kaum bumiputera melibatkan diri dalam tanaman semula berkelompok getah. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab ini, yang sebenarnya RISDA buat masa sekarang hanya dibolehkan membangunkan atau membuat program tanaman semula getah ini di atas tanah yang bergeran sahaja. Akan tetapi Yang Berhormat Sri Aman sepatutnya sedar juga, sekarang kerajaan telah begitu hebat sekali di mana-mana tempat di seluruh negeri Sarawak melaksanakan *survey*, penyukatan ataupun *survey* dan buat geran tanah atas tanah-tanah adat.

Jadi, jangan risaulah sebab lebih ramai lagi yang mereka masuk dalam program penyukatan tanah adat ini dan mendapatkan geran secara tanah adat ini nanti, sudah tentulah mereka ini boleh memohon dan RISDA akan menimbangkan di mana keperluannya, tetap membantu pekebun-pekebun kecil yang ingin mengikuti program ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengikut apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa polisi RISDA ini tidak membenarkan, tidak bantu mereka yang pemegang NCR. Akan tetapi pada hakikatnya, pemilik tanah NCR merupakan kebanyakan pemilik tanah di Sarawak.

Polisi ini memang mendiskriminasikan pemilik-pemilik tanah NCR dan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa ada perimeter *survey* yang telah diambil yang hebat. Akan tetapi mengikut apa yang saya tahu, perimeter *survey* itu akan memakan masa 10 tahun, 20 tahun dan selepas itu baru beri bantuan. Maka ini bermakna bahawa pemilik-pemilik NCR terpaksa menunggu sekurang-kurangnya 10 tahun atau 20 tahun untuk terima bantuan. Apakah kerajaan boleh meminda sahaja polisinya mengenai bantuan diberi kepada pemilik NCR, tidak payah terhad kepada pemilik tanah yang bergeran sahaja.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Tempat yang tidak ada NCR pun. [*Ketawa*] Kerajaan sentiasa prihatin kepada rakyat. Buat masa sekarang, memang dalam segi undang-undang, memang begitu. Jadi walaupun begitu, kerajaan akan membantu di mana-mana ataupun sesiapa yang hendak memohon bantuan seperti yang telah kita sebut tadi.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh sebab Sarawak sendiri pun adalah negeri yang begitu luas sekali dan tanah-tanah NCR pun begitu luas di sana. Yang Berhormat harus tahulah sebab DAP sekarang hendak pergi *rural*. Saya tahu ini, soalan ini Tuan Yang di-Pertua adalah berunsur politik menunjukkan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini niat jahat, ini niat jahat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yalah, duduk, duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini niat jahat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Duduk, *floor* saya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kita bincang polisi. Polisi kerajaan boleh diubah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Memanglah.

Datuk Seri Reezal Merican,[Kepala Batas]: Duduklah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan sebab...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Sebab itu saya sebut kerajaan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Beri itu bantuan...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Kerajaan Barisan Nasional ini sentiasa...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Di bawah program RISDA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching, duduklah.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Cukuplah dan dasar kita akan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sebagai pemilik NCR. Ini hanya satu polisi sahaja.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Dasar kita akan lihat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dengan serta-merta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching, duduk. Duduk Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Dasar kita akan melihat di mana kita boleh menambahbaikkan dasar, kita akan buat dan sebelum kita sampai ke sana, sekarang kita buat, yang perlu kita buat iaitu kita buat penyukatan tanah. Tidak salah. Sekian, terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, ini mengelirukan. Perimeter *survey* ambil...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat, sudah habis.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sekurang-kurang 10 tahun untuk selesaikan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: / *think you...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya melihat Yang Berhormat...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kenapa itu? Apa *you* campur tangan?

Seorang Ahli: 2015.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: 2015.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat Bandar Kuching, duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Not survey. [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

[Soalan No.10 – Y.B. Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah (Kuala Terengganu) tidak hadir]

11. **Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah persediaan dan perancangan kerajaan untuk memanfaatkan TPPA sekiranya perjanjian ini dipersetujui dan ditandatangani.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Saya ingat sudah sampai Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Pilihan raya kecil Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Dia kena jawab lambat-lambat supaya tidak ada soalan tambahan. *[Ketawa]* Sekiranya Malaysia bersetuju menandatangani TPPA, ini sekiranya, cerita sekiranya dan perjanjian ini dimeterai kerajaan akan sudah tentulah melaksanakan program-program *outreach*. Kaedah pelaksanaan program-program ini masih dalam penelitian dan pertimbangan tetapi dijangka akan meliputi beberapa kumpulan ataupun pelbagai kumpulan pihak yang berkepentingan dengan objektif yang mungkin berbeza. Sebagai contoh, pertama, *outreach* kepada kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang akan merangkumi penerangan mengenai pelaksanaan komitmen perjanjian dan perkara-perkara yang perlu diambil tindakan;

■1130

Kedua, *outreach* kepada *community business* ataupun perniagaan yang akan merangkumi penerangan mengenai faedah-faedah dan peluang-peluang yang boleh di peroleh dan diterokai di bawah perjanjian, dan cara-cara bagaimana komuniti perniagaan dapat meraih faedah ataupun keuntungan tersebut.

Ketiga *outreach* kepada syarikat-syarikat IKS yang akan merangkumi penerangan mengenai bab-bab yang berkaitan dengan IKS, faedah-faedah dan peluang-peluang yang boleh diperolehi dan diterokai selain daripada meningkatkan dengan izin, *capacity building* mereka. Di bawah perjanjian mengenal pasti bidang-bidang kerjasama atau pembangunan kapasiti yang diperlukan, seperti yang saya sebutkan tadi. Khususnya dibincangkan secara bersama dengan negara-negara TPPA yang lain dan seterusnya mengadakan program yang sesuai secara bersama.

Keempat ialah *outreach* kepada badan-badan bukan kerajaan yang sekarang kita sedang laksanakan akan dibuat secara berterusan, serta orang awam yang akan merangkumi penerangan mengenai perjanjian berkenaan.

Akhirnya adalah dijangkakan bahawa program *outreach* ini diadakan secara komprehensif agar TPPA dapat dilaksanakan secara lancar, setelah difahami untuk memastikan faedah dan peluang-peluang perniagaan dapat diraih daripada perjanjian ini. Akan tetapi saya hendak sebut di sini bahawa setiap perjanjian perdagangan, ini saya hendak tekankan sekali lagi bahawa, setiap perjanjian perdagangan bebas, liberalisasi ke

atas duti import bagi produk-produk negara yang dianggap sensitif adalah dilaksanakan secara berperingkat, dalam jangka masa yang panjang.

Kalau dia melibatkan duti import, dia akan buat secara dengan izin, *soft landing*. Ini akan memberi peluang kepada industri-industri tempatan untuk melengkapkan diri dengan liberalisasi tersebut. Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, sejauh manakah masyarakat bumiputera bersedia untuk bersaing dengan masyarakat antarabangsa sekiranya TPPA ditandatangani? Adakah kerajaan mempunyai perancangan yang khusus bagi memastikan bumiputera tidak ketinggalan. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi bahawa *program outreach* ataupun penerangan tentang faedah-faedah, tentang tindakan seterusnya yang patut dilakukan, dibuat meliputi semua masyarakat *business* termasuklah kaum ataupun orang-orang bumiputera tidak tertinggal. Sudah tentulah pada masa sama kita terima komitmen untuk meningkatkan *capacity building* di kalangan peniaga-peniaga, usahawan-usahawan, dan dengan izin, *manufacturers* kaum bumiputera supaya mereka boleh bersaing dengan semua peniaga ataupun usahawan, bukan saja dalam negara Malaysia malah di luar negara.

Ertinya tindakan secara komprehensif dibuat untuk meningkatkan kualiti perniagaan mereka, supaya setanding dengan masyarakat antarabangsa. Kita tidak boleh berada pada takuk lama kerana kita perlu bergerak untuk memastikan bahawa kita termasuk orang bumiputera setanding dengan pedagang-pedagang di seluruh dunia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat itulah sesi pertanyaan lisan bagi pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN KESELAMATAN
(LANGKAH-LANGKAH KHAS) (PINDAAN) 2013****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.35 pg.****Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa iaitu Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2013 dibacakan kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan Akta Pencegah Jenayah 1959 (Pindaan dan Pernerluasan) 2013 di perkasakan seperti mana yang telah dibentangkan pada sesi ini, beberapa pindaan selari terhadap 10 undang-undang lain turut dibuat termasuk Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012.

Pada masa ini Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, digunakan untuk mengambil tindakan terhadap kesalahan-kesalahan di bawah Bab VI, kesalahan terhadap negara. Bab VIA, kesalahan berhubung dengan keganasan di bawah Kanun Keseksaan. Walaupun akta ini baru saja digubal pada tahun 2012, namun terdapat keperluan untuk meminda beberapa peruntukan untuk memasukkan kesalahan-kesalahan keselamatan yang lain bagi memperkukuhkan lagi tindakan yang boleh diambil terhadap penjenayah.

Bab VIB Kanun Keseksaan yang telah digubal pada tahun 2012 mengenai jenayah-jenayah terancang, di mana terdapat dua kesalahan yang telah diwujudkan itu. Kesalahan menjadi anggota kumpulan jenayah terancang yang boleh dihukum sehingga lima tahun penjara dan membantu kumpulan jenayah terancang yang boleh dihukum penjara sehingga 10 tahun. Bab ini juga turut mentakrifkan kumpulan jenayah terancang dan kesalahan serius.

Sehubungan dengan itu, kanun keseksaan juga telah dibuat pindaan selari dengan memasukkan beberapa peruntukan di bawah Bab VIB seperti seksyen baru, 130X, 130Y, 130Z, 130ZA, 130ZB dan 130ZC, untuk mewujudkan kesalahan tambahan seperti melindungi, bergaul, merekrut atau mengambil bahagian dalam kumpulan jenayah terancang serta menerima suapan untuk memudahkan atau memulihkan aktiviti jenayah terancang. Dengan perkembangan dunia tanpa sempadan, Tuan Yang di-Pertua,

penyeludupan migran adalah berupa satu sindiket yang menjadi ancaman baru terhadap keselamatan negara.

Ini kerana negara kita masa ini dijadikan negara transit sebelum migran ini diseludup masuk ke negara destinasi. Senario ini menyebabkan negara kita diletakkan di *tear* dua *watch list* dalam *US Report on Trafficking In Persons* selama tiga tahun, 2010 dan 2012 berturut-turut. Sehubungan dengan itu, kesalahan-kesalahan berkaitan anti penyeludupan migran di bawah bahagian 3A iaitu seksyen 26A, 26B, 26C, 26D, 26E, 26F, 26G, 26H, 26I, 26J dan 26K Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] yang mana memperuntukkan membantu menyediakan kemudahan, menyediakan perkhidmatan, menyembunyi, merekrut, menyokong kesalahan bagi maksud penyeludupan migran atau migran di seludup dalam transit bersesuaian dokumen diri dan pemalsuan dokumen diri dan perjalanan adalah berupa satu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua jenayah terancang dan sindiket penyeludupan migran ini telah mencapai ke tahap yang boleh mengancam keselamatan negara, kerana telah memberi kesan negatif ke atas aspek sosial, ekonomi dan politik yang merupakan tunjang kepada kestabilan sebuah negara.

■1140

Sebagai contoh dari aspek sosial, peningkatan kadar jenayah, aktiviti-aktiviti seperti penyalahgunaan dadah, perjudian, maksiat, pergaduhan di tempat-tempat awam. Lambakan migran akan menjadi benar-benar dan kawasan perumahan tidak aman seperti sedia kala sehingga menjejaskan kehidupan seharian masyarakat.

Dari sudut ekonomi, aktiviti kumpulan kongsi gelap yang bermaharajalela dan kedudukan negara dalam *US Trafficking in Persons Report* akan menjejaskan keyakinan pelabur asing dan pelabur tempatan. Kadar jenayah berat yang tinggi dan lambakan migran juga akan menyebabkan pelancong asing merasakan tidak selamat dan tidak memilih untuk melancong ke negara ini. Akhirnya, pembangunan ekonomi kita akan terencat dan seterusnya menjatuhkan nilai mata wang negara.

Dari sudut politik pula, terdapat juga kemungkinan kumpulan-kumpulan jenayah terancang untuk mempengaruhi ahli-ahli politik dan pegawai-pegawai kanan kerajaan bagi melindungi kegiatan mereka. Sekiranya hal ini dibenarkan berlaku, maka institusi-institusi kerajaan akan kehilangan kredibiliti dan kewibawaan dan seterusnya menyebabkan kerugian yang besar kepada negara. Oleh yang demikian, kesalahan-kesalahan di bawah Bab VIB Kanun Keseksaan, dan Bahagian IIIA Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 dijadikan kesalahan

keselamatan dalam Jadual Pertama- Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan rang undang-undang ini menguntungkan seperti yang berikut:

- (i) meminda seksyen 6, dan seksyen 30 teks Bahasa Kebangsaan supaya selaras dengan teks bahasa Inggeris seperti mana di dalam fasal 2 dan 3;
- (ii) menggantikan jadual pertama sedia ada dengan jadual pertama baru untuk memasukkan dua kesalahan keselamatan baru iaitu Bab IB, Bab VIB kesalahan jenayah terancang dan Kanun Keseksaan; dan
- (iii) Bahagian IIIA Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007. Selain daripada kesalahan keselamatan sedia ada iaitu Bab VI, dan Bab VIA.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 di bacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Seorang Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Seorang sahaja yang berminat? Yang lain? *[Disampuk]* Belum dapat lagi. Okey, sila Yang Berhormat Padang Serai.

11.43 pg.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang baru dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri adalah satu perkembangan yang amat serius dan impak rang undang-undang ini adalah amat besar. Walaupun rang undang-undang ini hanya satu muka tetapi impaknya begitu luas.

Ini kerana dengan pindaan ini dan saya merujuk terutamanya kepada fasal 4. Fokus saya adalah fasal 4. Dengan pindaan ini dua kategori kesalahan akan dibawa untuk dirangkumi atau pun di bawah peruntukan SOSMA. Peruntukan SOSMA kita tahu adalah peruntukan yang amat serius, yang mengetepikan beberapa fasal yang terkandung di dalam fasal-fasal *fundamental rights*, dengan izin, di bawah Perlembagaan Persekutuan iaitu daripada beberapa fasal daripada fasal 5 hingga fasal 13. Jadi, adalah satu undang-undang yang amat serius dan kita telah berhujah sebelum ini bahawa ia juga adalah suatu undang-undang yang *draconian*, SOSMA.

Dengan membawa kesalahan-kesalahan di bawah Bab VIB iaitu *organized crime*, bermakna apa yang dilakukan pada hari ini oleh pihak kerajaan adalah meluaskan *ambit* atau pun skop SOSMA iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2013. Kita perlu ingat apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan, saya percaya pada 16 September 2011 bahawa ISA akan dimansuhkan dan menyatakan bahawa akan ada beberapa undang-undang yang akan mengambil tempatnya, beliau merujuk kepada SOSMA. Kemudiannya SOSMA telah digubal dan diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Jelas daripada konteks itu bahawa pada semua masa adalah tujuan kerajaan pada masa itu, daripada apa yang diberitahu kepada rakyat, pemahaman rakyat adalah bahawa satu undang-undang baru akan dibawa untuk mencegah masalah *terrorist* atau pun pengganas dan sebagainya. Oleh sebab itu, itulah alasan utama yang dan diberi untuk digubal *Security Offences (Special Measures) Act* ini atau pun SOSMA.

Sekarang, kita lihat sekali lagi. Ya, kerajaan dengan izin telah *move the gold post*, telah berubah haluan. Apa yang disebut sebelum ini tidak selari dengan apa yang dilakukan pada masa ini. Kalau kita lihat Bab VIB yang sekarang hendak dimasukkan. Daripada seksyen 130U sehingga 130W sebelum ini. Sekarang selepas undang-undang yang diluluskan bacaan semalam ditambah pula daripada 130X sehingga 103ZC.

Antara kesalahan-kesalahan yang telah dimasukkan dengan pindaan ini adalah kesalahan yang begitu kabur seperti telah dihujahkan semalam termasuk yang telah 'dijenayahkan' kesalahan *consorts* atau pun bergaul dengan *organized criminal group* dengan izin, sesiapa yang *participate* atau pun mengambil bahagian di dalam *organized criminal group*. Kesalahan-kesalahan yang begitu kabur dan remeh pada hujahan saya. Sekarang, kesalahan-kesalahan seperti ini semuanya telah dibawa di bawah *provision* SOSMA yang begitu *draconian*.

Sebelum saya meneruskan lagi, saya ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, apakah peruntukan-peruntukan SOSMA ataupun Akta Kesalahan

Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ini? Secara ringkas, ia membawa perubahan yang amat serius dan kesalahan-kesalahan yang dirangkumi oleh SOSMA. Jika seseorang dituduh di bawah peruntukan, sebarang undang-undang yang di bawah SOSMA, bermakna tempoh reman yang biasa 14 hari ditinggikan kepada 28 hari. Perbicaraan bukan di Mahkamah Majistret atau di Mahkamah Seksyen walaupun apa kesalahannya perbicaraannya adalah di Mahkamah Tinggi.

Jaminan ditolak, kecuali dalam beberapa keadaan yang sempit sahaja, ada *acceptation* yang amat sempit. Kes-kes di mana sakit dan sebagainya. Akan tetapi secara prinsipnya *no bail*. Maknanya, keadaannya sama seperti dalam kes bunuh, di mana kes bunuh adalah '*unbailable*' offence, dengan izin, bermakna tidak boleh dijamin. Keterangan boleh diambil dan diberi tanpa peguam atau pun tertuduh mendengar saksi yang memberi keterangan.

■1150

Bermakna begitu susah untuk pihak tertuduh atau peguam untuk menyoal balas atau menjalankan perbicaraan dengan cara yang adil kepada tertuduh. Undang-undang keterangan telah dilonggarkan dan ini kes jenayah Tuan Yang di-Pertua tetapi undang-undang mengenai keterangan yang boleh diterima oleh mahkamah di dalam kes-kes tersebut di bawah SOSMA ini dilonggarkan.

Umpamanya seksyen 19, seksyen 20, seksyen 21, seksyen 23, seksyen 26, SOSMA ini semua melonggarkan undang-undang keterangan yang biasa ada di dalam kes-kes jenayah yang lain yang tidak termasuk di bawah SOSMA. Ini adalah sesuatu yang serius kerana kita tahu undang-undang keterangan ini ada di sana di bawah Akta Keterangan 1950 ada untuk satu sebab yang baik untuk memastikan ketidakadilan tidak berlaku kepada sesiapa. Sekali lagi saya ingin mengingatkan bahawa seseorang yang dituduh bukan semestinya seseorang yang telah melakukan kesalahan (*innocent until proven guilty*). Saya mengulangi.

Selepas seseorang itu dibebaskan, katakan mahkamah membebaskan, jika pendakwa raya membuat rayuan maka masih tertuduh itu tidak akan diberikan jamin tetapi terus direman sehingga habis proses rayuan juga. Ini adalah sesuatu peruntukan yang amat menindas dan amat serius Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada Kanun Acara Jenayah biasa, *confession* ataupun pengakuan masih diterima di bawah undang-undang SOSMA dan kita boleh ingat kembali mengapa Peguam Negara selepas bertahun-tahun tekanan daripada masyarakat *civil*, *Bar Council* dan banyak pihak mengapa kita memansuhkan *provision* menerima pengakuan dalam Kanun Acara Jenayah kerana ia membahayakan. Ia menyebabkan banyak sangat kes di mana orang

yang ditangkap didera, dipukul dan sebagainya untuk mendapatkan pengakuan dan itulah sebab akhirnya dilihat bahawa ia begitu berbahaya dan ia telah dimansuhkan di Kanun Acara Jenayah tetapi di dalam SOSMA ada.

Jadi kalau kita lihat kesemua peruntukan yang begitu menindas ataupun begitu ketat dan serius di dalam undang-undang SOSMA ini kita dapat lihat mengapakah ia menjadi isu yang begitu besar apabila kesalahan-kesalahan jenayah biasa seperti *organized crime* bukan *terrorisme*, bukan aktiviti pengganas. Ini bukan Al-Qaeda. Ini adalah jenayah-jenayah biasa pula dibawa ke bawah SOSMA dan peruntukan-peruntukan yang begitu ketat dan mencabul hak seseorang itu akan terpakai pula kepada jenayah-jenayah biasa. Ini adalah bantahan kita yang pertama dan utama bahawa satu sistem yang luar biasa. SOSMA adalah undang-undang luar biasa yang sepatutnya digunakan di dalam keadaan luar biasa.

Umpamanya terhadap pengganas Al-Qaeda atau sebagainya dan bukan bagi kesalahan biasa. Kalau kita lihat kepada SOSMA sendiri, undang-undang ini jawapannya ada di sini. Permulaan SOSMA adalah *recitalnya*. *Recitalnya* di bawah fasal 149 Perlembagaan Persekutuan iaitu, bahawasanya tindakan telah diambil dan tindakan lanjut diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia untuk menyebabkan keganasan terancang terhadap orang atau harta atau untuk menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan keganasan dan beberapa lagi *provision* tetapi itu yang utama. Maka undang-undang ini disahkan jika *recital* di bawah 149 digunakan.

Soalnya Tuan Yang di-Pertua, apakah *substantial body of persons* ini yang sedang mengancam negara kita pada masa ini. *Organized criminal group* adakah itu *substantial body of person* yang sedang mengancam negara kita pada masa ini? Tidak. Mengapa undang-undang sendiri menunjukkan bahawa *organized criminal group* itu bukan satu *substantial group of persons* di bawah 149, bawah mana SOSMA digubal. Mengapa saya kata begitu? Cuba kita lihat sekejap.

Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri lihat kepada Kanun Keseksaan, lihat kepada seksyen 130U yang merupakan seksyen definisi apakah itu *organized criminal group*. Saya baca, *organized criminal group means a group of two or more persons acting in concert with the aim of committing one or more serious offences in order to obtain directly or indirectly immaterial benefit power or influences*.

Organized criminal groups a group of two or more persons. Bermakna apa? Bermakna kalau dua orang pun itu adalah *organized criminal group*. Bermakna mungkin ada banyak *group* kecil-kecil di merata di atas mana tindakan perlu diambil. Bagaimana dan dengan logik mana definisi seperti itu *groups* kecil dua atau lebih boleh dinyatakan

sebagai *a substantial body of persons threatening the Federation of Malaysia*. Bagaimana? Apakah dengan izin *logical lead* daripada yang ini kepada yang itu. langsung tidak ada. Bermakna apa? Bermakna membawa kesalahan di bawah Bab VIB ke dalam SOSMA adalah menentang dan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang begitu jelas *substantial body of persons*. Kesan yang kedua pula adalah ia dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it is a slippery slop*.

Kita mula proses ini membawa kesalahan jenayah biasa kepada bawah SOSMA bermakna kita mulakan proses di mana selepas itu mungkin lebih lagi undang-undang biasa dimasukkan di bawah SOSMA. Apa lagi? *Are we going to stop here?* Tidak ada *guarantee*, tidak ada jaminan. Apa lagi? Mungkin Akta Hasutan, mungkin UUCA, mungkin *Peaceful Assembly Act*, Akta Perhimpunan Aman. Apa lagi? Apakah ada batasan selepas perkara ini dilakukan di mana semua jenayah biasa pun dibawa dan apakah kesannya? Kesannya kita ada dua sistem.

Apabila SOSMA masih digunakan untuk keadaan luar biasa boleh diterima lagi tetapi apabila ada jenayah biasa dimasukkan di dalam SOSMA, di dalam sistem perundangan jenayah tiba-tiba ada dua sistem. Satu sistem di bawah Kanun Acara Jenayah biasa di mana kesemua undang-undang Akta Keterangan dan jaminan-jaminan bagi ketidakadilan masih ada. Satu lagi sistem di bawah SOSMA di mana jaminan-jaminan ini tidak ada dan dengan itu sistem perundangan jenayah kita terbelah dengan dua dan tidak ada *precedent* di *Commonwealth* bagi sistem seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kembali kepada fasal 149. Fasal 149 ini penting kerana undang-undang ini sedang dimasukkan di bawah undang-undang yang di bawah naungan 149. Apakah sejarah 149? Fasal 149 dimasukkan oleh Reid Commission ataupun dicadangkan oleh Reid Commission di dalam tahun 1957. Mengapa? Kerana dalam tahun 1948, keadaan darurat dibawa di tanah Melayu di Malaya dan darurat ini daripada 1948 sehingga 1960. Reid Commission membuat cadangan 1957 semasa pemberontakan Komunis (*Communist Insurgency*) dan tujuan Reid Commission memasukkan dan *is not disputed*, jelas.

Tujuan Reid Commission memasukkan ataupun mencadangkan fasal 149 adalah disebabkan adanya pemberontakan komunis-komunis *insurgency* yang begitu serius. Itu adalah *substantial body of persons* dengan jelasnya. Pemberontakan komunis adalah *substantial body or persons* seperti yang dinyatakan di dalam fasal 149. Itu tujuannya. Jadi kalau lihat apakah tujuan asal dan sehingga hari ini 2013 kita lihat apakah ia digunakan untuk tujuan apa dan kita lihat begitu jauh bezanya tujuan asal dan tujuan sekarang.

■1200

Sebab mengapa apabila Perlembagaan kita digubal, apakah fikiran yang pertama di dalam penggubal untuk memastikan dalam negara demokrasi tidak ada apa-apa percubaan bahawa hak asasi, hak *fundamental* semua rakyat dipelihara. Itu adalah tujuan utama. Sebab itu kalau kita lihat Perlembagaan Persekutuan, pada permulaan Perlembagaan Persekutuan, yang mula sekali, fasal 5 Bahagian II, sudah ada *fundamental liberties*. Ia merupakan kunci kepada Perlembagaan Persekutuan kita. *Now*, kita sering kali mendengar hujahan bahawa apa itu hak asasi? Selalu suka cakap pasal hak asasi. Mengapa kita hendak ikut orang luar? Bukan orang luar Tuan Yang di-Pertua. Ini Perlembagaan Persekutuan kita sendiri.

Apabila Perlembagaan Persekutuan ini digubal, ia digubal bersama dengan input daripada parti-parti perikatan pada masa itu iaitu *party alliance*. Tunku Abdul Rahman, Tun V. T. Sambanthan, Tun Ong Yoke Lin dan sebagainya. Semuanya ada di dalam *committee* untuk menggubal Perlembagaan ini dan akhirnya selepas didebatkan oleh pada masa itu *Federal Legislative Council*, ia diterima oleh semua termasuk Parti Perikatan yang merupakan Parti Barisan Nasional. Dulu nama Perikatan. Sekarang nampaknya ia tidak dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, yang jelas adalah bahawa jika Bab VIB ini dimasukkan di bawah SOSMA, daripada apa yang saya sebut tadi dan melihat kepada peruntukan 149, ia juga adalah bercanggah dengan Perlembagaan dan kita di Dewan ini sepatutnya tidak meluluskan apa-apa peruntukan yang akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Itu penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi bahawa rejimnya adalah dua sekarang. Di bawah Kanun Acara Jenayah dan juga di bawah SOSMA. Rejim yang berbeza. Yang jelas adalah ini bahawa kesemua kesalahan jenayah biasa perlu dikendalikan dan dijalankan di bawah naungan Kanun Acara Jenayah di bawah *framework* CPC. Itu adalah sistem yang telah berjaya untuk bertahun-tahun. Sistem perundangan jenayah kita berlandaskan prosedur-prosedur yang ada dalam Kanun Acara Jenayah. Saya hendak sebut di sini. Adalah berbahaya, Tuan Yang di-Pertua untuk kita sewenang-wenangnya untuk bergerak daripada undang-undang yang telah ada di dalam Kanun Acara Jenayah kerana undang-undang atau prosedur-prosedur dalam Kanun Acara Jenayah bukan tumbuh semalam.

Bukan hujan semalam dan tumbuh seperti cendawan, bukan. Ia adalah satu proses organik. Ia mempunyai sejarah di belakangnya. Kanun Acara Jenayah. Beratus-ratus dan input daripada seluruh Komanwel termasuk United Kingdom dan negara-negara

Komanwel yang lain bersama dengan pengalaman negara kita sendiri, semua telah di campur dan hasilnya adalah Kanun Acara Jenayah. Kanun Acara Jenayah yang kita ada pada hari ini juga telah interpretasi dan diperjelaskan oleh hakim-hakim melalui keputusan-keputusan hakim iaitu sistem presiden.

Bermakna, ia adalah sistem yang terbaik yang kita ada dalam negara kita untuk menyeimbangkan dua perkara. Dua prioriti. Ada dua *interest* yang bersaing. Apakah dua *interest* yang bersaing? Satu, adalah *interest* kerajaan atau negara untuk memastikan jenayah dikurangkan, bahawa sesiapa yang menjadi mangsa jenayah mendapat keadilan. Kita menerima itu. Satu lagi *interest* ialah *interest* setiap individu di dalam negara ini untuk mendapatkan pembelaan yang terbaik dan untuk mendapat perlindungan undang-undang apabila mereka dituduh untuk apa-apa kesalahan. Kedua-dua *interest* ini adalah penting. Tugas undang-undang seperti Kanun Acara Jenayah dan sebagainya adalah untuk menyeimbangkan kedua-dua *competing interest* ini. Sebab itu ia bukan satu proses yang senang tetapi setelah beratus tahun kita ada Kanun Acara Jenayah kita dan keseimbangan itu ada di dalam Kanun Acara Jenayah.

Akan tetapi apabila kita membawa SOSMA dan letak undang-undang kesalahan jenayah biasa di bawah SOSMA, keseimbangan itu tidak ada. Sekarang tidak seimbang lagi. Satu lebih berat dan satu lebih ringan. Dacing tidak *equal* lagi dan itu yang menjadi masalah, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah dari segi praktik, benda ini akan berjaya? Adakah dari segi praktik, memasukkan Bab 6B dan juga satu lagi iaitu anti *trafficking* ini di bawah rejim SOSMA, adakah ia akan menyelesaikan masalah jenayah? Adakah ia akan mencegah masalah jenayah? Saya berhujah tidak kerana memberi kuasa-kuasa seperti ini dalam kes-kes jenayah biasa akan menghasilkan dengan izin, *lazy investigation*. Bermakna, apabila diberi peluang seperti ini, mereka yang menguatkuasakan akan secara automatik melihat apakah cara yang tercepat dan terpantas atau *shortcut* untuk mendapatkan pendakwaan dan juga sabitan sesuatu kesalahan.

Apabila kita beri mereka peluang seperti itu, secara automatik, *they will take the shortcut*. Mengapa kita hendak beri *shortcut* seperti itu kepada pihak penguat kuasa apabila ia jika dipraktikkan seperti itu akan memberikan kesan buruk ke atas tahap profesionalisme dan competence pihak penguat kuasa. Itulah sebabnya kita kata dari awal semasa perbincangan perbahasan mengenai PCA pun kita tekankan. Yang penting adalah untuk memastikan bahawa tahap profesionalisme, *resource* untuk pihak polis, dengan izin, *better policing*. Inilah jawapan kepada masalah jenayah. Jika pihak kerajaan membawa rang undang-undang untuk menaikkan taraf profesionalisme, taraf *recruitment*,

naikkan gaji. Tidak apa. Bagi pihak penguat kuasa. Polis dan sebagainya. Kita akan sokong. Saya rasa kita di barisan pembangkang akan sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, panjang lagi?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ada lagi, ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Akan menyokong tetapi tidak. Di dalam kes ini, cara-cara yang lain dibawa. Mengapa undang-undang seperti ini dibawa? Tuan Yang di-Pertua, hujahan saya mudah sahaja. Ini adalah percubaan-percubaan yang populis yang hendak menunjuk seolah-olah pihak kerajaan mengambil tindakan yang serius mengenai masalah jenayah. Itu sahaja. Dengan izin, *it is a populist attack*. Sebab itu rang undang-undang ini bukannya tidak fikirkan dengan mendalam adakah ia sebenarnya praktikal? Adakah ia sebenarnya akan membawa kesan? Adakah tujuan bagi membawa rang undang-undang ini akan tercapai. Akhirnya, apakah kesan sebarang undang-undang di bawah 149?

Undang-undang di bawah SOSMA, dan 149 secara ringkas memberi kuasa untuk merampas hak asasi individu di bawah Bab 2, Perlembagaan Persekutuan. Itu sahaja. Akhirnya, apa-apa pun kita boleh kata, berbagai-bagai peruntukan di sini tetapi apabila kita *distil* kepada *basicnya*, ia adalah undang-undang yang *contrary*, yang bercanggah kepada *fundamental liberties*. Apakah disebabkan oleh aktiviti gengster, aktiviti *organized crime* ini, kita hendak mengambil langkah yang begitu besar dan serius iaitu untuk mengetepikan *fundamental liberties* di bawah Perlembagaan Persekutuan kita?

■1210

Ini bukan Perlembagaan Persekutuan Amerika Syarikat ataupun Perancis. Ini kita punya. Mengapa dengan sewenang-wenangnya begitu cepat, begitu *knee-jerk* hendak sentiasa mengacau dan menggugat hak-hak *fundamental liberties* yang berada dalam Perlembagaan Persekutuan kita. Mengapa?

Saya juga hendak menjawab satu kritikan yang sering kali dibuat oleh pihak kerajaan dan kritikan ini saya rasa semasa perbahasan PCA, semasa perbahasan Kanun Keseksaan semalam pun diulangi setiap kali. Apakah kritikan itu? Apabila kita membawa isu-isu perundangan, kita membawa isu-isu apakah praktik suatu rang undang-undang itu, kita membawa isu adakah rang undang-undang itu menurut perlembagaan, isu-isu yang *substantive*, yang benar, isu-isu yang perlu dijawab secara terperinci. Apakah jawapan daripada pihak kerajaan? *Standard answer is* bagaimana dengan hak mereka yang

menjadi mangsa jenayah? Itu soalan yang sering dilontar balik oleh pihak Menteri. PCA pun sama, Kanun Keseksaan pun sama.

Jawapan saya Tuan Yang di-Pertua, *I want to deal with this, once and for all*. Jawapan saya, bagaimanakah dengan mengetepikan hak asasi rakyat seluruh negara ini, bagaimanakah ia membantu mangsa jenayah kerana ini sesuatu yang penting. Apabila kita kata kita hendak mengetepikan *fundamental liberties* dalam *part* itu dan merampas hak ini, kita ingat kita hanya merampas hak penjenayah, tidak. Apabila kita membawa undang-undang seperti itu, kita merampas hak kesemua rakyat negara ini termasuk kesemua Yang Berhormat di dalam Dewan ini.

John Donne dengan izin, "*No man is an island, Entire of itself*". Bermakna, apa yang kita berbuat apabila hak jiran saya dirampas, hak saya dirampas. Apabila hak kawan saya dirampas, hak saya dirampas. Apabila hak tertuduh dirampas, hak kita semua dirampas kerana undang-undang tidak membuat apa-apa *distinction*, perbezaan. Undang-undang SOSMA, undang-undang PCA, undang-undang ini terpakai kepada semua rakyat.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Padang Serai, boleh tambah sikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pasir Puteh bangun. Sila.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalaulah hari ini yang memerintah ialah Barisan Nasional, kuasa sepenuhnya ada pada dia dan dia boleh mengarahkan pegawai polis, AG untuk menangkap sesiapa sahaja dan membuat tuduhan, sesiapa sahaja. Hari ini, esok mungkin orang lain yang akan berkuasa dan orang lain pula boleh membuat apa sahaja kepada orang BN. Saya hendak tanya, ketika itu, adakah orang-orang BN akan menyesal terhadap undang-undang yang telah dibuat hari ini? Terima kasih.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu poin yang amat penting sebenarnya dan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi adalah mengenai konsep ini. Yang penting di negara, kita tidak mahu dengan izin, *a kingdom of man. We want a kingdom of laws*. Bermakna, akhirnya tidak penting siapa yang menjadi Perdana Menteri dan siapa yang memerintah tetapi undang-undang itu mestilah ada dan undang-undang itu mestilah melindungi sesiapa pun tidak kira parti mana yang menjadi pemerintah. Itu adalah isu pokok yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi.

Jika undang-undang kita adil, jika undang-undang kita tidak mengetepikan hak asasi, tidak ada sesiapa pun yang perlu gentar. Tukar kerajaan, tidak tukar kerajaan,

semuanya sama dan di bawah kerajaan mana pun, pentadbiran dan keadilan di dalam negara akan dijalankan dengan betul dan dengan lancar. Itulah aspirasi kita yang kita ulangi setiap kali dan di mana saya harap rakan-rakan di barisan di seberang boleh juga menyokong konsep ini.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada jawapan saya kepada kritikan biasa yang dikeluarkan iaitu mengenai hak mangsa. Saya tanya tadi, jika kita ketepikan hak asasi, bagaimana ia membantu mangsa mendapat hak mereka. Bagaimana? Bukankah cara yang terbaik untuk memastikan mangsa jenayah mendapat keadilan adalah dengan *proper policing*, dengan *better policing* supaya ada kepastian bahawa pesalah akan ditangkap, didakwa dan cukup bukti untuk disabitkan kesalahan dan dipenjarakan atau dihukum dengan apa-apa hukuman yang dinyatakan di dalam undang-undang. Bukankah mewujudkan satu sistem penguat kuasa, sistem pendakwa dan sistem mahkamah yang efisien sepatutnya jawapan kepada masalah jenayah yang berleluasa? Itu jawapannya, itu adalah bukan sahaja *long term solution* kepada masalah ini tetapi ia juga merupakan *short term solution*. Dalam jangka pendek, dalam jangka panjang, inilah jawapan kepada masalah jenayah tetapi memang ia bukan satu penyelesaian yang populis tetapi ia penyelesaian yang benar dan praktik.

Tuan Yang di-Pertua, apakah mangsa jenayah sebenarnya hendakkan? Mereka hendakkan orang yang betul-betul melakukan kesalahan terhadap mereka atau keluarga mereka ditangkap. Mereka mahu orang yang betul-betul bersalah dihukum, mereka mahu orang yang betul-betul bersalah dipenjarakan. Itu yang mangsa jenayah mahu. Mangsa jenayah tidak mahu undang-undang yang berat, yang menindas, yang *oppressive*.

Mangsa jenayah tidak pernah meminta supaya hak asasi semua rakyat diketepikan, undang-undang yang berat dibawa. Ini bukan minat mangsa jenayah, ini bukan keperluan mangsa jenayah. Oleh sebab itu saya kata, kritikan yang biasa ini, bagaimana dengan hak mangsa jenayah ini, bukan satu kritikan yang merupakan jawapan kepada hujah-hujah yang serius yang kita kemukakan, tetapi adalah satu percubaan untuk menaikkan sentimen dan emosi rakyat di dalam isu jenayah ini.

Tuan Yang di-Pertua, ia merupakan dengan izin, *a great disservice to a people of this country*. Kerana apa? Kerana kita memberi mereka *a false sense of security*, dengan izin. Bermakna, esok atau lusa, kata kalau undang-undang ini diluluskan, keluar di surat khabar, penalti yang lebih berat untuk kesalahan, kes gengster sekarang seperti kes *terrorism* dan sebagainya. Ia seolah-olah hendak memberi gambaran kepada rakyat bahawa kerajaan dan pihak berkuasa telah membuat sesuatu untuk menyelesaikan

masalah jenayah. Akan tetapi adakah ini benar? Adakah orang yang benar-benar bersalah akan ditangkap?

Jika kita guna undang-undang seperti SOSMA ini yang mana tidak ada perlindungan yang terbaik bagi tertuduh, yang mana undang-undang keterangan dan prosedur telah dilonggarkan, bermakna *chance* ataupun kebarangkalian orang yang salah disabit kesalahan adalah amat tinggi. Sebab itu kita ada prosedur yang ketat. Pastikan bahawa tertuduh ada peluang, pastikan bahawa keterangan disampaikan secara terbuka dan peguam tertuduh...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Padang Serai, minta laluan. Sebelah kiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Kota Bharu, sila.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Dalam membahaskan mengenai pindaan SOSMA ini, Yang Berhormat yang juga seorang pengamal undang-undang mungkin boleh memberi respons kepada apa yang saya akan bangkitkan. Kita tahu antara beberapa perkara yang kita lihat boleh menggugat keadilan diberikan kepada seseorang suspek ataupun tertuduh di mahkamah ialah antaranya yang pertama, melalui SOSMA ini, pihak pendakwa boleh merahsiakan identiti saksi-saksi. Itu yang pertama.

■1220

Keduanya dari segi *rules of evidence*- membenarkan pihak pendakwa menggunakan satu-satu informasi *without disclosing sources*. Jadi sebagai seorang pengamal undang-undang yang apabila kita mewakili seseorang tertuduh di mahkamah, adakah pada pandangan Yang Berhormat Padang Serai merahsiakan identiti saksi ini akan menyekat proses *cross examination* ataupun pemeriksaan balas kepada saksi manakala menggunakan informasi yang tidak di *disclosedkan sourcesnya* itu juga merupakan satu ketidakadilan kepada pihak suspek di bawah SOSMA. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat. Itu menjadi masalahnya kerana disebabkan oleh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa disebabkan identiti informasi dan juga disebabkan ada halangan kepada proses soal balas, ia memberi lebih peluang untuk orang yang salah disabit kesalahan.

Bermakna bahawa bagi pihak polis ia menyenangkan tugas mereka oleh kerana mereka tahu bahawa tahap yang diperlukan untuk mendapat sabit kesalahan itu lebih

rendah kerana seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi proses soal balas pun telah dibantutkan atau disusahkan. Bermakna lebih senang untuk mendapatkan sabit kesalahan. Oleh kerana kerja mereka lebih senang, kemungkinan orang yang salah ditangkap dan dibawa ke mahkamah adalah lebih tinggi.

Akhirnya kesannya apa dia? Kesannya bahawa jenayah dikurangkan atau dicegah tetapi mungkin orang yang sebenarnya pesalah tidak ditangkap tetapi orang yang tidak bersalah ditangkap tetapi masih disabitkan kesalahan kerana proses-proses yang telah dirangka untuk beratus tahun untuk memastikan bahawa tidak ada seorang pun orang yang tidak bersalah disabit kesalahan, kesemua proses itu tidak digunakan lagi tetapi proses bawah SOSMA pula digunakan.

Akhirnya ia tidak membawa manfaat yang dicari iaitu untuk mencegah jenayah tetapi mungkin penjenayah yang sebenar masih berkeliaran di luar, melakukan jenayah-jenayah baru tetapi orang yang tidak bersalah atau tidak sebenarnya berkaitan dengan kesalahan itu dibawa ke mahkamah.

Satu lagi yang saya hendak sebut jawapan daripada pihak kerajaan setiap kali mengatakan bagaimana hak mangsa, bagaimana kalau keluarga kamu sendiri Yang Berhormat yang menjadi mangsa kepada jenayah dan sebagainya. Ini bukannya hujahan yang menjawab hujahan kita yang mempunyai basis tetapi ia adalah *appeal* kepada sentimen dan emosi dan kerajaan atau pun *the state* tidak boleh mengadakan reaksi yang emosional seperti mangsa jenayah. Kerajaan atau *the state* perlu mengimbangkan perkara-perkara ini.

Akhirnya atas isu ini, apakah kita ingat kita sedang membantu mangsa jenayah dengan memenjarakan orang yang salah ataupun mengetepikan hak asasi kesemua rakyat negara ini? Tidak. Apa yang kita buat adalah kita luluskan undang-undang ini, kita bawa diri kita kepada *level* yang sama seperti penjenayah. Mereka membuat kerja-kerja mereka secara emosi, secara tanpa mengambil kira hak mangsa jenayah dan sebagainya dan kita pula cuba membawa diri kita kepada *level* mereka. Tuan Yang di-Pertua, mengapakah kita dengan izin, mencari ataupun mengambil teladan daripada penjenayah dengan izin, *why are we letting the criminals be our moral teachers?* Itu persoalan Tuan Yang di-Pertua.

Saya kembali kepada isu hak asasi. Kita adalah negara yang mempunyai Perlembagaan Persekutuan. Di negara ini, Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang yang paling agung, paling tertinggi bukan Parlimen, bukan Dewan Rakyat tetapi Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang yang kita gubal hari ini jika adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan ia boleh dimansuhkan atau ia boleh

diisytiharkan sebagai tidak sah oleh mana-mana Mahkamah Tinggi atau mahkamah yang lebih tinggi dari Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Itu adalah sistem yang kita ada di dalam negara ini. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Panjang sangat dia cakap Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap selepas ini. Berapa jam boleh bercakap ini? Tidak ada saya hendak tanya satu. Terima kasih banyaklah kepada Yang Berhormat Padang Serai yang tunjuk Perlembagaan *above the law, above everything*-Perlembagaan seperti yang kita patuhi. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat, sekarang ini di Geneva ada satu gabungan NGO hak asasi manusia yang sedang hendak melobi di Geneva dalam 17 tuntutan yang dibuat saya tengok ada empat perkara yang dituntut, jelas bertentangan dengan Perlembagaan kita mengenai kedudukan agama Islam, mengenai hak keistimewaan orang Melayu.

Bagaimana pendapat Yang Berhormat? Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan kumpulan NGO yang hari ini sudah mula melobi di Geneva, yang kita lihat tuntutan itu memang bercanggah dengan apa yang ada di dalam Perlembagaan kita?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, sesiapa pun rakyat di dalam negara ini ataupun badan NGO, ataupun sesiapa juga mempunyai hak untuk melobi tetapi adakah pendapat mereka akan diterima, adakah perubahan yang mereka cadangkan akan diterima oleh Parlimen dan negara, dan kesemua rakyat adalah perkara yang lain. Akan tetapi di bawah Perlembagaan Negara kita, sekali lagi saya kata Perlembagaan, kesemua rakyat ada hak *freedom of expression* fasal 10 untuk membawa pendapat mereka mengenai apa-apa kekurangan di dalam undang-undang, Perlembagaan atau pentadbiran negara dan meminta supaya dibaiki. Itu hak mereka.

Akan tetapi yang kita kata di sini adalah bahawa hak-hak yang telah dinyatakan dengan jelas dan adalah undang-undang pada masa ini itu mereka hendak lobi. Saya tidak tahu apa dia hendak lobi, dia hendak lobi. Itu hak dia tetapi ini undang-undang yang ada di dalam Perlembagaan Persekutuan dan hujahan saya pagi ini adalah kerajaan mengetepikan undang-undang yang ada di dalam Perlembagaan Persekutuan terutamanya Bab 2, Perlembagaan Persekutuan. Itu *fundamentalist*. Itu hujahan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya tanya Yang Berhormat. Yang Berhormat bersetujukah cara pelobi-pelobi ini pergi ke Geneva? Yang Berhormat kata Perlembagaan. Yang Berhormat seorang peguam. Kita ada proses.... [Disampuk] Tidak, saya akan berucap. Tunggulah saya beri penjelasan sebelum saya berucap.

Saya hendak dapat pendapat Yang Berhormat dahulu sebelum saya berucap. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cara pelobi pergi ke antarabangsa sedangkan dalam negara kita, kita ada proses dan juga peraturan-peraturan kita.

Bayangkan kalau semua rakyat di dalam negara kita sudah cuba mengetepikan Perlembagaan, peraturan-peraturan kita apa akan jadi di dalam negara kita yang ada berbilang kaum, agama dan bangsa? Oleh sebab itu saya hendak tahu pendirian daripada PKR, Yang Berhormat PKR, adakah Yang Berhormat bersetuju dan menyokong penuh tuntutan yang dibuat oleh NGO ini. Itu sahaja yang saya hendak tahu, yang hendak hujah itu saya faham tidak payah pusing. Adakah itu pendirian Yang Berhormat, setuju atau pun tidak?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Saya rasa dengan hormatnya kepada Yang Berhormat Tanjong Karang tidak faham jawapan saya tadi. Saya sudah terangkan bahawa sesiapa pun rakyat di negara ini. Ini bukan negara komunis, ini bukan Korea Utara. Kesemua rakyat negara ini mempunyai hak kalau dia tidak berpuas hati dengan mana-mana peruntukan, mana-mana undang-undang termasuk Perlembagaan Persekutuan ada hak untuk lobi dengan cara yang betul, cara yang aman untuk mengubahnya. Hak itu sentiasa ada. Saya sebut adalah mengapa Yang Berhormat Tanjong Karang tidak menjawab perkara ini, mengapa undang-undang yang sedia ada di dalam Perlembagaan Persekutuan Bab 2, *Fundamental Liberties* diketepikan, dilupai dan diperkecil, dan diremehkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, selalu, senantiasanya bertahun-tahun sejak merdeka? Itu persoalan yang timbul pada pagi ini, Tuan Yang di-Pertua.

■1230

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang bangun lagi.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh saya bercakap?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Cukuplah, sudah dua kali.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okeylah tetapi bila saya berucap Yang Berhormat tunggu ya. Bila saya berucap, Yang Berhormat tunggu.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Berucap nantilah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat jangan larilah. Beri saya menjawab apa ucapan Yang Berhormat.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tidak mengapa, nantilah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jangan berucap, lari keluar.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Saya sebelum Yang Berhormat Tanjong Karang mencelah tadi, saya sedang sebut mengenai Perlembagaan Persekutuan menjadi undang-undang yang paling besar atau agung di negara ini. *Point* yang saya hendak buat adalah bahawa, apabila kita meneliti perlembagaan ini, bukan sahaja perkataan-perkataan di dalam perlembagaan ini perlu dihormati tetapi *the spirit of the constitution*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana apa yang penting di dalam sebuah negara demokrasi bukan sahaja wujudnya *constitution* tetapi dengan izin, *constitutionalism* atau pun konstitusionalisme.

Suatu negara demokrasi yang benar-benar menghormati hak semua rakyat, kebebasan rakyat seperti termaktub di dalam Bab 2 Perlembagaan Persekutuan kita ini, mesti juga mengamalkan konstitusionalisme atau pun *constitutionalism*. Apa itu *constitutionalism*? Saya ingin berhujah bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah mengamalkan *constitutionalism* dan apa itu *constitutionalism*? *Constitutionalism* adalah menghormati dengan izin, *human dignity*, menghormati hak-hak asasi rakyat dan menghormati keadilan. Itu adalah *constitutionalism*. Ia lain daripada *constitution*.

Saya beri contoh umpamanya, di bawah *regime Apartheid*, di Afrika Selatan dahulu ada *constitution*. Dia ada perlembagaan seperti kita. Ada perlembagaan bertulis – *constitution* tetapi yang dia tidak ada di bawah *regime Apartheid* adalah *constitutionalism* atau pun konstitusionalisme iaitu menghormati *human dignity* dan hak-hak asasi rakyat. Oleh kerana itu dia mendera, memenjarakan, dia membunuh Steve Biko, dia memenjarakan Nelson Mandela kerana dia tidak faham mengenai *constitutionalism* walau pun negara itu mempunyai *written constitution*.

Saya meminta kepada Yang Berhormat Menteri dalam membawa perubahan-perubahan dan rang undang-undang seperti ini, biar kita kembali sekali lagi kepada cara mentadbir negara yang betul iaitu cara yang membawa konsep *constitutionalism* kepada negara kita sekali lagi. Jangan disebabkan ada *exception* iaitu Artikel 149 yang sepatutnya sudah dimansuhkan tetapi masih ada mengambil peluang itu – oh! Ada Artikel 149, terus membawa satu undang-undang yang mengetepikan *fundamental rights* atau pun hak-hak asasi. Jika kerajaan benar-benar berpegang kepada konsep *constitutionalism*, Perlembagaan Persekutuan kita tidak akan dilayan seperti ini.

Jika kita lihat pada masa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berjanji untuk memansuhkan ISA, jawapan kita pada masa itu pun dengan segera adalah jangan sahaja mansuhkan ISA. Mansuhkan fasal 149. Cuba Yang Berhormat *check* balik kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh kita. Mansuhkan juga fasal 149 kerana ia adalah satu fasal yang *extraordinary* yang dibawa pada masa ada pemberontakan komunis yang memberi ancaman yang serius kepada kewujudan negara kita.

Akan tetapi perkara itu tidak dibuat. Hanya ISA 1960 dimansuhkan. Kesannya, hari ini kita berada di Dewan Rakyat, masalah yang sama. Artikel 149 digunakan sewenang-wenangnya semata-mata ada di dalam perlembagaan dan kita terpaksa berhujah mengenai undang-undang di mana undang-undang jenayah biasa sekarang dibawa di bawah fasal 149, jenayah biasa dibuat seperti *terrorism* dan sebagainya. Apa sudah jadi? Apa sudah jadi Tuan Yang di-Pertua? Kalau ini adalah tindakan-tindakan yang diambil, maka nasib rakyat negara kita adalah amat membimbangkan kerana saya khuatir dan bimbang melihat kepada perkembangan mutakhir ini di mana PCA di bawah *detention without trial*.

Semalam, Kanun Keseksaan seksyen 203 yang menyekat maklumat dan sebagainya, sekarang SOSMA dan dalam dua atau tiga hari ini juga pindaan kepada Kanun Jenayah. Kesemuanya menyekat dan mengetepikan hak asasi rakyat. Apakah haluan negara kita pada masa ini? Apakah kita perlu reaksi seperti ini semata-mata kerana ada beberapa *group gangster* yang sedang membuat kacau di negara, yang sedang melakukan jenayah biasa di negara, apakah ini reaksi? Ini seolah-olah hendak membunuh nyamuk dengan tukul yang besar, *giant hammer to kill one mosquito*. Ya, memang *one mosquito* sebab tengok takrifan di dalam Kanun Acara Jenayah, "*An organized criminal group is two persons or more*". Dua orang, itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Padang Serai. Hampir satu jam.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ya, saya sudah hendak habis. Dengan itu sebenarnya, itu hampir ayat terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Secara tepat Tuan Yang di-Pertua sudah jangka. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya masa yang mencukupi dan saya rasa perlu kerana undang-undang ini adalah undang-undang yang amat serius. Saya meminta bagi pihak semua rakan saya, bahawa pindaan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ini ditarik balik dengan serta-merta. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

12.37 tgh.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sampai satu jam pun boleh.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sampai sebelum *lunch*. [*Ketawa*] Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Saya menyokong penuh rang undang-undang ini kerana ianya bermula daripada undang-undang, SOSMA, Akta Anti Pencegah Jenayah yang kita baru luluskan. Semalam pun kita luluskan juga undang-undang. Ini semuanya undang-undang yang diluluskan untuk kita menjaga keselamatan di dalam negara kita.

Yang Berhormat Padang Serai saya dengar banyak kali mempertikaikan Artikel 149. Betul, sejarahnya Artikel 149 ini dibuat waktu darurat. Pada masa itu ancaman negara ialah komunis. Oleh sebab itu, kita perkenalkan Artikel 149 demi menjaga keselamatan negara pada ketika itu yang mana komunis semua orang tahu mereka bukannya pejuang tetapi pengkhianat kepada negara. Ramai tentera yang mati dibunuh. Ramai rakyat juga diancam dan terpaksa Rancangan Briggs dibuat. Akan tetapi kadangkadangkang yang sebelah sana menyokong komunis. Yang Berhormat Sepang pun sokong juga komunis. Jadi, itu yang susahnyanya apabila.. [*Ketawa*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat, boleh?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak mengapalah. Saya usik sahaja. Duduk, duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya jujur. Tidak, saya minta tarik balik. Bila masa dalam ucapan saya, saya sokong komunis? Ada beza saya menyokong–duduk sekejap.

Beberpa Ahli: [*Ketawa*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak mengapa.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini bab tuduhan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebelum Yang Berhormat Sepang suruh Yang Berhormat Tanjong Karang duduk ini, saya hendak tanya Yang Berhormat Tanjong Karang benarkah Yang Berhormat Sepang ini?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak mengapalah. Saya beri, saya beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, benar. Okey, sila.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Akan tetapi saya minta satu. Yang Berhormat kena faham antara berhujah dengan mencelah. Kalau berhujah saya akan potong. Mencelah saya beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Tanjong Karang ini tidak tahulah dia hendak mengusik saya dan sebagainya tetapi tuduhan mengatakan saya menyokong komunis itu tidak betul. Boleh baca dalam *Hansard* ucapan saya.

Saya menyatakan tentang Chin Peng itu ialah saya *quote* apa yang telah dinyatakan orang yang draf perjanjian, Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor. Dia mengeluarkan kenyataan yang mengatakan bahawa sepatutnya dibenarkan abu mayatnya dibawa balik ke Malaysia. Dia mengatakan bukan sahaja begitu. Masa Chin Peng hidup pun dia kata, sepatutnya dibenarkan dia masuk ke Malaysia. Ini bukan saya kata, Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor. Oleh sebab itu saya kata ucapan saya, kalau Mat Sabu yang cakap begitu, hari ini cakap semalam sudah kena tangkap. Akan tetapi apabila Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor bercakap, Yang Berhormat Tanjong Karang tidak bising, UMNO tidak bising. Jadi isu ini isu kemanusiaan. Jangan *distort* ucapan saya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak faham tidak mengapa.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kecuali ada masalah pendengaran, saya maafkanlah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Faham sudah! Faham sudah! Saya sudah faham apa Yang Berhormat cakap itu.

■1240

Senang saja Yang Berhormat, kita kata tidak boleh bawa abu itu. Kalau kita bawa balik abu itu segenggam cukuplah, apa mereka akan buat? Mereka akan bina tugu. Mereka akan bina tugu dan inilah tugu Chin Peng. Akhirnya akan *create* satu budaya bahawa tugu ini nanti seolah-olah suatu tugu yang melahirkan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Minta laluan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat duduklah. Saya hendak cerita...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hendak tanya, hendak tanya boleh? Hendak tanya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, tidak. Duduklah, saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak benarkan, tidak benarkan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Nanti Yang Berhormat, saya tidak bagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sejak bila pula Yang Berhormat Tanjong Karang jadi Tuhan ni? Boleh ramal benda-benda macam ini?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, yalah. Itu sebab ini kelemahan. Ini kelemahan pembangkang dengan kerajaan. Kerajaan tengok jauh ke depan, pembangkang tengok belakang dan sempit pemikiran. *[Tepuk]* Kita bercakap cerita yang betul, mereka bercakap imaginasi. Ini bezanya.

Bezanya saya balik kepada undang-undang ini, artikel 149, berbalik kepada isu komunis. Kita kena faham ancaman komunis. Betul tetapi ancaman dalam negara ini daripada semasa ke semasa ia berubah. Bila kita berjaya menghapuskan komunis, adakah negara kita selamat? Masih belum. Timbul pula isu rusuhan kaum tahun 1969 yang pada masa itu kita terpaksa memperkenalkan beberapa undang-undang EO dan sebagainya. Bila kita sudah reda rusuhan kaum, kita sudah bawa Operasi Lalang. Yang Berhormat mesti ingat kalau tidak ada Operasi Lalang, ISA pada masa itu saya ingat kita ini tidak tahu entah aman atau tidak lagi. Ini kerana ada ISA lah menyelamatkan rusuhan kaum 1969, kemudian berulang tahun 1987...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduk, duduk. Saya belum habis cakap lagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh minta selepas ini? Selepas ini boleh?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduklah dulu. Saya bagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya bagi. Akan tetapi tidak usah kacau saya cakap, *don't take my time*. Tidak mengapa saya bagi. Ini saya hendak cerita sejarah Yang Berhormat, saya cerita ini sejarah. Saya pun cerita fasal sejarah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Beruas belum bangun lagi, belum benarkan lagi.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Belum. Saya hendak habiskan dulu. Bagi saya habis dulu. Saya bagi. Saya cerita mengenai sejarah, ancaman yang dikatakan ancaman keselamatan negara apa? Komunis sudah selesai, tahun 1969 timbul rusuhan, timbul rusuhan 1969, 13 Mei, siapa yang boleh pertikaikan sampaikan filem *Tanda Putera* pun DAP takut hendak tayangkan di Pulau Pinang. Padahal saya tengok filem *Tanda Putera* tidak ada apa pun. Mungkin dia tengok ada lambang DAP barangkali. Ini sebagai contoh.

Baik kita selesaikan, dengan adanya undang-undang kita yang baru, rusuhan kaum, kita dapat selesaikan. Pada tahun 1987, hampir-hampir tercetus rusuhan kaum. Ramai yang kena tangkap ini, sahabat saya, abang saya daripada Pasir Salak pun kena tahan di bawah ISA. Betul Yang Berhormat? Tahan kerana apa? Masa itu isu bila ada orang bukan Melayu mempersoalkan kedudukan orang-orang Melayu. Orang Melayu berhimpun, saya pun ikut sama pada tahun 1987. Saya balik daripada London, sudahlah hujan yang lebat, kita berhimpun penuh di dalam **TPSA**. Akan tetapi saya tidak kena tangkap sebab saya masa itu hanya jadi pengikut, yang kena tangkap ialah Yang Berhormat daripada Pasir Salak sebab dia cakap berapi-rapi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Nanti dulu. Saya tidak lari, pada masa itu budak lagi, saya tidak lari. Yang Berhormat Kubang Kerian mungkin lari ke mana-mana. Saya tidak lari, saya tunggu hujan. Dalam hujan lebat saya ingat, selesai. Hendak buat satu lagi himpunan besar-besaran di Stadium Merdeka, kemudian nasib baik ada ISA, tangkap Operasi Lalang, semua kena tangkap. Orang pembangkang kena tangkap, orang UMNO, Fahmi Ibrahim kena tangkap, Yang Berhormat Pasir Salak kena tangkap, siapa lagi tiga orang, saya lupa seorang lagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun bercakap sesuatu]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Nanti, saya hendak cerita sejarah dulu. Tidak, saya bagi, saya hendak cerita sejarah sebab Yang Berhormat Sepang - Bagi saya cerita sejarah, bagi saya cerita.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Mengenai Operasi Lalang, boleh?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kita ikut peraturan okey?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Selepas ini bagi.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ikut peraturan. Saya tidak pernah larilah, Yang Berhormat yang lari, daripada Tanjong Karang pergi lari ke Sepang.

Saya tidak pernah lari. [*Dewan riuh*] Saya tidak lari. Yang Berhormat, saya cerita sejarah ini, sejarah ancaman keselamatan negara yang cukup berbahaya. Ancaman ini berubah daripada semasa ke semasa. Bila kita Operasi Lalang sudah selesai, kita kata redalah fasal rusuhan kaum.

But now, apa ancaman kita sekarang? *It is terrorist*. Itu sebab kita ada SOSMA. *Terrorist* masa dulu saya masih ingat kumpulan JI mengancam bukan sahaja Malaysia, negara-negara jiran, ramai yang kita dapat tangkap bawah JI. Penuh ISA dengan JI pada masa itu. Saya pergi Kamunting, kem A, kem B, kem C, semuanya daripada JI, tidak ada seorang pun *politician* yang ditahan pada ketika itu. Dipenuhi dengan JI kerana JI pada masa itu *terrorist*, pengganas yang boleh mengancam keselamatan negara kita. Ini isunya, kena faham.

Baik, sekarang ini pengganas, bagaimana kita hendak menghentikan pengganas? Okey, ISA kita sudah tidak ada. Kita gantikan SOSMA untuk mengatakan *terrorist* dan kita kena tengok ke hadapan. Apa ancaman kita ke hadapan? Sekarang ini selain daripada pengganas ini agak-agak sudah reda sikit, ramai yang kita sudah tangkap, hari ini pengancaman kita ialah *gangster*. Ancaman-ancaman yang dibuat oleh - Saya bagi satu isu, bagi saya cerita sejarah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [*Bangun*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya habiskan satu isu. Okey, saya habis satu isu dulu. Isu mengenai sejarah dan juga ancaman. Selepas itu saya akan bagi Yang Berhormat bercakap sebelum saya masuk isu yang kedua.

Apa ancaman kita sekarang ini yang sedang mengancam kita ialah jenayah. Tidak pernah lagi dalam sejarah seingat saya, bila ada gengster ini mati, terang-terangan buat demonstrasi, berarak tulis nombor gengster kosong apa? 04 atau 08, sampai rakyat rasa takut. Jaranglah kita tengok macam Malaysia sudah menjadi bandar Cowboylah. Tengah-tengah minum, '*peng*' tembak. Tengah-tengah naik kereta, '*peng*' tembak. Eh! Ini negara Cowboykah? Betul, kita ada undang-undang, yang kita sudah cakap. Saya bukan macam pembangkang asyik ulang benda yang sama. *Just* buang masa untuk apa? Itu juga benda yang diulang, diulang-ulang.

Bermakna mesti tahu membezakan bahawa masa bila polis akan menggunakan Akta Pencegahan Jenayah, masa bila polis akan menggunakan bawah CPC. Semalam diungkit lagi seksyen 203 semalam yang menyatakan bahawa menyekat kebebasan untuk memberikan maklumat. Saya sudah cakap banyak kali. Banyak benda, tengok cakap bawah akta mana yang akan didakwa? Saya sudah cakap semalam, adakah akta itu, seksyen itu untuk ini yang pembocor rahsia pihak berkuasa. Ini semalam Yang

Berhormat Kalabakan cerita dengan saya, Yang Berhormat Kalabakan tiada, baik *confirm* dengan dia. Dia kata kalau dekat tempat dia, Yang Berhormat Kalabakan kata, polis buat operasi berbagai-bagai kali buat operasi untuk mengatasi candu. Semua gagal, gagal.

Selepas itu katanya, OCPD menyamar seperti biasa. Dia pergi *private* tengok-tengok rupanya anggota dia yang jadi barua di situ yang tolong *share* sama dengan tauke-tauke candu ini. Ini Yang Berhormat Kalabakan cakap dengan saya. Esok tanya dia, ini sebagai contoh. Oleh sebab itu kita ada undang-undang yang kita tujukan kepada orang yang membocorkan rahsia. Saya sudah cakap semalam. Kalau orang itu membuat fitnah bawah Akta Fitnah (*Defamation Act*). Kalau orang itu buat kesalahan bocor bank, ada Akta BAFIA. Kalau rahsia-rahsia rasmi kerajaan, ada *Official Secret Act*. Apa yang hendak dirangkumkan dalam undang-undang yang kita ada banyak, seolah-olah bila ada satu undang-undang, undang-undang lain semua seolah-olah kita sudah tidak ada undang-undang, seolah-olah kita tidak ada mahkamah, dan tidak ada keadilan.

Saya hendak balik kepada isu ini, ancaman keselamatan negara.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh ya, sekejap?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey. Saya beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Jasin.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Tanjong Karang telah membangkitkan tentang Operasi Lalang yang mengatakan bahawa ia dicetuskan oleh pembangkang. Akan tetapi saya hendak tanya adakah saya rasa, saya khuatirilah takut Yang Berhormat Tanjong Karang mungkin ada masalah amnesia, jenis pelupa. Jadi saya hendak katakan, kalau betul Yang Berhormat Tanjong Karang bersikap jujur, ini sejarah tidak boleh hendak dinafikan. Ia bermula daripada MCA dengan UMNO sendiri, di mana ucapan daripada Yang Berhormat Pekan pada ketika itu, Ketua Pemuda, dia bercakap, "*Marilah kita titiskan darah Cina dengan keris*". Itu ucapan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: Tidak betul. Tidak betul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini ucapan dan dia bermula dengan Lee Kim Sai. [Dewan riuh] Dengar dulu, dengar dulu. Biar saya cakap dulu, saya tidak habis lagi. Bagi saya dulu. Sekejap sahaja.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya faham apa Yang Berhormat hendak cakap.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjong Karang dengan Yang Berhormat Sepang, duduk sekejap. Sekejap, sekejap. Duduk sekejap Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya ingatkan Yang Berhormat untuk berucap, berbahas, fakta kena betul. Jangan mengelirukan Dewan dan jangan menyentuh hak ahli, seorang ahli yang lain.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini *floor* saya, saya faham.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap, sekejap.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya faham tetapi saya tidak bagi jalan sebab ini ganggu masa saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Let me finish the sentence* okey? Sekejap saja.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Cukup, saya faham.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, kenapa dalam kes itu...

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *You direfer* kepada *Privileges Committee*..

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Yang Berhormat Tanjong Karang tidak menyatakan Lee Kim Sai itu...

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ..telah pergi ke Australia, Lee Kim Sai tidak ditahan di bawah ISA...

■1250

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya faham, saya faham...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Lee Kim Sai tidak ditahan di bawah ISA....

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman]: Tuan Speaker, ini tidak betul, ini buat fitnah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...yang ditahan adalah pemimpin PAS, pemimpin DAP...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey duduk, duduk...

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *Should be refer to Committee of Privileges*.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, duduk, duduk...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...termasuk saudara daripada Bukit Gelugor ditahan dengan *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]* Diamlah.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri!

[Dewan riuh]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduklah!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Duduk belakang, duduk belakang. Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk belakanglah.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Yang Berhormat ambil tindakan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa? Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, saya hendak betulkan fakta, saya hendak betulkan fakta.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Inilah seorang Ahli Parlimen yang lupa daratan, inilah! Yang tidak faham sejarah. Eh! masa itu Yang Berhormat sekolah pun belum lagi. Eh, saya di sana. Ini yang kena tahan ISA *[Sambil menunjukkan kepada seorang Ahli Yang Berhormat]*. Dia pun kena tahan ISA sebab Operasi Lalang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Berapa ramai daripada pembangkang dan berapa ramai daripada Barisan Nasional? Berapa ramai?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dengar dahulu, dengar dulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Duduklah, duduklah!

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa ini? Apa ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bercakap tanpa memaparkan fakta yang sebenar.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Siapa tidak ada fakta? Yang Berhormat duduklah. Apa yang tidak ada fakta? Bagi saya cakap, saya tahu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan cakap...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sejarah, Yang Berhormat, mana lebih penting Yang Berhormat membaca sejarah, saya terlibat di dalam kejadian itu. Yang Berhormat Pasir Salak terlibat, mana penting? *[Dewan riuh]* Yang Berhormat cakap

sejarah, ini sejarah apa? Orang yang kena tangkap masih hidup lagi di dalam Dewan ini. Saya ada, Yang Berhormat pun tidak pergi pada masa itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Siapa puncanya?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya bagi tahu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Siapa punca Operasi Lalang, cakap dengan jujur.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: [*Bangun*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sebab itu Yang Berhormat, dalam kerajaan menegakkan keadilan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Puncanya Lee Kim Sai dengan itu, dengan Yang Berhormat Pekan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduklah dahulu!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini fakta.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa ini?

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tuduhan liar.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduklah. Dalam kita menegakkan keadilan, kerajaan tidak mengenal sesiapa.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Dan tidak tengok sama ada UMNO kah, MCA kah, DAP kah.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tuduhan yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Tanjong Karang ada *point of order*. Peraturan berapa ini Yang Berhormat Batu Kawan?

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Peraturan Mesyuarat 36(4). Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan. Tadi saya tidak pasti siapa, tetapi menuduh kawan saya Yang Berhormat Sepang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey Yang Berhormat Batu Kawan, saya sudah faham. Yang Berhormat Batu Kawan...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Minta tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekejap, sekejap Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Tanjong Karang sekejap. Yang Berhormat Batu Kawan duduk. Kalau Yang Berhormat Batu Kawan sendiri pun tidak pasti, macam mana saya hendak mengambil tindakan? Tidak boleh. Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *That is why* Tuan Yang di-Pertua, inilah masalahnya dengan pembangkang. Dia tidak tahu apa yang dia cakap. Dia tidak faham apa yang dia cakap. Yang Berhormat bercakap tentang sejarah, sejarah apa? Betul. Ia bukannya soal yang menimbulkan – memang betul, pada masa itu Lee Kim Sai, Menteri Kesihatan, Timbalan Presiden MCA menimbulkan isu ini semula – tidak cerita pun saya tahu. Soalnya sekarang ini saya beritahu, pada masa itu bahawa isu perkauman yang dimainkan, tidak kira siapa yang bercakap. Sama ada yang bercakap itu MCA atau sesiapa, jangan sentuh hak-hak istimewa orang Melayu, itu isu kita.

Akan tetapi apabila benda itu timbul, maka kerajaan menangkap semua orang. Dia tidak tanya, tidak kira pemimpin UMNO kah, DAP kah, MCA kah, dia tangkap semua. Termasuk yang saya kata Yang Berhormat Pasir Salak pun kena tangkap pada masa itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kenapa Lee Kim Sai tidak kena tangkap?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa dia?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kenapa Lee Kim Sai tidak ditangkap?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang, ikut peraturan. Yang Berhormat Jasin di belakang.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tanjong Karang kerana sebagai seorang peguam kemungkinan Yang Berhormat Tanjong Karang dapat berhujah, bukan sahaja dengan fakta perundangan bahkan dengan sejarah. Kita dapat lihat pada hari ini, apa juga bil yang kita cuba bentangkan untuk kebaikan, untuk ketenteraman awam nampaknya tidak mendapat sokongan. Bukan sahaja tidak mendapat sokongan, ditolak pula tu.

Kerajaan begitu terbuka sekali. Satu ketika dahulu kita memansuhkan ISA. Kita mansuhkan Akta Hasutan, kita memansuhkan EO, kita memansuhkan RR. Tidak cukup lagi? Kerana keterbukaan kerajaan. Akan tetapi apa juga bil yang kita cuba bentangkan untuk penambahbaikan, seolah-olah pula ditolak. Tadi saya tengok Yang Berhormat Padang Serai hendak menolak undang-undang ini. Rang undang-undang ini untuk penambahbaikan. Adakah kita mahu tengok negara kita sendiri tidak ada undang-undang? *No laws country*.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya satu lagi ini. Undang-undang ini mudah sangat. Bil kita ini untuk memperkukuhkan undang-undang yang sedia ada, kerana undang-undang yang sedia ada tidak dapat membanteras jenayah-jenayah terancang - *national crime*, memperdagangkan manusia, mudah sahaja itu pun hendak tolak kah? Jadi ini hendakkan negara kita ini tidak usah ada undang-undang. Itu agaknya yang pembangkang mahu. Mohon pandangan Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya sudah katakan tadi bahawa pembangkang dia berdasarkan kepada imaginasi. Kita bercakap soal fakta, daripada segi sejarah. Apabila menyebut ancaman keselamatan negara, apabila komunis sudah habis, komunis sudah selesai. Saya hendak beritahu, ancaman ini sentiasa berjalan. Ancaman antara kaum, pada masa itu. Tahun 1969 soal kaum dan tahun 1987 soal kaum. Tidak ada timbul soal agama lagi. Pada ketika itu tidak ada soal agama, hanya kaum, soal Melayu dan bukan Melayu. Kita menggunakan ISA, aman. Sekarang ini apa ancaman kita sekarang ini? lalah jenayah. Jenayah yang terancang, yang saya kata tadi. Tidak pernah lagi kita berlaku – saya tidak tahulah. Dulu mana berani hendak tunjuk kepala gengster-gengster ini, berarak mengiringi jenazah. Kawan-kawan dia sudah menjadi pekan koboi.

Jika kita tengok perangkaan di sini. Buat masa ini terdapat sebanyak 49 kumpulan jenayah terancang yang beroperasi di seluruh Malaysia, yang mempunyai anggota melebihi 43,000 orang. Ini bukan satu bilangan yang kecil. Seramai 43,000 orang yang melakukan jenayah kekerasan terutamanya bunuh, 440 kes oleh kumpulan ini, jenayah terancang 213 kes, kemudian kecederaan terhadap orang awam lebih 6,000 kes pada tahun 2012. Apa yang saya kata bunuh 440 kes itu ialah pada sehingga 2013. Kecederaan terhadap orang awam lebih 6,000 kes pada tahun 2012, jenayah terhadap harta awam 123,719 kes dan yang melibatkan perbelanjaan hampir RM1 bilion, banyak lagi.

Ini bukan bermakna polis kita lemah. Kalau polis kita lemah tidak akan kita tengok banyak operasi mereka yang berjaya. Saya bukan hendak mengulang benda yang sama. Sebab saya tahu...

Dato' Ngeh koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Beruas bangun.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bahawa perkara yang dibuat oleh kerajaan ini setelah kita lihat, bahawa kita kena memberikan kuasa yang lebih kepada pihak polis sebagai contoh. Kita hendak balik kepada bil ini, yang saya hendak beritahu mengapa Artikel 141 dan 149 ini masih lagi relevan kerana ancaman dalam negara kita berbeza-beza, di antara tahun komunis, rusuhan kaum, *now* penjenayah sedang mengancam negara kita dan mengapa yang kita hendak takut, jika kita tidak terlibat di dalam jenayah. Mengapa kita merasa risau? Apakah yang dikatakan hak asasi? Apa hak asasi penjenayah? Hak asasi mangsa yang kena samun, hak-hak asasi keluarga yang kena bunuh, tidak mahu ambil kira?

Saya beritahu takkan polis sewenang-wenangnya hendak memakai undang-undang yang tangkap tanpa bicara ini, CPC kita ada. Yang Berhormat pun kata tadi, yang terancang satu atau dua. Ini bukan satu atau dua, 43,000 orang. Jadi ini bermakna kita kena bercakap, tengok kepada fakta.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Satu penjelasan sahaja boleh?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Penjelasan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, apa dia penjelasan. Teruskan berhujah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Tanjong Karang mengenai isu geng-geng yang banyak ini, ini sememangnya sudah isu lama. Apabila saya baru menjadi peguam, 28 tahun yang lalu, bila saya jadi peguam, polis pun memberitahu saya di Manjong sahaja sudah ada empat geng, akan tetapi ada yang aktif dan ada yang tidak aktif. Isunya ialah polis boleh mengawal atau tidak. Jadi sudah berpuluh-puluh tahun ini, geng-geng ini memang sudah ada. Isunya penguatkuasaan dan cara mengawal mereka, tidak perlulah kita menggunakan undang-undang yang SOSMA ini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey. Memanglah. Kerana gengster ini bukannya sekarang, zaman kedatangan kaum cina, Gee Hin dengan Hai

San, sudah gengster. Ini sejarah. Hendak mempertikaikan sejarah? Dah mula dah, satu kumpulan Hai San, satu kumpulan Gee Hin. Itu yang kita kena baca sejarah negara kita. Macam mana? Jadi sebab itu memang kita tidak menafikan bahawa di mana juga mesti ada kumpulan-kumpulan ini. Akan tetapi cara penyelesaian telah diambil. Sebab itu dahulu kita dulu ada EO, kita ada RR dan saya hendak beritahu dahulu EO ini apa tugasnya. Sebabnya kumpulan ini ada dua jenis, satu semalam yang dipertikaikan, *serious crime and non serious crime*. Memanglah ia ada dua.

Apa yang dikatakan *serious crime*? Ini kegiatan-kegiatan jenayah yang menggunakan keganasan, yang membunuh orang, yang memukul orang menggunakan kekerasan inilah sebabnya dahulu digunakan EO. EO itulah gunanya. Tetapi ada lagi satu kesalahan yang dipanggil kesalahan *non violence* ini, apa? Tauke pelacur, tauke judi, tauke nombor ekor. Ini sudah tidak ada *violence*. Tauke VCD, ini langsung tidak ada *violence*. Akan tetapi ia menyalahi undang-undang. Sebab itu kita ada Akta Kediaman Terhad. Tetapi sekarang ini apabila kedua-dua rang undang-undang itu sudah tidak ada, maka kita lihat bahawa berapa ramai kita tahan, bahawa 2,000 orang lebih, Menteri di dalam ini pun sudah beritahu, apabila mereka dibebaskan mereka pergi mencari sesiapa-sesiapa yang menjadi saksi, ada orang tidak bersalah pergi dibunuh balik. Sebab itulah sehingga tahun 2013, dekat 440 kes bunuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjong Karang. Kita sambung jam 2.30 petang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Oh, tidak boleh... berhenti, saya ada hal selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sambung pukul 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang nanti.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya menjemput Yang Berhormat Tanjong Karang untuk menyambung perbahasan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sekejap Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Bintulu dan Yang Berhormat Lembah Pantai, kita semua menghadapi masalah yang tertentu Tuan Yang di-Pertua. Adakah sebab yang tertentu kenapa *WiFi service* ini sangat teruk? Kalau kita berjalan-jalan di Brickfields lebih baik dari dalam Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya akan maklumkan kepada pihak pentadbiran untuk melihat masalah ini Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Itu nombor satu Tuan Yang di-Pertua. Nombor dua, pada tarikh yang akhir, sesi yang dulu, saya ada bangkitkan mengenai jawapan-jawapan di mana menteri-menteri kata akan beri kepada kita. Sesi pertama sampai sekarang belum terima. Sesi kedua sampai sekarang belum terima. Kalau terima sekarang pun sudah *irrelevant already*. *Can something be done* Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu juga saya akan rujuk kepada pihak pentadbiran untuk mengambil tindakan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun dengan peraturan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mana Yang Berhormat?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Peraturan 36(12).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Peraturan ini menyebut "*Mana-mana ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan sebagai menghina Majlis dan ahli-ahli itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu.*"

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Berkenaan dengan apa?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya ingin menyebut Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan tadi, Yang Berhormat Sepang, semasa mencelah ada mengeluarkan perkataan-perkataan, bukan sahaja menghina bahkan perkataan yang menghasut. Beliau ada menyebutkan "*Yang Berhormat Pekan memberi ucapan semasa ketika tersebut beliau adalah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia sambil menghunus keris menyatakan marilah kita mandikan darah Cina sebanyak satu juta orang.*" Saya tengok perkataan ini adalah satu perkataan yang cukup serius. Bukan sahaja menghasut dan menghina bahkan ia melibatkan seorang pemimpin utama kita.

Jadi, seharusnya perkataan begini *not only unparliamentarian* tetapi perkataan yang boleh sebenarnya menyebabkan keresahan dan kita anggap satu perkataan yang cukup serius sekali. Seharusnya Ahli berkenaan, saya hendak mencadangkan supaya dirujuk kepada Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Gerik menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya tidak berada dalam Dewan Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kita akan buat siasatan mengenai perkara ini. Pada masa yang sama saya ingin minta Yang Berhormat bolehlah selepas *Hansard* dikeluarkan esok untuk menulis kepada Speaker bagi tindakan selanjutnya.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya inilah satu perkataan yang cukup serius, yang tidak seharusnya datang daripada seorang Ahli Yang Berhormat yang telah diberikan mandat oleh rakyat kerana perkataan tersebut bukan sahaja menghasut, menghina bahkan boleh menyebabkan huru-hara. Kita hendak perkara ini kalau boleh sekurang-kurangnya Yang Berhormat membuat satu peraturan mengehendkan kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengeluarkan perkataan-perkataan yang ada hubung-kait dengan perbincangan pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat. Saya setuju bahawa...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sesungguhnya memang peraturan mesyuarat mempunyai klausa-klausa yang cukup lengkap untuk menghalang mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada kerajaan ataupun pembangkang untuk memberi ucapan yang tidak ada elemen hasut dan sebagainya. Begitu juga perkataan-

perkataan yang *unparliamentary*. Bagaimanapun Yang Berhormat. seperti yang saya katakan awal tadi, saya akan minta perkara ini disiasat dan pada masa yang sama saya boleh minta Yang Berhormat berpandukan pada *Hansard* yang dikeluarkan kelak untuk menulis kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan bagi tindakan selanjutnya.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: *Point of order*. Berkenaan apa yang dibangkitkan oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada Yang Berhormat. Saya tidak perlukan sokongan untuk buat keputusan *point of order* yang ini.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Bukan. Saya rasa perkara ini tidak harus dibangkitkan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12)...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apalah Yang Berhormat.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: ...Kerana apa yang dibangkitkan, perlu dibangkitkan dengan serta merta. Sampai sekarang baru bangkitkan, menjadi satu isu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soal sama ada boleh atau tidak boleh... Cukup Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

2.37 ptg.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju supaya dilihat balik *Hansard* ucapan yang dilepaskan oleh Yang Berhormat Sepang waktu saya sedang berucap, beliau membuat celahan. Saya pun ada dengar tetapi saya tidak pasti dengan lebih tepat apa yang dia ucap kerana pada masa itu Dewan ini agak gamat. Jadi, saya ingat kalau kita tengok *Hansard*, kalau betul seperti mana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Jasin, saya rasa kita perlu menyokong apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Jasin.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan ucapan saya. Kita sedia maklum – Yang Berhormat Padang Serai tidak ada pula itu. Mengenai pindaan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas). Tadi Yang Berhormat Padang Serai, dia mempertikaikan artikel 149 yang kata dia satu artikel yang sudah lapuk kerana artikel itu diperkenalkan waktu zaman darurat ketika itu. Pada masa itu memang komunis merupakan ancaman kepada negara kita tetapi kita hendak kena ingat bahawa ancaman keselamatan ini dia akan berubah daripada satu masa ke satu masa. Seperti mana yang

saya kata tadi bahawa habis ancaman komunis, kita pernah pula diancam dengan rusuhan kaum 1969.

Kita juga pernah hampir-hampir tercetus rusuhan kaum tahun 1987 sehinggakan Operasi Lalang diperkenalkan. Bila sudah aman, Barisan Nasional ditubuhkan, kita sudah baik, sudah tidak ada isu-isu kaum ini, sekarang ini timbul pula isu *terrorist*, JI yang saya kata tadi pada masa itu ISA digunakan untuk menahan pemimpin-pemimpin JI yang saya pernah melawat di Kamunting. Penuh kem Kamunting yang ditahan di bawah ISA ialah pemimpin-pemimpin JI. Bila JI ini sudah reda, timbul pula isu ancaman jenayah yang saya kata tadi bahawa sehinggakan ada pihak-pihak gengster berani terang-terangan pakai logo mereka. Kawan mereka mati, diarak, sampai polis tidak buat apa. Sudah seolah-olah negara kita ini jadi negara *cowboylah*. Bermakna gengster seolah-olah lebih berkuasa. Kemudian kita memperkenalkan pula SOSMA.

■1440

Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, apa ancaman yang akan datang, keselamatan negara. Saya lihat ancaman yang akan datang ini ancaman kepada perpaduan agama di dalam negara kita. Ini lagi bahaya. Cukup bahaya kerana kalau rusuhan kaum itu, saya ingat kurang bahaya. Akan tetapi kalau sudah sampai boleh mencetuskan perasaan bermusuhan di antara agama, ini amat bahaya sekali.

Saya berkata sedemikian Tuan Yang di-Pertua, kerana sudah ada bunga-bunga sudah pun mula dikeluarkan. Hari ini kalau kita lihat bahawa Gabungan NGO Hak Asasi Manusia (Comango) yang menuntut perkara-perkara yang mencabar kedudukan Islam di negara ini pada proses Semakan Berkala Sejagat (UPR) di Geneva, Switzerland 24 Oktober yang tujuan Comango ini hanya untuk mengambil kesempatan dengan terus mengeluarkan, mengelirukan sekali gus mengugut kedudukan istimewa Islam sebagai agama rasmi negara seperti termaktub dalam Perlembagaan.

Untuk kita sedia maklum, apakah yang dikatakan UPR itu. UPR adalah ringkasan kepada *Universal Periodic Review* atau Semakan Berkala Sejagat. Ia adalah satu proses semakan ke atas 193 negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap kepatuhan kepada ketetapan Majlis Hak Asasi Manusia PBB ataupun *United Nations Human Rights Council* (UNHRC). Pada era Kofi Annan menjadi Setiausaha Agung PBB, satu Resolusi 60/251 yang mensyaratkan negara-negara anggota PBB mematuhi mekanisme semakan rekod dalam isu hak asasi manusia diluluskan pada 3 Mac 2006.

Pada 11 Februari 2009, semakan pusingan pertama terhadap Malaysia telah dilakukan di Ibu Pejabat UNHRC di Geneva, sebanyak 62 syor telah diutarakan dan seramai 90 wakil negara-negara anggota PBB memberikan pelbagai komen. Seperkara

yang kita kena ingat bahawa walaupun resolusi ini tidak terikat dengan kita, namun demikian kita tidak boleh memandang rendah apa juga yang telah diluluskan di PBB ini. Contohnya, daripada syor tahun 2009 tersebut, maka ISA telah pun dimansuhkan dan juga EO ataupun Akta Ordinan Darurat telah pun kita mansuhkan. Ini hasil daripada pusingan pertama.

Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini, negara kita sekali lagi akan melalui proses UPR iaitu pada 24 Oktober ini yang mana Malaysia perlu menjawab beberapa tuntutan yang dikemukakan terhadap kerajaan berhubung hal-hal kepatuhan terhadap undang-undang hak asasi manusia. Ini termasuklah berkaitan dengan isu agama, isu seksualiti yang mana pihak berkuasa dituntut untuk memberikan hak kebebasan kepada orang Islam untuk murtad, dan juga mereka yang bernafsu sejenis, dibenarkan untuk melampiaskan nafsu mengikut pilihan mereka sendiri tanpa sebarang sekatan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat bahawa virus ini tidak kita sekat daripada hari ini, maka sekumpulan NGOs yang hari ini berada di Geneva, ada 54 NGOs, ada yang berdaftar, ada yang tidak berdaftar, hari ini sedang melobi untuk mereka memperjuangkan atas isu hak asasi manusia. Apa yang mereka perjuangkan Tuan Yang di-Pertua?

Pertamanya, mereka memperjuangkan LGBT. Apakah kita di Malaysia ini boleh menerima LGBT? Dan hari ini mereka telah buat di Malaysia, tidak puas hati, bawa ke Geneva. LGBT ini betul hak kebebasan seseorang untuk seks, lesbian. Itu kepada mereka yang hanya bertuhankan logik akal sedangkan di dalam negara kita, ada undang-undang. Liwat tidak boleh. Liwat ini Kanun Keseksaan kata tidak boleh. Undang-undang Syarie juga tidak boleh. Bagaimana rakyat Malaysia yang tahu bahawa budaya kita, bukan sahaja budaya kita, tetapi undang-undang negara kita memang tidak membenarkan LGBT. Kalau hendak ikutkan hak asasi di Barat, mengapa kita kena bawa fahaman Barat itu sampai ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, lembu, binatang tidak ada otak. Akan tetapi *time* dia hendak mengawan, ia tahu pilih lembu jantan lembu betina. Tidak akan kita manusia yang diberi fikiran, tidak boleh pilih yang mana jantan, yang mana betina. Main sebat sahaja. Depan, belakang, sama sahaja. Ini yang bahaya.

Jadi sebab itu kalau ini diperjuangkan, apa akan jadi pada anak cucu kita, masyarakat orang-orang Melayu, Islam terutamanya di dalam negara ini kalau LGBT sudah diterima sebagai satu budaya? Maka ia akan merosakkan pegangan kita, tukar seks. Kita tahu sebagai orang Islam, memang tidak boleh tukar seks, kecuali dia ini

khunsa. Dia ada dua dia punya alat, dia boleh pilih mana satu. Ini kadang-kadang yang tukar ini dia punya belalai itu sendiri boleh tahan juga pun tukar juga [*Ketawa*] Tidak akan kita hendak benarkan perkara-perkara ini berlaku dan hari ini sedang diperjuangkan di peringkat antarabangsa.

Jadi kalau ini tidak boleh kita kawal dan virus ini merebak secara perlahan-perlahan, maka saya bimbang satu masa nanti akan menjadi pula rusuhan dan juga kekecohan antara agama. Ini lebih bahaya daripada rusuhan kaum apabila kita melibatkan agama. Masing-masing ada pegangan agama.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Orang Islam kata dia sanggup mati syahid sebab mempertahankan agama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tasek Gelugor bangun Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Agama lain pun saya percaya ada juga pegangan-pegangan mereka.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Minta celahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang tadi bahawa apa yang dibawa dalam perjuangan melalui Comango yang disebutkan tadi adalah merupakan satu perkara yang betul-betul bertentangan dengan naluri kemanusiaan, malah bertentangan dengan kehendak agama. Selain daripada itu, memang bertentangan secara jelas dengan Perlembagaan kita di Malaysia. Jadi, keseluruhan rakyat Malaysia secara majoritinya memang tidak bersetuju dengan pendekatan dan perjuangan kebebasan tanpa batas yang dibawa oleh NGOs yang berkenaan.

Pertamanya saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang, adakah Yang Berhormat Tanjong Karang bersetuju supaya NGOs yang mencetuskan kontroversi ini sehingga sanggup membawa isu-isu ini sampai ke peringkat PBB dan juga menggadaikan Perlembagaan kita atas kata hak asasi, menggadaikan prinsip-prinsip keagamaan atas hanya hak asasi, mereka ini patut kita sekat daripada terus menimbulkan kerosakan. Sebab itu dalam Al-Quran, Allah SWT menyebutkan [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] "*Berlakunya kerosakan di atas muka bumi ini adalah akibat daripada tangan-tangan manusia itu sendiri*". Jadi yang diperjuangkan oleh Comango di PBB ini adalah perkara-perkara yang akan merosakkan naluri dan kehidupan kemanusiaan itu sendiri.

Saya juga ingin merujuk Yang Berhormat Tanjong Karang kalau boleh kita melihat kepada apa yang disebut dalam satu kaedah *usul fiqh* yang menyebutkan, [*Bercakap dalam bahasa Arab*] “*Setiap kemudahan mesti dihilangkan*”. Jadi ini satu kaedah *fiqh* yang digunakan dalam asas perundangan. Kalau ada kemudahan, ia memang sudah pasti perkara yang berkaitan dengan LGBT, perkara yang berkaitan dengan mengetepikan hak-hak keagamaan dan sebagainya, maka perkara ini akan menimbulkan kemudahan. Jadi kita wajib ketepikan. Lalu persoalannya, bagaimana hendak diketepikan? Mestilah kita mempunyai undang-undang dan peraturan untuk kita menolak kemudahan ini.

Jadi, sejajar dengan cadangan dan pindaan undang-undang kita dan sebagainya ini, kita wajib sokong kerana sokongan kita ini adalah untuk kita membawa kesejahteraan dan menolak kemudahan tersebut. Ini kerana menolak kemudahan dan kerosakan adalah menjadi keutamaan dalam hal ini. Saya balik kepada persoalan kita, setujukah Yang Berhormat Tanjong Karang bahawa kerajaan perlu mengambil tindakan tegas sebelum “*Nasi Menjadi Bubur*”, maka NGOs berkenaan perlu dikenakan tindakan-tindakan mengikut peraturan-peraturan tertentu diadakan? Terima kasih.

■1450

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, Yang Berhormat daripada Tasek Gelugor. Ini beza. Ini yang saya kata beza di antara pembangkang dengan kerajaan. Kita sebagai kerajaan, kita memandang jauh ke hadapan. Akan tetapi, pihak pembangkang, dia cakap tidak serupa bikin.

Tadi Yang Berhormat Padang Serai bercakap dekat satu jam. Saya dengar ucapan dia, menghormati Perlembagaan, menghormati undang-undang. Kita ada Rukun Negara. Keluhuran Perlembagaan – sudah tahu perkara-perkara ini sudah memang bertentangan dengan Perlembagaan kita, bertentangan dengan budaya kita, bertentangan dengan undang-undang kita. Mengapa ada kumpulan-kumpulan ini yang masih lagi hendak berdasarkan kepada hak asasi manusia? Hanya berdasarkan hak asasi manusia, dia ingat dia boleh buat sesuka hati dia.

Kita kena faham. Bercakap mengenai hak asasi ini berbeza. Mungkin Barat kalau bertuhankan logik akal, mungkin betul. *Free sex*, suka hatilah. Dekat Barat betul. Ada kumpulan mengatakan, apa guna kahwin? Ada orang kata, tidak perlu kahwin, tidak perlu nikah. Dia kata duduk bersekedudukan lebih baik sebab dia kata hendak nikah senang. Akan tetapi, bila hendak *divorce*, hendak bercerai oh, dia kata lima tahun tidak selesai. Tuntut harta, tuntutan – jadi kita tidak payahlah nikah-nikah ini. Mengarut sahaja, dia kata.

Bersekedudukan lebih baik. Adakah budaya ini kita boleh bawa? Oleh sebab daripada segi agama tidak boleh, daripada segi budaya pun tidak boleh.

Dalam budaya kita, kalau budaya Barat apa dia kata? Jangan jaga tepi kain orang. *Mind your own business*. Akan tetapi, kita punya budaya orang Melayu dan juga dekat Malaysia daripada agama pun, kita tahu. "*Amar maaruf nahi mungkar*". Kita kena menyeru kepada kebaikan dan menghindar kepada kejahatan. Kalau kita tengok ada orang buat salah dan melanggar undang-undang, peraturan dan juga lebih dari segi agama – berkhalwat dan sebagainya, itu menjadi tanggungjawab kita. Tangkap, repot dengan pihak penguasa.

Akan tetapi, kalau hendak ikut ini hak asasi yang melebihi, tidak kisah. Hendak khalwat kah, hendak bersekedudukan kah, itu hak masing-masing. Ini saya tengok pihak pembangkang pun ada yang menyokong ini. Saya tidak tahu Yang Berhormat Sepang sokong ataupun tidak. Yang Berhormat Sepang mungkin sokong juga. Yang Berhormat Kuala Langat tidak tahu, sokong atau tidak perkara-perkara seperti ini? Bab-bab ini kita kena tegas. Ini bukan soal politik. Ini soal masa depan agama kita. Lebih-lebih lagi kita di Malaysia ini merupakan sebuah negara yang unik. Bukan sahaja kita terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, bangsa Melayu itu juga merupakan satu bangsa yang unik. Tidak ada dalam dunia ini kalau saya tidak silap yang sesuatu bangsa itu dikaitkan dengan agama. Hanya Melayu. Bangsa Melayu wajib beragama Islam. Lain-lain bangsa, bangsa Arab. Bangsaanya Arab, agamanya pelbagai. Nama "Taariq Aziz", tetapi dia bukan Islam.

Orang Cina, bangsaanya Cina, agamanya pelbagai. Orang India, bangsaanya India, agamanya pelbagai. Akan tetapi bukan Melayu. Melayu wajib beragama Islam. Oleh sebab itu di negara kita Melayu dengan Islam tidak boleh dipisahkan. Kalau hancurnya Melayu, hancurlah Islam. Oleh sebab itu, kita kena bersatu dan kita kena menegakkan fahaman agama kita. Itu satu isu. Dia ada bawa 17 isu, saya tidak tentang semua. Daripada 17 perkara yang mereka bawa ada tiga, empat perkara yang tidak sepatutnya dibawa.

Isu yang kedua yang dibawa ialah hak untuk privasi perkahwinan dan kehidupan keluarga. Apa yang mereka bawa betul. Dalam budaya Malaysia ini kalau hendak kahwin dengan orang Melayu, orang bukan Islam hendak kahwin dengan orang Islam - kalau istilahnya "Melayu", maka orang bukan Melayu hendak kahwin dengan orang Melayu pun boleh cakap, orang bukan Islam hendak kahwin dengan orang Islam- apa mereka buat? Mereka kena masuk Islam. Sampai orang kata, "*Lu mahu masuk Islam kah, sudah potong kah belum potong?*" Itu ada juga. Oleh sebab kena masuk Islam.

Akan tetapi, kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara lain, memang hendak kahwin tidak perlu tukar agama. India - Shah Rukh Khan pelakon yang terkenal, Islam. Isteri dia Hindu. Dahulu kalau tidak silap saya Broery kahwin dengan Christine Hakim mula-mula. Dia tidak payah tukar. Bila sudah kahwin dengan orang Islam, Broery hendak kahwin dengan Anita Sarawak dia kena masuk Islam. Mula-mula tadi dia tidak perlu masuk Islam, faham tidak? Ini budaya.

Jadi, kalau perkara ini pergi bawa ke antarabangsa tanpa memikirkan budaya yang kita sudah amal daripada dahulu, hendak cakap kepada peringkat antarabangsa yang tidak tahu sejarah kita, yang tidak tahu budaya kita, pasti mereka kata betul. Sebab apa dekat Malaysia ini, hendak kahwin dengan orang bukan Islam, kena masuk Islam, adil kah?

Selepas itu, murtad. Dia bawa juga isu murtad. Masuk Islam boleh. Keluar Islam tidak boleh. Kalau pergi tanya orang antarabangsa yang tidak tahu mengenai Islam memang dia kata mana adil. Lebih-lebih lagi di dalam negara kita. Dia hendak tuntutan kesamarataan. Tidak mungkin boleh dilakukan. Hendak letak agama lain sama dengan agama Islam. Hal ini kerana Artikel 3 jelas mengatakan bahawa agama Islam adalah agama Persekutuan, bukannya agama rasmi. Ada kadang-kadang orang salah cakap. agama Islam agama rasmi. Bukan! Agama Islam ialah Agama Persekutuan.

Kemudian, hendak menguatkan kedudukan agama Islam dia letak dekat Artikel 11. Apa Artikel 11 cakap? Betul, kebebasan beragama. Semua rakyat boleh mengamalkan kebebasan beragama. Hendak masuk agama apa, masuklah. Kita tiada halangan. Hendak buat Deepavali, kita bagi cuti, *public holiday*. Krismas cuti, *public holiday*. Apa lagi? Wesak cuti, bagi lagi *public holiday*. Hendak buat tokong, buatlah. Kita tidak ada halangan. Oleh sebab kita mengamalkan kebebasan beragama.

Akan tetapi, jangan lupa Artikel 11 itu terikat dengan Artikel 11(4) yang mengatakan bahawa kerajaan-kerajaan negeri berhak dan boleh membuat undang-undang daripada menyekat penyebaran agama bukan Islam kepada orang Islam. Dalam erti kata yang mudah, agama-agama lain tidak boleh didakwahkan, tidak boleh disebarkan di kalangan orang-orang Islam - dalam Perlembagaan. Di Selangor, saya bagi contoh, ada enakmen. Enakmen Pencegahan Agama Bukan Islam. Dia sudah beritahu istilah. Di antara perkara yang dilarang ialah menyebut perkataan "Allah". Ada di dalam enakmen itu.

Jadi, sekarang ini apa masalahnya? Kalau kita hari ini isu kalimah "Allah" masih lagi pertikai, tetapi ini kalau kita tengok daripada zaman budaya kita, datuk nenek kita memang Allah ini ialah Tuhan untuk orang-orang Islam. Dahulu tidak timbul pun.

Mengapa sekarang baru hendak timbul, sebab apa? Kita bukannya baru merdeka. Kehadiran agama-agama lain dalam negara kita sudah lama. Sejak kita belum sampai merdeka lagi. Zaman kita dijajah sudah ada pelbagai agama. Kenapa sekarang baru hendak ditimbulkan? Jadi, kalau hendak minta kesamarataan **Interfaith Commission** seperti itu macam mana? Ini diberi di dalam Perlembagaan.

Di dalam Artikel 12, baca di dalam Artikel 12. Betul bahawa semua agama bebas hendak buat rumah ibadat, hendak buat sekolah, buatlah. Tidak ada halangan. Akan tetapi, untuk aktiviti-aktiviti pendidikan Islam...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Tanjong Karang minta penjelasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, sebentar.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Nanti. Saya habis dahulu. Aktiviti-aktiviti pendidikan Islam, Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri boleh menggunakan peruntukan-peruntukan kerajaan. Oleh sebab itu kita buat masjid, kita bagi sekolah agama. Itu hak, itu memang dijamin di dalam Perlembagaan. Jadi, sesiapa yang mempersoalkan ini semua, mereka inilah yang tidak menghormati undang-undang dan juga Perlembagaan di dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Subang bangun Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, sila.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Mencilah sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Tanjong Karang sebut tadi dan saya pun tertarik mendengar itu. Bila kata ini tentang kalimah "Allah". Isu yang disebut tadi. Yang Berhormat Tanjong Karang sebut kenapa baru-baru ini hendak timbulkan isu itu. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang macam mana isu ini ditimbulkan baru-baru ini dan siapa yang timbulkan isu itu?

Oleh sebab gambaran yang saya dapat, isu kalimah "Allah" ini, kitab *Bible* dengan izin, telah lama digunakan dalam Nusantara ini, dalam Sabah dan Sarawak, negara ini juga 100 tahun. Jadi...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *You* lagi sebut baru-baru ini timbul...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tidak payah. Saya hendak tanya juga...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak payah berucap. Ya...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya juga minta penjelasan, siapa yang timbulkan dan macam mana itu ditimbulkan?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey. Kita tidak perlu berhujah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Maksud saya bukannya keputusan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang mengharamkan...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, saya faham...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Itu yang ditimbulkan di situ. Kalau itu tidak berlaku, tiada isu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Oleh sebab itu, oleh sebab itu saya pun tahu bahawa di Sabah, Sarawak budayanya lain. Memang ada agama mereka yang menggunakan perkataan "Allah" tetapi, di Semenanjung ada undang-undang, ada enakmen. Di Selangor, ini Yang Berhormat daripada, orang Selangor. Ahli Parlimen daripada Subang, daripada Selangor. Baca tidak enakmen di negeri Selangor telah pun dibuat? Telah pun ditentukan. Undang-undang ini pun sudah lama kita buat. Yang Berhormat mempersoalkan orang Selangor tetapi mempertahankan apa yang ada di dalam Enakmen Pencegahan Agama Bukan Islam.

■1500

Di negeri Selangor sudah ada dan juga di dalam perlembagaan saya sebut tadi, sudah pun diberikan jaminan bahawa kedudukan Agama Islam ini adalah lebih tinggi daripada agama-agama lain.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun].*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Oleh sebab itu kita boleh tubuh JAKIM, kita boleh buat sebar. Bila kita sebar agama dijamin. Kita tidak seperti di negara-negara yang lain. Saya pergi di sebuah negara, saya tengok-tengok di dalam televisyen waktu Maghrib, Paderi duduk beri ceramah di dalam televisyen. Kita tidak boleh sebab kita sudah ada undang-undang dalam Perlembagaan yang telah kita terima di dalam Perlembagaan kita.

Jadi sebab itu, kita kena menghormati apa yang telah ada dan saya tidak membahas mana-mana kalimah Allah ini sebab masih lagi dalam kes mahkamah, dalam kes rayuan, itu sebagai contoh. Kalimah Allah ini jangan kata PKR, dalam **Parti Islam SeMalaysia**(PAS), pun berpecah-belah. Apa dia punya Mursyidul Am dipanggil Majlis Syurah, tidak silap saya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Minta penjelasan sedikit, beri ruang sedikitlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Subang bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Minta penjelasan sedikit.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Fasal apa? Fasal kalimah Allah? *No, no* kalimah Allah saya minta maaf kerana ini masih *subjudice*.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya hendak minta penjelasan tentang undang-undang negeri Selangor ini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini fasal kalimah Allah atau bukan?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Fasal isu - Yang Berhormat Tanjong Karang yang mulakan isu ini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, tidak saya ada cakap, saya ambil contoh.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Tanjong Karang sudah berhujah, berbahas panjang lebar.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya contoh ini, sepanjang dalam mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya setuju pada Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Sepatutnya kita...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya ambil satu contoh. Saya mengulas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang, kita kena alih topik sebab sekarang ini masih dalam pertimbangan yang pertama Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Sepatutnya kita berbahas dengan...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat tidak puas hati, Yang Berhormat pergi ke mahkamah, Yang Berhormat pergi jadi peguam bela kepada...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dia yang mulakan, dia yang mulakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa Yang Berhormat. Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Subang berhenti dahulu, Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Kita ada rakyat Malaysia yang dengar, kita mahu mereka dengar fakta yang betul dan tepat dan hujah yang bernas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Subang, sebentar Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Bukan macam cakap tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat Subang saya setuju dengan Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Tanjong Karang, sebentar Yang Berhormat. Saya setuju dengan Yang Berhormat Tanjong Karang, perkara ini dalam pertimbangan mahkamah, ianya cukup setakat itu Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dia yang mulakan. Tuan Yang di-Pertua sudah benarkan 15 minit.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang yang ungkitkan isu ini. Bila kami berbahas, kami diminta duduk tetapi Yang Berhormat Tanjong Karang yang ungkitkan isu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup setakat itu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, Yang Berhormat. Tidak apa.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You agreed with his speech.* Yang Berhormat Subang bangun, macam mana?

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang *lead the issues first.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Duduk, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat, sekarang saya dimaklum...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, sebentar. Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepang tidak payah mencelah macam itu Yang Berhormat Sepang. Sekarang ini telah di *notify* kepada saya, ia telah diangkat kepada pengetahuan saya sekarang ini dan dimaklumkan kepada saya bahawa perkara ini dalam pertimbangan mahkamah. Sebab itu saya katakan cukuplah isu itu di debat pada tahap ini. Tidak payah lagi disambung. Cukup, cukup Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya beri satu contoh.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya ingin minta penjelasan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua tetapi Yang Berhormat Tanjong Karang membangkitkan isu ini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, saya tidak bahas.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Tanjong Karang sepatutnya diberikan arahan untuk duduk.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa Yang Berhormat? **Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya membuat keputusan pada peringkat ini saya katakan bahawa saya minta Yang Berhormat Tanjong Karang untuk alih tajuk. Cukup setakat itu. Cukup setakat itu.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *But he already earlier on the issue* Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup setakat itu!

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *That is why* Yang Berhormat Subang *is here to retreat that.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya hormati rulling, penjelasan yang saya akan minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Penjelasan yang saya minta tidak akan masuk isu itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya melihat Yang Berhormat sering kali memakai *standing order*.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Standing order* kata, perkara yang dalam pertimbangan mahkamah tidak payah disebut.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebab itu apabila Yang Berhormat Tanjong Karang mengatakan bahawa memaklumkan kepada Dewan, dia tidak berhasrat lagi untuk menyambung perbincangan terhadap isu itu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Akan tetapi dia yang mulakan. Dia yang jalankan isu itu...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *But issue this, he is the one brought that in this House.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, *you are wrong already now. You are doubt the order because I am talking.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, *sorry, I apologize.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Subang, kalau Yang Berhormat hendak jadi peguam bela, Yang Berhormat pergilah jadi peguam bela dekat mahkamahlah, bukan di sini.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, *I...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah. Tidak payahlah. Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, ini pembangkang tidak faham. Saya ambil contoh, saya tidak berhujah. Saya tidak berhujah mengenai isu itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Akan tetapi kalau Yang Berhormat subang seorang peguam yang kononnya hebat sangat, hebat apa? Peraturan Dewan pun tidak faham. Kalau Yang Berhormat hebat, hendak pertahankan, jadi peguam bela hero...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya minta maaf kepada Tuan Yang di-Pertua, saya akan duduk dan akan dengar apa yang dia cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tidak apalah kita biarkan dia teruskan ucapan Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Kita dengar daripada Tuan Yang di-Pertua dahulu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak, saya sudah membuat keputusan tadi, saya katakan bahawa saya minta Yang Berhormat Tanjong Karang untuk beralih kepada isu lain. Jangan lagi sentuh tentang isu yang dalam pertimbangan mahkamah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya ambil satu contoh..

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin minta penjelasan, penjelasan saya tidak akan sentuh tentang isu keputusan mahkamah itu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya tidak akan sentuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebab itu kita minta ruang kepada Yang Berhormat Tanjong Karang sama ada dia hendak beri jalan kepada Yang Berhormat ataupun tidak.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya tidak akan sentuh isu dalam mahkamah dan kita kena jelas apa isu di mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, baiklah Yang Berhormat. Yang Berhormat Tanjong Karang mahu beri jalan kepada Yang Berhormat Subang atau tidak?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey Yang Berhormat duduklah. Ya duduk semaklah esok. Yang Berhormat semaklah *Hansard*, duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Esok pagilah itu.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat semaklah esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak berilah itu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dia tidak mahu beri laluan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, kalau begitu tidak berilah Yang Berhormat. Duduklah, ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya tidak beri. Yang Berhormat duduk. Ini *floor* saya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya boleh duduk tetapi beri laluanlah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Esok semak *Hansard*.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Akan berikah?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Esok semak *Hansard*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduklah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *You* hendak beri laluan untuk bagi penjelasan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Laluan apa? Sebab itu saya tidak beri laluan. Yang Berhormat duduk dahulu, ini *floor* saya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Okeylah. Penjelasan pun tidak mahu bagi.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak beritahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk pun susah Yang Berhormat, ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya tadi, saya buat sebagai contoh kerana saya tidak berhujah mengenai - saya tahu, saya peguam juga. Ini kes mahkamah sebab itu saya ambil sebagai contoh. Saya tidak berhujah mengenai isu itu. Akan tetapi kalau Yang Berhormat Subang merupakan konon apa hendak jadi peguam bela, peguam yang hebat, pergilah menjadi peguam bela bila kes ini didengar di Mahkamah Persekutuan, pergi jadi peguam bela bagi pihak perayu. Pergilah! Tidak ada halangan. Ini bukan tempat untuk berdebat, saya ambil sebagai contoh. *Lawyer* apa ini? *Lawyer* haprak betullah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Apa ini?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa cerita ini Tuan Yang di-Pertua, apa cerita ini?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya hendak tanya Peraturan Mesyuarat, saya rasa Tuan Yang di-Pertua boleh *control* ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Peraturan Mesyuarat mana Yang Berhormat? Tidak apalah Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ini macam melatah, melatah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Melatah apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apalah Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua saya hendak teruskan ucapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak perlu nilai ucapan orang yang berucap Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *You have to use the standing order to remind.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kecuali melanggar peraturan, tidak apa.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya bercakap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cara dia berucap, *substance* yang dia bawa Yang Berhormat tidak perlu nilai kecuali melanggar peraturan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya. Saya bercakap berlandaskan kepada perlembagaan. Kalau saya cakap salah, cara mana tolong betulkan saya. Saya bukan cakap soal perkauman, soal mengamalkan Islam, tidak! Saya cakap berdasarkan kepada perlembagaan kita. Semua sebelum datang ke Parlimen semua sudah angkat sumpah menjunjung perlembagaan kita. Tadi Yang Berhormat Padang Serai bukan main lagi mengagung-agungkan perlembagaan kita. Ini Yang Berhormat Subang hendak sibuk-sibuk fasal apa? Saya hendak bagi ulang, saya cabar Yang Berhormat Subang kalau betul-betul hebat sangat jadilah peguam bela apabila kes ini dibawa ke Mahkamah Persekutuan nanti. Yang Berhormat tawarkan diri. Jangan berhujah di dalam Dewan ini. Saya hendak ubah tajuk yang lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya hendak maklumkan bahawa perkara-perkara seperti ini...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru bangun Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kesamarataan daripada segi agama.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sedikit, laluan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini tajuk lain, bukan kalimah Allah dan tadi Yang Berhormat Tanjong Karang ada kompelin tentang Comango pergi ke Geneva untuk lobi dan sebagainya. Saya hendak *highlight* kepada Yang Berhormat Tanjong Karang dan minta pendapat Yang Berhormat Tanjong Karang. Sebenarnya apa yang berlaku di Geneva sekarang adalah UN *General Assembly Universal Periodic Review*. Okey. Tiap-tiap tahun, dia akan panggil daripada negara-negara untuk memberi maklumat, *feedback* tentang apakah implementasi *Universal Declaration of Human Rights* yang telah diakui dan di *sign* oleh negara-negara masing-masing. Jadi, dia akan tengok adakah negara tersebut cakap tidak serupa bikinkah? Ada buatkah? Ada implemenkah? Inilah proses yang dijalankan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: [*Bangun*].

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sekejap, sekejap. Saya hendak tanya, sekarang berlaku di sana dan pelbagai agensi dipanggil termasuk dengan SUHAKAM, okey. Saya tengah baca SUHAKAM punya *report*. Bukan sahaja Comango tetapi SUHAKAM pun kata itu nombor satu tahu. Dia kata, "*The Human Rights Commission of Malaysia*, dengan izin, SUHAKAM, dia ada commended dia kata bagus. *The government initiative to established technical subcommittee to study the feasibility of becoming party to ICCPR dan sebagainya*".

Kedua, dia juga kata, "*SUHAKAM noted that further strengthen of effectiveness in the discharge of this function, it has proposed an amendment to the SUHAKAM founding act, that will allowed SUHAKAM to visit places of detention without trial notification as required*". Dia juga kata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, itu hujah. Itu hujah bukan mencelah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Last, last...*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat boleh bercakap, baca sewaktu selepas saya berucap.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Nanti, nanti.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat kena faham apa beza mencelah dengan berhujah. Sekarang Yang Berhormat bukan mencelah, Yang Berhormat berhujah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Contoh, contoh. Sekejap, sekejap. *Last, last.*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat boleh cakap, saya sudah faham.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Satu, sedikit sahaja. Satu minit, satu minit.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya faham.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Berilah, satu minit sahaja.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat kalau hendak berhujah, tunggu *floor* Yang Berhormat. Jangan ganggu masa saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh ringkaskan Yang Berhormat? Yang Berhormat Bayan Baru ringkaskan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *You ask me direct to the point, I can answer.*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey, saya janji Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Tanjong Karang, yang mencelah dengan berhujah itu ada perbezaan yang luas dan besar. Jadi saya minta Yang Berhormat ringkaskan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sekarang, SUHAKAM *recommend that government rectify six call*, apa ini enam atau *six call human rights* yang belum *disign* oleh Kerajaan Malaysia. Maka, sebenarnya SUHAKAM adalah agensi kerajaan yang ditubuhkan di Parlimen, mereka pun *recommend* Kerajaan Malaysia untuk *rectify* sebab ini adalah *universal human rights* yang perlu kita *rectify*. Kalau kita hendak masuk PBB...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, saya faham. Saya faham apa Yang Berhormat maksudkan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Kalau kita hendak masuk PBB, kita hendak jadi efektif, kita perlukan pencapaian *human rights* di Malaysia ke tahap yang *international*.

■1510

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Betul, betul, saya setuju! 100% saya bersetuju! 100% saya bersetuju! *Human rights*. Saya tanya Yang Berhormat, lelaki boleh kahwin lelakikah tidak? Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya bagi jalan kepada dia. Yang Berhormat bersetujukah? Lelaki boleh kahwin dengan lelaki? Setuju, tidak setuju? [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: *Jawab! Jawab!*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ada banyak. Okey, kalau...

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: ...Kalau negara Malaysia, kita tidak setuju. Kalau kita tidak setuju, kita boleh bagi tahu, kita tidak perlu sains. Akan tetapi ada banyak yang seperti *migrant*, okey. Iaitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kalau soalan begitu di mahkamah...

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Orang tanya bersetuju atau tidak bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Kalau soalan begitu di mahkamah, jawapan ya atau tidak sahaja Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Itu sahaja, bersetuju atau tidak bersetuju lelaki kahwin lelaki, sudahlah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ini bukan mahkamah.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sudahlah Yang Berhormat, duduklah. Saya tidak bagi jalan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini bukan mahkamah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya menanyakan Yang Berhormat daripada mana ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bayan Baru.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat daripada Bayan Baru bersetuju lelaki kahwin lelaki?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ini *you* yang cakap. *You* tarik balik. Tarik balik.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, *you* jawablah! Setuju atau tidak setuju?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya hendak kata, saya hendak kata, ada pelbagai...

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa? Apa kata apa?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Don't put things into my mouth.*

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa? Soalan *very simple!* *Do you agree or not, if you don't understand Malay, I can speak English. Do you agree or not?*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Malaysia, kita kena ikut apa yang kita mahu.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tahu pun!

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya kata, saya kata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan bergaduh Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *Thank you very much. You sit down.*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan Riu]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Akan tetapi ada yang seperti *child abuse* dan juga *migrant worker* itu, boleh? Boleh tidak?

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Duduklah. *You* tidak faham.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Dia orang lobi, mereka hendak lobi, itu dia pergi lobi.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Duduklah. Sudahlah! *You...*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jangan kutuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, sudahlah! Lepas ini *you* duduk depan, *you* boleh berucap.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Kalau kutuk, *you* kutuk SUHAKAM.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bukan kutuk SUHAKAM! *You* dengar dululah!

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Ada report* itu SUHAKAM.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan berbalas macam ini Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Duduklah, *you* duduk! Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi dia *floor*, duduk! Jangan hendak pusing cakap. Saya hendak tanya SUHAKAM, adakah SUHAKAM bawa isu LGBT? Saya tidak pertikaikan SUHAKAM, kita pertikaikan isu yang dibawa oleh NGO sini yang bertentangan dengan budaya kita, dengan cara Islam kita.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sikit Yang Berhormat, mencelah.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tanya, adakah SUHAKAM akan bawa isu LGBT untuk dihalalkan di Malaysia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai bangun Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Dia bukan LGBT sahaja, dia ada enam. Dia bukan satu LGBT sahaja, dia banyak.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tahu dia ada enam, banyak perkara.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Banyak isu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru, duduklah Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *You* tidak setuju LGBT tidak apa, tidak payah sain.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Itu sebab Yang Berhormat tidak faham. Yang Berhormat pekak apa?

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: *[Menyampuk]* Yang tidak setuju tolak sahajalah, tidak payah sokong.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya cakap, dia ada bawa isu saya tidak nafikan. Dia ada bawa 17 isu, saya tidak pertikaikan kesemua. Saya bersetuju! Daripada 13 itu yang saya fikirkan adalah 4 isu yang tidak sepatutnya dibawa kepada peringkat *human rights*.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, celahan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi Yang Berhormat Lembah Pantai Yang Berhormat?

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Nanti, nanti saya bagi. Tidak apa Yang Berhormat. Tidak tahu Yang Berhormat sokong liwat, tidak tahulah. Tunggu sekejap.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tarik balik Yang Berhormat! Tarik balik! Jangan buat cara kurang ajar macam tu! Tidak perlu!

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa tarik balik?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tarik balik! Tak tahu hormat wanita! *[Dewan riuh]*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ini biadab.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tanya Yang Berhormat, sokong atau tidak sokong? Yang Berhormat sokong atau tidak sokong?

Seorang Ahli: Tarik balik!

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa nak tarik balik?

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, *standing order.* Tuan Yang di-Pertua, *standing order.*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara][Dewan riuh]*

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Sebentar Yang Berhormat, *point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk, duduk, duduk Yang Berhormat, duduk, duduk.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tanya soalan, Yang Berhormat sokong atau tidak sokong? Yang Berhormat sokongkan? Yang Berhormat sokong? *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat, sebentar.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Point of order.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Halau sama dia!

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya tanya macam mana? Saya tanya daripada mana tadi itu?

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat, *point of order.* Sebentar Yang Berhormat, ada *point of order*, duduklah semua.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tanya, sokong atau tidak sokong?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Bukan menuduh.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tengok *Hansard!*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya hendak dengar *point of order* Yang Berhormat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Point of order.*

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya janji dalam Dewan ini. Kalau saya tuduh dia kata meliwat, saya tarik balik! Akan tetapi soalan saya tadi, sokongkah atau tidak sokong? Itu soalan saya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Kenapa perlu? Kenapa perlu? Saya tanya elok-elok. *I want to ask you, what...*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Soalan dia bertanya, soalan suka atau tidak dengan liwat, itu sahaja.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Maaflah Tuan Yang di-Pertua. Kalau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sebentarlah. Sebentar, duduk dahulu. Saya tidak boleh menjawab jika semua bercakap sekali gus, tidak boleh menjawab.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak apa, peraturan mesyuarat saya boleh bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya hendak dengar *point of order*. Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Point of Order* 36(4), mengeluarkan bahasa kurang sopan, biadab atau seksis adalah dilarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terhadap siapa Yang Berhormat?

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terhadap Yang Berhormat Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, apa perkataan Yang Berhormat, apa perkataannya Yang Berhormat?

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Perkataan yang disebut, 'Adakah Yang Berhormat sokong liwat?' Itu perkataan semua orang dengar, semua orang dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Boleh tanya siapa yang dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk ya, cukup. Saya minta Yang Berhormat Tanjong Karang untuk perelaskan ayat itu.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Bharu, betul. Saya tanya, adakah Yang Berhormat sokong liwat? Itu soalan saya. Kalau sokong, sokonglah. Tidak sokong, sudahlah.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain duduklah, yang lain duduk.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, boleh pula dia cakap, dia sebut pula, "Kalau sokong, sokonglah! Kalau tidak sokong, tidak apa."

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey. Isunya sekarang...

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tanya soalan yang sama saya tanya kepada Yang Berhormat Bayan Baru.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: ...*Expression*, apa salahnya saya tanya? Saya hanya hendak minta penjelasan.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sama!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Saya sedang minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tanjong 'kerang'. Tanjong Karang bukan 'kerang', Karang ya? Yang Berhormat Tanjong Karang. Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang, saya minta penjelasan. Yang lain kena duduk diam, kita dengar penjelasan. Sebab ada peraturan, ada peraturan mesyuarat yang sedang di*invoke* sekarang ini, 36(4). Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan dan bidadab. Sebab itu saya minta Yang Berhormat Tanjong Karang perjelaskan. Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju, saya berterima kasih kepada sahabat saya daripada Yang Berhormat Kubang Kerian yang cukup peka.

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Kota Bharu.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ha Yang Berhormat Kota Bharu, minta maaf. Saya hanya tanya soalan, sebab kita bercakap soal *human rights*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, cukup Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kita kena faham apa yang ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat! Setakat itu Yang Berhormat, saya faham. Yang Berhormat Kota Bharu, saya melihat, mendengar dan saya berpendapat tidak ada pelanggaran setakat ini, 36(4). [*Tepuk*] Ya, silakan, teruskan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Adakah Tuan Yang di-Pertua akan menggalakkan? Berapa kali sudah tanya? Adakah, adakah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apalah Yang Berhormat. Ia perkataan biadab, perkataan biadab, sopan. Maknanya, tidak ada pelanggaran. Baik Yang Berhormat Tanjong Karang, hendak bagi Yang Berhormat Lembah Pantai?

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Hendak mencelah?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Ini hendak mencelahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau hendak mencelah, saya benarkan. Yang Berhormat Lembah Pantai, silakan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya hendak berbalik kepada isu yang kita bentangkan atau kita bincangkan pada petang ini, rang undang-undang dan pindaan berkait dengan SOSMA. Saya nampak apa pun dibuat dalam Dewan ini, pertanyaan dan pemberitahuan oleh Yang Berhormat Bayan Baru tadi, penting. Ini kerana apa? Ini kerana Kerajaan Malaysia sendiri dalam berkait isu UPR, Kerajaan Malaysia sendiri mahu mematuhi beberapa perkara. Apa yang kami bangkitkan di sini, kita ada ruang untuk bantah, kita ada ruang untuk pergi ke sana menjelaskan kenapa di Malaysia ada sesetengah perkara boleh kita terima, sesetengah perkara tidak.

Saya mahu tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar Angkatan Belia Islam Malaysia juga berada di Geneva untuk mempertahankan beberapa isu berkait dengan status peranan Malaysia ini punyai agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan? Apa yang saya benci dan tidak boleh terima adalah apabila Yang Berhormat menggunakan peluang ini untuk memfitnah dan menaruh syak wasangka yang negatif dan jahat kepada kami-kami ini, Ahli-ahli Parlimen yang Muslim. *[Tepuk]* Saya kata, isu ini kalau betul-betul sayangkan Malaysia, tumpukan bagaimana hendak perbaiki undang-undang negara, tumpukan bagaimana hendak perbaiki sistem keselamatan supaya rakyat semua hidup dengan aman. Mohon penjelasan.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya faham, faham. Dengar dahulu. Sebab itu Yang Berhormat, Yang Berhormat Lembah Pantai ini, dia tidak dengar ucapan saya daripada mula ini. Bila saya sebut LGBT ini, dia hendak melompat, fasal apa? Saya bagi tahu...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua,...

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Duduklah dahulu, bagilah saya bercakap.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sekali lagi saya kata, *point of order*. Memberi dan menambah syak wasangka bahawa saya ini menyokong! Saya dengar! Pertama, bermula dengan persoalan sokong liwat atau tidak? Kedua, berkait dengan isu LGBT.

Seorang Ahli: Tanjong Karang memang kurang ajar.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Di mana saya sebutkan? Saya mintalah, Yang Berhormat Tanjong Karang dahulu Menteri! Saya minta kalau boleh tolong fokus.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya fokuslah ini.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tunjukkan model, contoh yang baik kepada rakyat.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya betul! Saya fokus ini! Tuan Yang di-Pertua, saya bukan tidak dengar. Saya tadi cakap mengenai ancaman keselamatan dalam negara kita berubah daripada semasa ke semasa. Saya sudah kata dahulu komunis, habis komunis, rusuhan kaum. Habis rusuhan kaum, masuk pula JI, habis JI, jenayah. Saya cakap *in future*. *In future*, kalau kita tidak atasi daripada sekarang ini. Sebab budaya yang dibawa oleh sekumpulan daripada rakyat Malaysia bertentangan bukan sahaja dengan perlembagaan, dengan budaya kita! Itu saya tanya. Ini dia bercakap soal hak asasi. Saya kata, dia ada bawa banyak *point*, tuntutan dia ada berapa saya sebut tadi.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Tanjong Karang, minta penjelasan.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ada 17, saya hendak pertikaikan. Duduk dahulu! Saya hendak pertikaikan, ada 4,5 perkara yang tidak sepatutnya dibawa ke peringkat antarabangsa. Tadi Yang Berhormat Bayan Baru kata SUHAKAM ini, semua ini. Tidak ada! Kita, kita terima.

■1520

Oleh sebab itu saya kata, apabila tahun 2009 dahulu, bila perkara itu kita sains, maka kita hapuskan ISA, kita hapuskan EO. Itu hasil daripada perjanjian kita. Sekarang ini, kalau misal kata desakan mereka ini berjaya, apakah kita hendak benarkan LGBT dibenarkan di negara kita? Itu soalan saya. Ini soal hak asasi.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Tanjong Karang. Minta laluan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Tanjong Karang. Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *You are talking about* hak asasi. Kita faham, saya kata hak asasi manusia ini. Oleh sebab itu bila kita cakap soal hak asasi manusia, jangan sokong *semberono*, jangan sokong sesuka hati. Mesti ada fakta.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Tanjong Karang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak boleh. Yang Berhormat, kedua-dua Yang Berhormat, kalau bercakap ketika hendak mencelah begini, ia mengganggu perbahasan. Saya melihat kedua-dua Ahli yang bangun ini, sebab itu saya tunggu dia noktah, berhenti bercakap, kemudian saya akan panggil sama ada dia bagi jalan atau tidak bagi jalan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Akan tetapi noktah belum sampai lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bagi jalan, bagi jalan.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tasek Gelugor.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Tanjong Karang, saya berdasarkan soalan yang Yang Berhormat Tanjong Karang menghadapkan kepada Yang Berhormat Lembah Pantai tadi, saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat Tanjong Karang, bolehkah kami tanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah cukuplah yang itu Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Kalau C4 boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau itu salah, Yang Berhormat tanya balik pun salah juga. Cukuplah.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Akan tetapi *it was forgiven Tuan Yang di-Pertua. It was forgiven, you have allowed it* Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak tanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak, tidak. Satu, satu. Tidak boleh buat begitu. Kalau itu salah...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Boleh tidak soalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau sekarang sudah dikatakan salah, Yang Berhormat tanya balik salah juga.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *But I need to know what is right or wrong* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah. Bila kita sedar ia salah, jangan ulang kerana ia akan salah lagi.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Akan tetapi Yang Berhormat Tanjong Karang tidak menarik balik kenyataan yang salah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya teruslah. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya menanyakan soalan tersebut?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah, dia faham sudah. Cukuplah Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak tahu soalan saya apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak perlulah, tidak perlu.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Tanjong Karang hendak tahu, kalau penggunaan C4 untuk mengebom seseorang itu dibenarkan atau Yang Berhormat Tanjong Karang sokong atau tidak? Itu soalan saya. [*Dewan riuh*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak apalah. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak perlu jawablah Yang Berhormat, tidak perlu jawab yang itu Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya menghormatilah pandangan Yang Berhormat daripada Batu Kawan. *At least*, dulu masa *late her father* pun *argument* sama, *argue* dengan saya dalam Parlimen benda yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nampaknya sama-samalah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jadi dengan anaknya pula, jadi okeylah *I can accept*. Akan tetapi satu Yang Berhormat, kita ini bercakap soal hak asasi manusia. Ini kerana semua bercakap hak asasi, hak asasi. *That is why* saya bertanya, ada hak asasi yang kita perlu sokong. Kita tidak nafikan. Akan tetapi ada hak asasi yang kita tidak boleh hendak sokong. LGBT semua, mengapa kita hendak sokong.

Saya sudah kata tadi, hak asasi apa? Ini memang Yang Berhormat tidak sokong. Itu sebab saya tanya, kalau tidak sokong terima kasih.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Minta pencelahan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kalau sokong, kita kena kutuk. Kumpulan NGO's, 54 NGO's yang hari ini pergi melobi sebab apa?

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Tanjong Karang, boleh laluan?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya. Itu isu yang saya hendak bangkitkan sebab saya sudah kata hak asasi. Saya sudah bagi contoh, LGBT tidak boleh.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Lembu pun saya kata tadi, tidak ada otak. Haiwan tidak ada otak pun tahu pilih jantan, betina.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Tanjong Karang, boleh tidak?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa fasal kita pula, NGOs pergi ke sana, pergi hendak bawa soal LGBT, hendak diterjemahkan, hendak diperjuangkan di Malaysia ini. Ini tak boleh. Ini ancaman keselamatan yang berkaitan dengan undang-undang yang saya bahas ini tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tasek Gelugor bangun Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat jangan tidak faham.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Tanjong Karang. Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, setujukah Yang Berhormat Tanjong Karang kalau kita melihat kepada perincian perkara-perkara yang dituntut oleh Comango di Geneva sekarang ini bahawa apa yang dituntut oleh Comango ini, ia bukan perkara-perkara yang kita katakan hanya melibatkan apa yang disentuh oleh SUHAKAM sahaja, tetapi banyak lagi perkara-perkara lain yang saya rasa elok kita kongsi di sini. Di antara peruntukan yang dikemukakan oleh Comango adalah hak kebebasan orientasi seks, lesbian, gay, biseksual dan *transgender* dan juga hak kebebasan murtad bagi orang Islam dan hak kesamarataan agama di negara ini.

Comango juga turut mempersoalkan kes tuntutan penggunaan kalimah 'Allah' oleh penganut Kristian, larangan terhadap penganut ajaran Syiah dan hak seorang bapa beragama Islam untuk mengislamkan anak-anak di bawah umur. Gabungan itu juga turut menuntut undang-undang jenayah syariah dihapuskan, memberi persepsi negatif

terhadap tindakan penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri dan usaha hendak berdakwah kepada masyarakat Orang Asli serta mendesak kerajaan menarik balik pengharaman buku terjemahan 'Allah, Kebebasan dan Cinta' karya Irsyad Manji.

Kesemua isu ini adalah isu yang begitu panas dan mengundang perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat, bercanggah dengan perlembagaan, hak-hak orang Islam dan sebagainya. Oleh sebab itu kita minta supaya kerajaan buka mata dan juga mengambil perhatian seterusnya menyelaraskan apa tindakan-tindakan perlu supaya perkara-perkara macam ini yang sebenarnya menjadi hak-hak istimewa kepada rakyat kita di Malaysia jangan dipertikaikan di peringkat PBB. Kita minta PBB menghormati kita. Jangan kita sampai pergi menyerah diri dan biarkan orang tentukan apa yang patut kita suap ke dalam mulut kita. Biarlah kita yang tentukan sendiri. Jadi dalam hal ini, peraturan-peraturan yang dibuat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Adalah amat perlu. Jadi setujukah Yang Berhormat Tanjong Karang bahawa dalam isu Comango ini, ia banyak perkara-perkara lain yang perlu kita lihat, bukan sahaja isu SUHAKAM. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, terima kasih. Inilah Ahli Parlimen yang membuat kajian. Bukan Yang Berhormat di sana, cakap tidak tentu hala, tidak faham apa yang diperjuangkan. [*Tepuk*] Saya kata saya tidak nafikan, 13 tuntutan tentang apa yang disebut tadi. Kita cakap soal keselamatan negara, yang saya kata yang Yang Berhormat Padang Serai mengatakan artikel 149 sudah tidak *relevan*, mesti dihapuskan sebab kalau macam itu dia kata zaman komunis.

Saya hendak bagi tahu, yang saya cakap ini apa ancaman yang akan datang? Ini ancaman kepada perpecahan agama ini cukup bahaya kalau tidak kita atasi. Ini kerana sudah ada puak-puak ini, rakyat Malaysia yang tidak menghormati undang-undang kita. Saya hendak cabar, kalaulah betul pihak sana sayangkan negara, kita mesti bersatu mengutuk tindakan NGO's ini, kalau tuan-tuan kata sayang. Ini soal agama. Kita tidak boleh perjudikan.

Saya sudah bagi tahu tadi keselamatan agama, macam mana kita hendak buat sudah habis dalam perlembagaan kita perkara-perkara sebegini. Apa lagi? Selain daripada itu Yang Berhormat, dia ada tuntutan lagi ini. Dia ada tuntutan hak untuk bekerja dengan syarat yang adil. Betul! Memang kalau kita tengok perlembagaan kita artikel 8, kesamarataan. Semua orang tidak boleh dibezakan di dalam mana-mana pekerjaan.

Akan tetapi kena hormatlah. Dalam artikel 8, dalam artikel 8(4) kalau saya tidak silap. Artikel 8(5), dia sebut. Dia kata dalam artikel ini baca, ini perlembagaan. Dia kata kerja tidak boleh dibezakan di antara warna kulit, tidak boleh, betul. Akan tetapi kena ingat, artikel ini kata ada satu pekerjaan tidak boleh orang lain ambil kerja iaitu Askar Melayu. Disebut Askar Melayu hanya untuk orang Melayu. Ini tidak boleh kita kata Askar Melayu hendak buka kepada orang bukan Melayu, tidak boleh kerana itu dalam perlembagaan kita.

Setiap dalam perlembagaan kita ini disebut, kebebasan beragama. Betul, kita mengamalkan kebebasan beragama tetapi tertakluk artikel 11(4). Betul, kita boleh menggunakan duit kerajaan untuk membangunkan agama tetapi kita tidak boleh bebas tertakluk di dalam artikel 12. Kita kena baca perlembagaan itu sampai habis baru kita faham. Apa yang saya hendak bagi tahu ini tadi, bukan saya hendak *provoke*. Saya hendak tanya, saya hendak mengharapkan jawapan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya tidak bersetuju liwat.

Itu yang saya hendak harap menunjukkan kita bersama-sama bersatu hati mahu menentang budaya yang songsang yang akan diwarisi oleh anak cucu kita. [*Tepuk*] Ini yang saya hendak cakap. Jadi ini ada kaitan dengan undang-undang. Ahli yang sebelah sana hendak melompat ini fasal apa? Sebab apa yang sana hendak melompat? Kita bercakap soal keselamatan negara. Ada, ada tadi yang cakap...

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Boleh saya mencelah sikit?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Batu Pahat bangun.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, sila.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Kawasan mana tadi? [*Disampuk*] Tanjong Karang. Kita orang tua, kita faham lenggok bahasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ramai orang tua Yang Berhormat di sini.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Ya Tuan Yang di-Pertua, orang tua. Kita faham lenggok bahasa. Kita faham yang tersirat dari yang tersurat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Tidak apa, ayat itu yang masa Yang Berhormat mengajar saya di bawah BTN dahulu. [*Tepuk*] Saya jadi macam ini sebab Yang Berhormat yang mengajar saya. Sewaktu dia menjadi penyokong kerajaan, Timbalan Pengarah BTN, masa itu dia bagi ceramah. Masa itu saya di IPTI, saya cukup semangat. Inilah kita hendak pemimpin yang memperjuangkan agama, yang

memperjuangkan Islam. Tiba-tiba lompat sebelah sana, hendak kata macam mana? *[Ketawa]* Saya tidak kata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat bangun lagi Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, tadi bercerita betul. Saya mengaku Yang Berhormat ini guru saya.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tidak, saya tidak pernah mengurukan dia ini. Jangan 'celah-celah' saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*
[Ketawa]

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Memang penipu! *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya hendak cerita, memanglah guru selalunya lupa murid. *[Ketawa]* Saya ini guru. Saya pernah jadi guru. Satu hari saya pergi di Klang. Dia kata, "Oh cikgu, apa khabar?" Saya kata, ini mesti anak murid saya ini. Kalau dia bukan anak murid, mesti dia panggil saya Yang Berhormat ataupun Datuk. Dia kata, "Cikgu, terima kasihlah cikgu, sekarang saya sudah jadi doktor". "Eh, masa bila saya ajar you?" "Eh, dulu masa cikgu di '...' cikgu ajar saya Form 1". Sudah 20, 30 tahun dahulu, mana saya hendak ingat? Serupa juga Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat tidak ingat. *[Ketawa]* Inilah masalah Yang Berhormat. Bila masalah, masalah mudah lupa dia kadang-kadang lompat cepat sangat ini *[Ketawa]*

■1530

Tadi Yang Berhormat, tidak saya kena faham, saya bukan kata lenggok bahasa, ini kenyataan. Ini kita perbincangan. Kadang-kadang pihak sebelah sana buat fitnah pemimpin kita ini lagi teruk. Bantai yang bukan-bukan. Kita terimalah, tapi saya tidak ada bantai sesiapa. Saya tidak ada sebut pun nama mana-mana Ahli-ahli Parlimen. Kalau sebut nama Ahli Parlimen, boleh tuan-tuan hendak marah dengan saya. Saya general, bercakap soal keselamatan dan masa depan negara kita, ini yang kita bercakap. Soal keselamatan negara kita ini bukan sahaja BN, tadi siapa yang ada bangun cakap tadi. Dia kata kalau parti lain memerintah hendak buat?

Kalau kita sudah jadi negeri huru-hara, siapa memerintah pun sudah tidak ada guna. Siapa sangka Mesir, siapa sangka? Ini Yang Berhormat ini mesti ada belajar pada Mesir ini, kecuali Yang Berhormat Sepang tidak tahu dia belajar di mana. Bukan di Mesir...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah bangun Yang Berhormat Sepang [*Ketawa*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tengok berapa hebatnya. Tiba-tiba apa berlaku dengan Mesir kan. Ini kita kena ingat.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: [*Bangun*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini masa depan. Sebab itu saya kata undang-undang ini mengikut keadaan zaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Puteh bangun Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kemungkinan, nanti Yang Berhormat.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Sedikit, kerana menyebut tentang Mesir dan saya belajar di Mesir, saya lulusan Mesir. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, sikit cukup. Sikit cukup.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Dia masalah Mesir ialah masalah diktator. Pemerintahan polis, kuku besi. Kalaulah kita membuat undang-undang menuju ke arah itu, maka kita akan jadi macam Mesir.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] [*Tepuk*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, terima kasih. Sebab itu, saya kata saya baca - Yang Berhormat duduk sana. Di Mesir, sebab rakyat dia menentang kuku besi katanya tadi, sudah jatuh, Hosni Mubarak sudah jatuh. Naik pula satu demokrasi yang betul. Buat perlembagaan, jatuh juga, bertahan juga. Ini masalahnya, ini kita kata. Jangan ingat sekali negara kita selamat dan aman, kita akan aman selama-lamanya. Ini kita kena ingat. Oleh sebab itu kita hendak berpolitik dan apa juga kita kena fikir masa depan negara.

Jangan sebab kita hendak politik, kita hendak gadai maruah agama kita dan bangsa kita [*Tepuk*] Ini yang saya hendak ingatkan pada kita. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya hendak bagi tahu, saya pun pernah, saya pernah jadi pemimpin pelajar masa di London. Betul. Saya pun dulu memang agak-agak agresif. Saya pun pernah menentang. Soalnya sekarang ialah ramai orang tidak tahu sejarah. Ini masalah kita. Orang-orang pertikai, saya hendak kata betul. Kalau kita tengok Artikel 3, Artikel 12, Artikel 11, Artikel 8, Artikel 153 dan Artikel 152, seolah-olah macam biskut, macam ada *double standard*. Mengapa ada perbezaan-perbezaan? Ini kita kena ingat. Ini sejarah kita. Kita mencapai kemerdekaan di meja bulat, bukannya kita ada militan, kita ada *social contract*. Sama-sama berkorban. Ini kena ingat, sama-sama berkorban.

Orang Melayu berkorban, orang bukan Melayu berkorban demi untuk masa depan negara kita. Yang kata hendak- walaupun kita ada kuasa Raja-Raja Melayu. So kita kena ingat, apa kuasa Raja-Raja Melayu kata. Dia kata, Raja-Raja Melayu tinggalkan harta benda, 50% hendaklah dimiliki oleh rakyat dia dan juga 50% berkongsilah dengan orang lain. Bermakna kuasa Raja-Raja Melayu pun tidak tamak. Dia suruh berkongsi.

Walau bagaimanapun, apa juga kita buat, kita memberikan pembelaan kepada orang-orang Melayu. Sebagai contoh dalam segi apa juga, kita lihat kita masih lagi tertinggal. Kita masih lagi perlukan bantuan. Hari ini saya hendak bagi tahu, kalau tengok perangkaan-perangkaan yang ada, kepada kita pendudukan rakyat Malaysia kita ada 19.1%, 67% ialah bumiputera.

Kita tengok miskin siapa yang ramai. Sebanyak 2.2% ialah Melayu, bukan Melayu hanya 0.6%. Pendapatan isi rumah bumiputera hanya RM4,457. Bukan bumiputera RM6,074. Pemilikan kekayaan, sektor korporat 23% sahaja bumiputera, kediaman - 36%. Bangunan industri - 2.3%, bangunan perniagaan - 7.8%. Ini yang kita hendak supaya kita keadilan sosial. Kita bukan kesamarataan. Kita hendak keadilan sosial. Ini semua ada berkaitan sejarah. Saya bukan hendak kata Yang Berhormat sebelah sini, termasuk sahabat-sahabat saya. Saya ini hendak tahu sebab apa, kalau kerajaan tidak tolong saya, saya anak pemandu teksi. Saya tidak akan berasa belajar di London membacakan undang-undang hari ini.

Sekarang ini dasar kerajaan membela orang Melayu, anak petani [*Tepuk*] Saya boleh jadi peguam, saya boleh belajar di London. Hendak harapkan keluarga saya, hendak beli tiket kapal terbang pun bapa saya tidak mampu. Ini dasar kita. Ini kenyataan. Tinggal lagi kita kena tahu bersyukur dan terima kasih kerana perjuangan kita bukan hari ini, untuk masa depan. Sekarang kita bercakap soal tentang keselamatan. Apa jadi kalau kita sudah bertelagah dari segi agama kita. Ada kita boleh ada aktiviti, ada kata tidak boleh ada aktiviti, ada kata boleh sama rata, kita kata tidak boleh. Ada pula berkata liberalisme boleh, ada kata tidak boleh. Susahlah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya tidak mahu cakap banyak, saya dengan ini menyokong akta ini...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...dan saya harap satu ayat saya, saya hendak cadangkan supaya kerajaan kaji, pertama ROS. Di sana yang pergi ke

Geneva ada 54 NGO, ada yang berdaftar ada yang tidak berdaftar. ROS kena tengok persatuan ini, kalau mana tidak berdaftar, maka mereka mewakili pertubuhan haram. Yang kedua mereka juga mesti dilihat adakah mereka ini menjadi virus kepada keselamatan di dalam negara kita. Kalau perlu diambil tindakan di bawah SOSMA, kita ambil tindakan. Biarlah kita ambil tindakan demi untuk keselamatan negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis. Yang Berhormat Lembah Pantai.

3.36 ptg.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut berbahas dalam pindaan Rang Undang-undang Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, khususnya paper 11/2013, dengan izin.

Saya sebenarnya ingin membawa kita kembali kepada isu utama kenapakah pindaan-pindaan ini dibuat. Agak mengejutkan apabila alasan utama yang diberikan oleh Menteri satu ketika dahulu adalah ia berdasarkan laporan hasil kajian daripada Universiti Sains Malaysia (USM), di mana mereka mengatakan keperluan untuk satu ataupun undang-undang *draconian* bagi mengawal kadar jenayah, khusus jenayah terancang yang diperincikan dalam pindaan yang dibawa pada hari in.

Yang saya persoalkan pertamanya, seharusnya setiap Ahli Parlimen Dewan Rakyat diberikan sesalinan laporan tersebut. Ini kerana dalam mana-mana usaha untuk menangani masalah jenayah, maklumat harus tepat, data dan statistik itu dikemukakan, supaya wakil rakyat tahu apakah undang-undang yang berkesan terdahulunya dan apakah undang-undang yang mungkin gagal untuk menangani dan menyelesaikan masalah jenayah.

Saya agak terkesan apabila Yang Berhormat Padang Serai awal tadi menyatakan dengan jelas, bahawa bila dimasukkan perdagangan manusia dan jenayah terancang dalam definisi kesalahan keselamatan itu, ini tidak ada rasionalnya. Tidak boleh kita terima, kerana masalah-masalah yang berkaitan dengan isu perdagangan manusia dan jenayah terancang adalah berlainan daripada isu keselamatan dalam negeri.

Jadi saya agak bimbang kerana bukan sahaja kita tidak mendapat akses kepada laporan USM yang digunakan sebagai *basis*, dengan izin, oleh Menteri sebelum memperkenalkan ke semua rang undang-undang ini. Akan tetapi menerusi kajian-kajian yang saya buat, pertamanya saya rujuk kepada sistem di mana Malaysia merupakan

bekas tanah jajahan Britain. Jadi tentunya undang-undang yang kita dapat hari ini adalah peninggalan. Peninggalan daripada sistem pemerintahan British. Saya lihat bagi negara Britain, kerana mereka bercakap tentang *special branch*, tentang *Internal Security Act*. Semua gara-gara hasil daripada pemerintahan British terdahulu.

Ada satu dokumen yang saya fikir elok kita teliti dalam kes ini adalah tentang strategi nasional bagi pertahanan di Britain. Tajuknya, "*A Strong Britain in an Age of Uncertainty*" dengan izin. Jadi ini merupakan kertas bagi strategi pertahanan nasional mereka. Kita lihat di Britain tentunya isu nasional di mana-mana negara pertahanan ini, menjadi isu yang amat penting. Akan tetapi sekurang-kurangnya mereka mewujudkan satu, kalau di Malaysia mungkin dipanggil Majlis Keselamatan Negara (MKN). Di Britain, mereka ada *National Security Council*. Ini dipanggil di Britain dan sememangnya tugas mereka adalah untuk mendapatkan objektif pertama, *a secure and resilient United Kingdom and shaping a stable world*. Saya fikir penting, kerana bila saya lihat dan teliti, rasional mereka buat langkah-langkah yang diperkenalkan bagi pihak polis menangani *cyber crime*, menangani terrorism ini dibuat dengan pemantauan Parlimen yang berterusan.

Ada sebuah Jawatankuasa Khas yang diwujudkan di Parlimen untuk memantau pelaksanaan strategi pelaksanaan pertahanan nasional.

■1540

Jadi, Majlis Keselamatan mereka memang melaporkan kepada Perdana Menteri. Ada jabatan-jabatan kerajaan yang menjalankan dan bekerjasama dengan erat tetapi mereka laporkan dari semasa ke semasa setiap tahun tentang statistik jenayah yang berkurangan atau bertambah daripada pengenalan undang-undang dan keberkesanan setiap program dan tindakan dan juga keputusan yang diambil oleh kerajaan.

Jadi, ada satu sistem timbang tara yang memberi keyakinan kepada Parlimen di England tentang keputusan yang diambil oleh kerajaan termasuklah pelunasan perbelanjaan dalam bidang atau untuk jabatan-jabatan tertentu. Saya fikir ini penting. Jadi, sebelum kita lihat, sekejap pinda lepas itu tarik balik, lepas itu pinda lagi, tarik balik. Tanpa perbincangan dengan Majlis Peguam Negara, tanpa perbincangan Ahli-ahli Parlimen. Ini kerana pada saya isu keselamatan ini adalah isu yang memang dipersetujui oleh semua parti, memang isu yang harus kita pertahankan dan kita harus beri segala prasarana untuk memperbaiki tahap profesionalisme dan tahap efisiennya Polis Diraja Malaysia (PDRM) kita.

Jadi, pada saya kerajaan harus wujudkan satu Jawatankuasa Parlimen dan memberikan satu gambaran bahawa kerajaan tidak takut dengan data. Kita sekarang ini

tidak beri dah kepada badan-badan antarabangsa statistik terkini berkait dengan jenayah. Jadi, seharusnya kita yakin, kita tunjukkan kenaikan dan sebagainya mungkin kerana kurang berkesan.

Jadi, saya juga di sini Tuan Yang di-Pertua, mahu kita kembali kepada isu dasar, mahu kita kembali kepada jangan kita buat kesalahan dalam arena di mana banyak isu dipolitikkan sampaikan perkara-perkara yang tidak berbahaya pun 'diperbahayakan'. Ini akan memberi kesan yang amat negatif kepada rakyat kerana bila satu rang undang-undang itu diluluskan, seharusnya adalah rasional yang begitu kukuh, begitu utuh supaya setiap undang-undang dapat diguna pakai, dilaksanakan oleh peringkat agensi dan jabatan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itu saya merujuk beberapa kertas kerja kerana setakat ini kertas kerja USM tidak diberikan. Saya mintalah kalau Yang Berhormat Menteri merasakan pentingnya keterbukaan, transparensi, jadi perlu diberikan kertas kerja tersebut. Saya hendak rujuk kepada beberapa maklumat yang didapati khusus daripada *Refugee Review Tribunal* yang diadakan di Australia yang berkait dengan jenayah terancang. Jenayah terancang yang dalam pindaan ini diperkenalkan beberapa klausa untuk kononnya memudahkan bila kita menganggap isu jenayah terancang ini sebagai satu kesalahan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ini dikenali di seantero dunia tetapi di antara sebab-sebabnya seperti yang disebut dalam banyak kertas-kertas kerja termasuklah pihak atau peringkat antarabangsa adalah tentang isu jenayah terancang. Di Malaysia dikatakan jenayah terancang ini melibatkan isu rasuah dan isu memberi wang suap kepada pihak berkuasa kerana itu ianya begitu berleluasa sekali. Saya rujuk di sini persoalan kepada operasi gengster masyarakat Cina di Malaysia dan kaitan mereka dengan kerajaan.

Jawapan yang diberikan dengan izin adalah *loan sharking is an extremely large business. Mainly targeting poorer group and has previously been tacitly allowed by the government.* Jadi, mereka dibenarkan untuk memperluaskan kegiatan mereka oleh kerajaan. Ini laporan dan kita masukkan juga maklumat yang diberikan juga menunjukkan bahawa isu jenayah terancang bukan sahaja masalah di Malaysia tetapi juga merupakan masalah di seluruh rantau Asia Tenggara. Samalah seperti masalah rasuah.

Ada sebuah artikel tahun 2005 diterbitkan oleh *British Broadcasting Corporation*, Tuan Yang di-Pertua. Mereka menyiasat *Malaysia's notorious triad gangs* dan dikatakan bukan sahaja isu dadah kerana isu dadah penaltinya agak *severe, very serious*. Jadi, ada kegiatan yang melibatkan kumpulan-kumpulan *triad* dalam *prostitution, loan sharking and*

pirated goods, dengan izin. Penulis juga menyatakan dalam artikel tersebut banyak perjanjian dibuat dengan pihak berkuasa yang selalunya tidak, membiarkan sahaja kegiatan-kegiatan kumpulan-kumpulan terancang ini.

Salah seorang ahli kepada *triad* satu kumpulan menyatakan dengan izin, *"If I want to operate on a particular street, I ask a politician to ask the authorities not to disturb me. The politician might say it is impossible to have zero arrest, so you can operate on certain hours and we will patrol after those hours. So, it is a win-win situation."* Ah Heng said. Jadi, saya nampak bagaimana dan apakah langkah yang kita ingin laksanakan untuk menangani masalah sebegini, bila wujudnya *collusion* dalam agensi-agensi kerajaan kemungkinan yang disiarkan menerusi pembuktian ini. Jadi, tentunya kita mahu tahu undang-undang yang kita perkenalkan haruslah menangani masalah ini.

Ada juga disebut dalam media arus perdana, saya rujuk sekarang. Kerana media arus perdana pada tahun 2006 dalam *The Star*, *"Joint fight against loan shark."* Kenapa saya sebut? Ini kerana selalunya kita harus pantau kegiatan jenayah terancang ini dalam satu skop masa. Tidak boleh bulan depan statistik lain. Bulan sebelumnya cakap *non core crime index* dan *core crime index* lain. Jadi, pada saya harus kita lihat trend nya. Pada tahun 2006 bulan Disember, Kabinet telah mewujudkan satu jawatankuasa khusus menangani pinjaman kumpulan lintah darat, menangani pinjaman yang diberi oleh along. Ini Jawatankuasa Kabinet. Jadi, seharusnya Jawatankuasa Kabinet ini, keputusan perincian, harus diberikan maklumat-maklumat tersebut kepada Ahli Parlimen.

Kita bayangkan ini berlaku tahun 2006, sekarang 2013. Tentunya rakyat wajib tahu apakah perkembangan daripada Jawatankuasa Kabinet tersebut. Pada laporan-laporan lain yang dikemukakan menyatakan cadangan kerajaan pada Januari 2007 selepas wujudnya Jawatankuasa Kabinet khusus untuk menangani masalah along adalah untuk mendakwa mangsa-mangsa along yang tidak boleh bayar. Jadi, saya baca *in January 2007, proposal* untuk mendakwa mereka yang cuba meminjam daripada pada-pada lintah darat ini. Ini dibawa oleh pihak PDRM. Akan tetapi akhirnya *alhamdulillah* Kabinet Malaysia menolak kerana dikatakan ini bukanlah caranya untuk menyelesaikan masalah. Orang perlukan duit. Kadang-kadang sistem itu menyerang dan mengheret mereka kepada kancah pinjaman dengan kumpulan-kumpulan daripada organisasi terancang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan pada ketika itu tahun 2007 menyatakan setakat ini Jawatankuasa Kabinet yang telah diwujudkan pada Disember untuk menangani masalah pinjaman ah long telah berjaya mengurangkan. Ini kerana kita lihat daripada mangsa-mangsa yang memberikan laporan amat kurang sehingga bulan

lepas iaitu Februari 2007 tidak ada satu pun laporan dikemukakan kepada pihak kementerian. Akan tetapi pada masa yang sama dalam *New Straits Times* bertarikh 2 Mei 2007 ada juga dakwaan. Dikatakan, saya *quote* di sini “*There is complete apathy on the part of the authority and police*”. Ini disebut dalam *New Straits Times*. Tidak ada perhatian yang mencukupi diberikan oleh pihak berkuasa termasuklah pihak polis dilaporkan.

Jadi, apa pun ini membawa persoalan kepada isu statistik. Kita berbicara tentang undang-undang. Ya, memang satu hal, isu prinsip hak asasi, prinsip menghormati saksi. Dalam Islam pun ada bagaimana kita menghormati *the right of the accused*, dengan izin. Pada masa yang sama, saya tidak mampu untuk memberi nilai kepada apakah undang-undang yang berkesan pada waktu itu yang boleh kita ulangi atau perbaiki di kala tahun 2013.

Saya ingin sebut juga ini merupakan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri kerana ketika itu kita mempunyai *Deputy Internal Security Minister* Tuan Yang di-Pertua, April 2007. Kita amat bimbang dengan peningkatan jenayah walaupun sebelumnya Yang Berhormat Menteri menyatakan lebih baik daripada sebelumnya.

■1550

Saya dimaklumkan, dalam tiga bulan sahaja telah ada 40% kenaikan jenayah di Kuala Lumpur. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri (*Internal Security Minister*). Saya hendak sebut, ketika ini tahun 2007 apa faktanya, apakah realiti pada ketika itu? Kita mempunyai Akta keselamatan Dalam Negeri. ISA masih berkuat kuasa. Kita mempunyai Ordinan Darurat yang masih berkuat kuasa tetapi jenayah meningkat 40%. Jadi isunya ketika itu, kalau ada undang-undang *draconian* tetapi masalah jenayah masih lagi menjadi masalah yang besar, kenapa sekarang harus kita terima bulat-bulat apa yang Menteri kata tanpa rasional, tanpa akses kepada laporan USM?

Saya tidak boleh *in good conscious*, dengan izin menyatakan mana-mana Ahli Parlimen pun bukan sahaja daripada Pakatan Rakyat, bagaimana kita boleh telan bulat-bulat, kita terima. Sedangkan fakta tahun 2007 menyatakan di kala ISA itu berkuat kuasa, di kala ada Ordinan Darurat, masalah jenayah itu masalah yang besar yang sampai memaksa Kabinet mewujudkan satu jawatankuasa menangani pinjaman-pinjaman along dan jenayah terancang. Jadi kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya fikir, bila bercakap tentang kenyataan Menteri...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Lembah Pantai, minta penjelasan sedikit.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Silakan Yang Berhormat Subang, kalau Tuan Yang di-Pertua bagilah. Terima kasih.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik sedikit oleh statistik yang diberi tadi yang jelas menunjukkan tahun 2007 itu terdapat peningkatan yang begitu ketara dalam kadar jenayah lebih kurang 40%. Masa Yang Berhormat Lembah Pantai sebut itu, saya teringat balik kepada statistik yang juga diberi oleh Yang Berhormat Pulaui kalau saya tidak silap, dalam perbahasan kita dalam pindaan kepada Akta Pencegahan Jenayah. Di mana bukan sahaja tahun 2007, tahun 2005 sampai tahun 2009, tahun demi tahun, statistik yang jelas yang diberikan dalam jawapan di Dewan yang mulia ini oleh Menteri yang berkenaan iaitu Menteri Dalam Negeri, dengan jelas juga menunjukkan bahawa walaupun pada masa itu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tadi wujudnya ISA, wujudnya *Emergency Ordinance*, kadar jenayah terus meningkat.

Jadi dengan jelas bukan sahaja tahun 2007, statistik untuk lima tahun itu menunjukkan bahawa tidak ada kaitan pada masa itu dengan kewujudan akta-akta *draconian* ini dengan penurunan untuk tujuan menurunkan kadar jenayah.

Kedua, saya minta penjelasan dan pandangan Yang Berhormat Lembah Pantai ialah kita balik kepada laporan Suruhanjaya Diraja yang ditubuhkan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2004 yang dipengerusikan oleh mantan Ketua Hakim Negara, Tun Mohd Dzaidin dan timbalan pengerusinya ialah Tun Hanif Omar iaitu mantan Ketua Polis Negara. Selepas satu tahun kerja yang kuat, mereka menulis satu laporan yang begitu bernas dan dengan satu syor yang jelas. Mereka mengesyorkan pemansuhan semua undang-undang yang membenarkan tahanan tanpa bicara. Jadi saya minta pandangan. Macam mana syor itu berada dalam laporan itu tetapi cadangan Menteri adalah bercanggah ataupun berlainan daripada itu? Minta penjelasan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Ya, saya setuju. Oleh kerana itu saya bangkitkan isu proses. Dalam mana-mana usaha kita untuk memperkenalkan undang-undang yang baru, saya fikir tidak ada orang pun menolak kalau Menteri menyatakan, "*Saya perlu beberapa program dan undang-undang yang diperbaiki untuk menangani jenayah*". Pada masa yang sama, haruslah melalui Jawatankuasa Parlimen membuktikan kenapa undang-undang ini lebih baik. Pada saya, bila mengharap kita menerima pakai sedangkan statistik kementerian sendiri berubah-ubah mengikut zaman dan mengikut musim.

Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Subang tadi, saya pun hendak pergi kepada isu RCI. Akan tetapi sebelumnya, saya menyatakan, saya rujuk

mudah kerana keputusan untuk membebaskan tahanan jenayah tegar di Simpang Renggam itu keputusan yang diambil oleh mantan Menteri Dalam Negeri. Diambil keputusan tersebut, yang dibebaskan 1,467 bekas tahanan ketika itu tahun 2012 dan bila ada kes jenayah, warga Malaysia yang takut menyatakan ada masalah jawapan mantan Menteri ketika itu disebut, "*Jangan bimbang. Daripada 1,467 bekas tahanan Ordinan Darurat (OD), hanya empat orang sahaja atau 0.27% yang dilaporkan terlibat dengan jenayah semula*".

Jadi saya rujuk, saya kata Eh! Tiba-tiba bila ada Menteri baru, dia kata, "*Mereka ini semua sudah kembali berjenayah ini*". Malaysia ini dalam keadaan yang begitu berbahaya. Mereka ini pergi culik, buat kerja-kerja seperti yang mereka buat terdahulu. Jadi saya sebagai rakyat, pada saya, hendak percaya siapa? Ini Menteri, sebenarnya masih dalam Kabinet dua-dua orang ini, bukan? Jadi Menteri memberikan versi yang berlainan. Akhirnya, kita pun dengar bawah Menteri baru, tiba-tiba semua ini mereka yang ditahan dahulu kerana tiadanya ISA, tiadanya Ordinan Darurat maka mereka berleluasa, hidup senang-lenang, menakut-nakutkan rakyat Malaysia dan memerlukan atau memaksa kita membuat pindaan Akta Pencegahan Jenayah 1958 yang diluluskan walaupun banyak bantahan.

Saya juga hendak sebut ini statistik PDRM. Polis Diraja Malaysia melaporkan kadar jenayah berada dalam trend menurun sejak tahun 2010 walaupun setelah undang-undang tahanan pencegahan ya Yang Berhormat Subang, dimansuhkan. Tahun 2010, saya rujuk daripada laporan *transformation program*. Kita baca sahajakan program-program ini semua. Jadi pada tahun 2010, polis melaporkan penurunan kadar jenayah sebanyak 7%. Tahun 2011 penurunan sebanyak 9% dan antara bulan Januari dan bulan Jun 2012, penurunan sebanyak 5.3% direkodkan. Jadi saya hendak maklum, maksudnya ini statistik yang tidak mendukung cadangan yang dibawa pada hari ini.

Saya kembali pula kepada hasil-hasil kajian berkait khusus tentang organisasi jenayah terancang kerana mungkin Menteri akan cakap "*Ya Yang Berhormat Lembah Pantai, ini isu berkait dengan jenayah terancang. Jadi ada skopnya tersendiri, masalahnya tersendiri*". Jadi dengan ketiadaan laporan USM, saya rujuk laporan lain. Ini penting Tuan Yang di-Pertua kerana ada laporan daripada *Asia Economic Institute* tahun 2007 merujuk Malaysia sebagai sebuah kawasan di mana kumpulan-kumpulan jenayah telah beroperasi selama lebih 20 tahun. Adanya kaitan antara jenayah terancang, agensi kerajaan yang mendukung dan perniagaan-perniagaan yang sah. *Collusion* ini wujud dan mereka menyatakan, apa pun harus dilihat secara menyeluruh dan sekiranya dibiarkan,

akan lebih sukar bagi kerajaan untuk memisahkan jenayah terancang daripada perniagaan yang sah. Ini disebut daripada kajian mereka.

Laporan-laporan lain menyatakan juga dan merujuk kepada Suruhanjaya Diraja yang telah disebut oleh Yang Berhormat Subang tadi dan saya hendak mengatakan, kalau sudah ada Suruhanjaya Diraja yang cuba menyelesaikan masalah rasuah dalam polis, masalah pegawai-pegawai yang tidak begitu profesional. Ini disebut dalam Suruhanjaya Diraja, maka kita tidak boleh ke depan memperbaiki masalah ini tanpa melihat kepada kesemua rekomendasi Suruhanjaya Diraja yang dipengerusikan oleh Tun Mohd Dzaidin satu ketika dahulu. Bila bercakap alasan kenapa IPCMC tidak dilaksanakan, mereka bagi alasan, kita sudah ada SIAP- Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan.

Saya rujuk pula keberkesanan SIAP. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklum, bahawa SIAP ini seperti yang disebut oleh bekas Ketua Hakim Negara iaitu Tun Abdul Hamid Mohamad yang telah mempersoalkan keberkesanan SIAP ini kerana semenjak penubuhannya, hanya ada satu tindakan disiplin dan dua amaran kepada penjawat awam. Satu tindakan disiplin, dua amaran kepada penjawat awam. Satu pegawai penyiasat dalam SIAP ini ditugaskan untuk memantau 19 agensi kerajaan. Bertepuklah semua kumpulan *triad* di Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua kerana mudah untuk mereka melakukan operasi-operasi dengan *collusion* sedia ada.

■1600

Kita tidak menyelesaikan masalah walaupun kita tahu apakah masalah asas yang dihadapi dalam isu ini. Tambahan Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan di sini untuk perhatian Yang Berhormat Menteri bila beliau *insya-Allah* menarik balik pindaan ini kerana mengambil kira keberkesanan dan cadangan-cadangan kami. Saya ambil laporan daripada yang sama. *Asia Economic Institute 2007* tadi. Dikatakan antara faktor yang telah menyebabkan lebih teruknya jenayah terancang ini adalah kerana Malaysia mengambil pekerja asing yang begitu ramai disebut. Dalam pengambilan pekerja asing, dengan izin, *let me quote here*, Tuan Yang di-Pertua, "*Background check are extremely lacks and many workers have ties to criminal gangs*".

Jadi saya ingin bangkitkan kerana keputusan kerajaan baru-baru ini untuk meluluskan 1.4 juta warga pekerja Bangladesh untuk masuk ke Malaysia membantu tenaga kerja kita 1.4 juta. Jadi saya perlu jaminan apakah yang akan dilakukan oleh kementerian. Satu, apabila mereka masuk, latar belakang itu di periksa dengan baik dan pekerja asing tanpa izin yang sedia ada di Malaysia ini yang dinilai setakat tahun ini

seramai 1.3 juta. Bagaimanakah kita dapat menangani dan memastikan tidak ada kaitan atau lingkaran (*network*) antara mereka dan organisasi jenayah terancang di Malaysia.

Saya fikir semua ini merupakan- saya boleh beri salinan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya mahu akhirnya apa-apa pun undang-undang yang cuba pinda, cuba perkenalkan, janganlah dibuat mengikut menteri ketika itu ataupun *mood* dan perasaan beliau tetapi sebenarnya harus rujuk kepada statistik keberkesanan dan sejarah. Saya pergi kepada langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kementerian dan juga kerajaan. Saya tidak pergi kepada isu-isu lain dan saya pohon sangat-sangat kalau kita hendak luluskan, kita layan atau kita beri penghormatan kepada Dewan Rakyat. Pastikan setiap wakil-wakil rakyat dapat maklumat, data dan statistik termasuklah kajian USM dan janganlah kita biar pindaan-pindaan yang sebegini yang tidak membantu sesiapa tetapi lebih teruk lagi tidak menyelesaikan masalah asas.

Sekian daripada saya Tuan Yang di-Pertua. Saya menolak sebenarnya dan saya berharap, Tuan Yang di-Pertua yang baru ya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Saya berharap sebenarnya pihak kementerian dapat mengambil kira dengan serius kepentingan pewujudan satu Jawatankuasa Parlimen khusus dalam isu menangani jenayah. Saya fikir tidak ada sesiapa yang akan menolak kerana bila ada satu Jawatankuasa Parlimen, maka pakar-pakar dapat bersama Ahli-ahli Parlimen yang dikhususkan melihat kepada trend jenayah dan apakah undang-undang yang diperkenalkan di luar sana termasuk di negara England, di negara Australia, di negara rantau Asia Tenggara yang berkesan. Ini wajib diambil kira oleh Yang Berhormat Menteri dan saya harap apa pun, jangan kita sering kali mengubah-ubah statistik. Saya agak keliru kerana mantan menteri cakap lain, menteri pun cakap lain dan akhirnya kita mahukan statistik yang boleh diguna pakai, dipercayai dan juga *credible* kerana akhirnya yang akan mendapat bahana atau kesan adalah kerajaan sendiri.

Saya pohon dipertimbangkan cadangan yang diberikan demi masa depan Malaysia yang lebih baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Berapa orang lagi? Satu, dua, tiga, empat, lima. Sebelah kanan ada dua. Tujuh. Yang Berhormat Kapar nampak *exercise*. Sila *[Ketawa]* Ya, okey, okey. Ya, ya. Akan dapat semua. Ya, sila Yang Berhormat Kapar.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Speaker adil!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Adil, adil. Yang Berhormat Kuala Langat pun ada tersenarai di sini. Yang Berhormat Kuala Langat, ya. Sila.

4.04 ptg.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jangan pendek-pendek. Panjang-panjang.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Panjangkan, ya? Ini macam memberi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Biasa saya beri pendek-pendek. Hari ini saya beri panjang-panjang.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini macam tip untuk hari-hari yang akan datang nampaknya. Kita faham yang tersirat dan tersurat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini belajar daripada Yang Berhormat Batu Pahat, ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya. Cikgu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cikgu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Cikgu yang mengajar. Ada juga yang mengajar. Dulu lain sekarang lain. Saya rasa bila dia sudah ke sini itu bertaubat dan mendidik orang macam kami. Terima kasih dan salam reformasi kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tekankan di sini terlebih dahulu terima kasih kerana memberi saya ruang. Kini Kapar mendapat ruang selalu. Terima kasih.

Saya sekali lagi menekankan mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk membawa undang-undang sebegini selalunya dikaitkan balik dengan hukuman yang berat, membantu mangsa-mangsa jenayah. Saya rasa ini tidak selaras dengan isu yang kita bahaskan dengan isu yang kita sedang ketengahkan. Ini kerana seperti yang saya tekankan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selepas ini Yang Berhormat Gerik. Ya, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya tekankan mekanisme yang sepatutnya membawa adalah lebih luas dan mekanisme sepatutnya dikaji dan diselidik secara rapi sebelum sesuatu undang-undang itu dikemukakan. Macam saya dalam sesi sebelum ini, dalam sesi sekarang saya setuju dengan Yang Berhormat Padang Serai. Yang ditekankan hanyalah sentimen tentang membantu mangsa jenayah. Saya- *to a certain extent*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, mangsa jenayah memang kita ada sentimen terhadap mereka tetapi mangsa jenayah ini bukan dia hendak hukuman yang berat. Maksud saya yang dia hendak adalah hukuman terhadap penjenayah dan bukan secara menyeluruh. Itu yang perlu ditekankan. Rakyat biasa pula hendak sebaliknya. Dia hendak benda sebegini tidak berulang. Akan tetapi apakah mekanisme Kerajaan Barisan Nasional ini, hukuman berat, benda sebegini tidak akan berlaku.

Seperti yang ditekankan beberapa hari ini oleh Pakatan Rakyat, penjenayah ini dia tidak baca undang-undang. Dia tidak tahu apa yang termaktub dalam undang-undang. Dia tidak tahu apa itu hukuman yang berat. So di sini saya tidak nampak keseimbangan. Saya ingin menekankan kepada Dewan yang mulia ini setiap undang-undang yang diketengahkan *should be*, dengan izin, *in the best interest of justice* tetapi yang sini nampak gaya kita sedang bawa *in the best interest of each other emotion*. So dekat sini hati diberi ruang tetapi minda tidak diberi peluang.

So saya minta penjelasan secara rasional, secara profesional dan bukan secara hendak membantu mangsa jenayah, hendak membantu mangsa jenayah. Seolah-olah kita tidak prihatin tentang mangsa jenayah. Banyak juga mangsa jenayah kita pergi. Bukan sahaja kita tidak hiraukan. Kita pun ambil berat. Kita pun berada di tempat mangsa-mangsa jenayah. Di Kapar kalau ada jenayah yang berlaku, saya orang yang pertama berada di sana. Ini tidak dapat dielakkan. So jangan membawa satu drama mengatakan, "*Oh, kita tidak ambil berat tentang mangsa-mangsa jenayah*". Itu tidak boleh diterima.

Saya hendak masuk kepada bahagian Akta SOSMA ini. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 yang telah diperkenalkan bagi menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ketika itu yang menerima kritikan dalam aplikasi terhadap kawalan isu awam sebelum ini. Walau bagaimanapun, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ini masih mengandungi peruntukan yang keras yang dikatakan terus mengekang kebebasan dan hak asasi rakyat. Bercakap tentang hak asasi rakyat, sebelum saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya sedih kerana di Dewan yang mulia ini kita telah merogol, mencerna dan menghina konsep

murni hak asasi manusia. Hak asasi manusia telah disamakan dengan lelaki kahwin lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, hak asasi manusia ini luas daripada itu. Hak asasi manusia ialah *basic human rights* dan bukan lelaki kahwin lelaki sahaja. Kita bahas tentang laut tetapi apa yang dibahaskan tadi adalah sekitar parit. Cuba kita buka minda kita dan pandang secara luas. Jangan terlalu sempit dan kabur pemikiran kita. Memalukan. Kita duduk di sini hendak buat undang-undang. Ada komitmen pada diri kita. Kalau esok salah seorang dimasukkan dalam penjara, dihukum dan setelah beberapa bulan dia didapati tidak bersalah, *we are part of the commitment*.

■1610

Kita bersalah, *where is our conscience?* So, apa salahnya kita duduk dekat sini, berfikiran waras, bernas, datang dengan satu peruntukan undang-undang yang berwaspada, menjaga hak asasi manusia dan pada waktu yang sama mengurangkan kadar jenayah. Itu yang patut kita lakukan.

Saya ingin tekankan dekat sini Tuan Yang di-Pertua, *Human Rights Watch World Report 2013* telah mengutuk Akta SOSMA kerana ia melanggar *Universal Declaration of Human Rights 1948*. Undang-undang ini dianggap meneruskan budaya penindasan yang menjadi roh ISA yang dikuatkuasakan sebelumnya tapi kali ini kita dah bawa mengikut pintu belakanglah, PCA. Undang-undang *draconian* ini mengapa? Kerajaan Barisan Nasional sekali lagi saya tekankan seumpama gagal dan tiada ruang untuk mengembalikan kaedah-kaedah murni untuk mengurangkan jenayah di Malaysia ketika ini.

Kegagalan ini, mereka mengambil lorong yang sempit, lorong yang senang, jalan yang *short cut*, bawa undang-undang *draconian*. Akan tetapi saya tak faham macam mana mereka nak mengawal dan membendung dengan undang-undang *draconian* ini kadar jenayah yang sedang berleluasa.

Perincian akta saya nak tekankan di sini, fasal 2 dan fasal 3 Tuan Yang di-Pertua. Ia berkenaan dengan meminda seksyen 6 dan seksyen 30, teks Bahasa Kebangsaan, Akta 747 supaya selaras dengan bahasa Inggeris. Seksyen 30, subseksyen 3 sebelum pindaan adalah seperti berikut, dengan izin, "*30. Apabila Pendakwa Raya memfailkan satu notis rayuan terhadap pembebasan itu, Pendakwa Raya boleh memohon kepada mahkamah perbicaraan bagi mendapat suatu perintah untuk memenjarakan tertuduh yang direman dalam jagaan polis itu sementara menunggu beresnya rayuan*]. Ini yang dikatakan, sedangkan teks bahasa Inggeris berbunyi, "*When the Public Prosecutor files a notice of appeal against the acquittal, the Public Prosecutor may apply to the trial court for*

an order to commit the accused remanded in custody of the police to prison pending the disposal of the appeal.”

Saya nampak dekat sini penterjemahan teks bahasa Inggeris ada perbezaan dengan penterjemahan dengan Bahasa Malaysia. Ini perlu dikaji supaya tiada kekeliruan.

Fasal 40 bertujuan untuk menggantikan Jadual Pertama kepada Akta 747 dengan Jadual Pertama baru untuk memansuhkan dua kesalahan keselamatan baru. Saya ingin tekankan dekat sini adalah tentang pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Saya ingin minta penjelasan bagaimana dan apakah rasional kumpulan jenayah terancang dan dikaitkan sekarang dengan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Setakat ini, yang kita dengar tentang penjenayah adalah jenayah yang dilakukan terhadap menembak, membunuh, merompak dan sebagainya. Tak ada langsung isu-isu perdagangan dan penyeludupan migran dan sekarang ini kita bawa pula isu ini. Saya tak faham mengapa tiba-tiba muncul isu ini dan apakah rasionalnya dan bagaimana juga ini boleh mengurangkan kadar jenayah.

Seperti yang sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, Malaysia masih berada di bawah pemerhatian Jabatan Negara Amerika Syarikat...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Lualan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kapar. Saya berminat apabila Yang Berhormat Kapar menyentuh mengenai pindaan seksyen 30 yang menyentuh subseksyen 3 ini yang dengan jelas daripada ayat yang kita baca pun boleh faham iaitu apabila berlaku satu *acquittal* ataupun pembebasan yang dibuat oleh mahkamah terhadap seseorang tertuduh itu dan apabila Pendakwa Raya ini tidak puas hati dengan keputusan mahkamah, dia hendak *appeal* terhadap keputusan mahkamah itu nampaknya dalam subseksyen 3 ini menyekat ataupun memberikan kepada Pendakwa Raya ini satu hak supaya mahkamah memberikan perintah untuk penjarakan tertuduh tersebut, *pending the disposal of the appeal*.

Ini adakah pada pandangan Yang Berhormat Kapar, satu peraturan ataupun satu undang-undang yang meletakkan Yang Arif hakim-hakim yang pada pandangan dia, kes ini tidak kuat? Kes Pendakwa Raya ini tidak mencukupi untuk menyabitkan tertuduh ini tetapi walaupun dia telah *acquitted*, telah membebaskan tertuduh ini, apabila Pendakwa

Raya hendak merayu, dia kena bagi tahanan kepada orang yang dibebaskan. Apa pandangan Yang Berhormat Kapar dalam hal ini?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kapar, lain kali duduk elok-elok, betul-betul duduk.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Guru di belakang marah duduk macam itu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Itu yang saya nak jawab itu. Saya pun seorang guru selama 20 tahun, saya minta maaf. Lain kali saya akan duduk. Balik kepada isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Kota Bharu, saya setuju. Itu yang juga telah ditekankan secara terperinci oleh Yang Berhormat Padang Serai awal pagi tadi, mengatakan bahawa yang ini menyekat dan tidak memberi jaminan kepada si tertuduh yang walaupun telah dibebaskan, *diacquitted* dan sebagainya tetapi masih lagi tak ada ruang untuk mahkamah dan budi bicara mahkamah untuk melakukan apa yang mereka hendak lakukan. Seolah-olah tangan mereka disekat dan ini yang tadi juga, saya balik kepada unsur bernas, minda yang bernas dan sebagainya. Kita kena luas, kita kena berfikir lebih luas tapi dekat sini kita tak nampak. Semuanya disekat. Kebebasan disekat, budi bicara mahkamah disekat, so saya pun tak nampak...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Kapar, minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Setiu bangun.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tadi hasil daripada pertanyaan Yang Berhormat Kota Bharu, apa yang kita bincangkan sekarang adalah berkenaan dengan pindaan. Pindaan kepada seksyen 30 hanya sebagai satu terjemahan kepada seksyen 33 yang telah diluluskan, yang telah dimasukkan pun di dalam Jadual Pertama. Kenapa kita perlu bincangkan lagi benda yang telah diluluskan? Yang kita nak bincang sekarang, adalah perlu tak dimasukkan, kenapa perlu dimasukkan pindaan-pindaan tersebut. Itu yang sebenarnya ya kan? Itu saya tak faham, kenapa dibincangkan benda yang dah diluluskan, undang-undang yang dah diluluskan sebelum ini, berbeza. Kalau

kita bincang perkara lain, okey tak apa. Pindaan yang lain tapi pindaan ini adalah sebagai satu terjemahan kepada seksyen 30 itu sendiri, itu sahaja. Jadi, tak perlu kita bincanglah benda yang diluluskan, kita perlu bincang apa yang nak dipinda, itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Setiu. Sila, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Itu *stage* yang akan datanglah. Ini kita pandang secara polisi itu soalan yang berbeza, sekarang kita pandang secara majmuk. Penterjemahan telah berlaku dan yang saya kata tak payah penterjemahan, yang itu sendiri dah tidak sesuai. Itu yang kita bahaskan dan saya terima apa Yang Berhormat Kota Bharu kata tadi. Ini bukan isu penterjemahan sahaja, kita bukan duduk dekat sini menterjemahkan bahasa Malaysia kepada bahasa Inggeris. *We are the law makers here*, kita nak tahu *the spirit behind the wordings that is not important. We are concern about that*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Saya teruskan dengan yang saya libatkan tadi, Jabatan Negara Amerika Syarikat. Menurut liputan berita bertarikh 24 Julai 2013, pegawai risikan daripada Unit Pemerdagangan Orang Bukit Aman, *Assistant Superintendent*, Jimbri anak Hilary berkata Malaysia diletakkan di bawah peringkat dua (senarai pantau). Satu daripada klasifikasi terendah sejak 2008. Pada tahun 2009, kedudukan Malaysia terus merosot dan kini diletakkan dalam peringkat ketiga. Jabatan Negara Amerika Syarikat mengklasifikasikan negara-negara berdasarkan empat peringkat Tuan Yang di-Pertua, iaitu peringkat pertama adalah peringkat yang terbaik. Peringkat kedua, peringkat kedua dalam senarai pemantau dan peringkat ketiga.

■1620

Kita dari peringkat kedua senarai pemantau sudah turun jadi peringkat ketiga. Ini juga seruan SUHAKAM atau Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang menzahirkan kebimbangan bahawa Malaysia gagal mematuhi sepenuhnya standard minimum untuk menangani masalah pemerdagangan bahawa Akta Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang Amerika Syarikat 2000. Selain daripada mengetatkan penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti penyeludupan manusia, SUHAKAM telah mengemukakan 8 syor sebagai usaha memberi perlindungan yang lebih baik kepada mangsa pemerdagangan dan penyeludupan manusia.

Akan tetapi adakah ini diberi perhatian? Adakah ini telah diambil pandang oleh kementerian kalau betul-betul hendak menjamin bahawa tiada penyeludupan sebegini berlaku? Akan tetapi dalam mengatakan dan mengusulkan undang-undang sebegini, aspek hak asasi manusia telah dipinggirkan dan dipandang ringan oleh penguat kuasa.

Itu yang kita tekankan dekat sini. Saya tidak nampak imbalan seriusnya isu yang kita sedang bincang dengan cara yang undang-undang ini digubal dan dibawa ke Parlimen untuk dibahaskan. Saya meminta...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta penjelasan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Kapar berkenaan rasionalnya Akta Anti Pernerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran di Bahagian IIIA yang dimasukkan di bawah Akta SOSMA ini. Adakah ini kerana gengster kini banyak yang terlibat dengan aktiviti pelacuran sehingga menyebabkan satu ancaman keselamatan terhadap negara kita.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh masukkan soalan Yang Berhormat Tanjong ke dalam soalan saya. Saya pun inginkan penjelasan yang sama, adakah isu pelacuran dikaitkan dengan SOSMA sekarang dan terpaksa memasukkan elemen itu ke dalam SOSMA dan kena ada bantuan SOSMA untuk mengatasi masalah pelacuran?

Pada waktu yang sama sekali lagi saya ingin menekankan, adakah ini juga menunjukkan kegagalan Kerajaan Barisan Nasional/UMNO untuk menangani masalah pelacuran di Malaysia? Undang-undang yang sedia ada, kita sudah ada peruntukan undang-undang sekian lama tetapi adakah mereka gagal menggunakan undang-undang yang sedia ada? Adakah undang-undang yang sedia ada tidak mencukupi seperti yang diuar-uarkan dan terpaksa menggunakan SOSMA untuk mengatasi masalah ini. Saya tidak nampak tetapi peruntukan itu bukan sahaja yang pelacuran, ia lebih daripada itu. So, kita guna satu ruang yang besar untuk mengawal ruang yang kecil. Adakah ini rasional, adakah ini yang patut dibawa dan dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menekankan dan saya sekali lagi minta kementerian supaya bincang sebelum sesuatu undang-undang diluluskan. Kami di sini di Pakatan Rakyat bersedia untuk berbincang secara terperinci setiap klausa yang diuar-uarkan dan dibawa dan dibahaskan di Dewan ini. Kita pun komited untuk mengurangkan kadar jenayah. Tidak ada sesiapa di mana-mana dunia yang mengatakan, okey, bagus! Kita tambahkan kadar jenayah! Mana ada? Tidak logik.

So, tidak perlulah bahas dekat sini seolah-olah Pakatan Rakyat tidak komited dalam menurunkan kadar jenayah, tidak payah. Itu semua *I think* sudah orang kata cetek, orang sudah muak. Sekarang *let's talk rationally*, kita debat secara waras, profesional dan sebagainya supaya saya tekankan lagi sekali undang-undang yang akan datang ini adalah undang-undang yang akan menjamin generasi akan datang, anak-anak muda yang akan datang. *We are doing this law for the people out there*. So, kita kena *protect* mereka tetapi adakah ini *protect* yang muktamad? Tidak ada cara lain? Pada waktu yang

sama, adakah kita mengutamakan elemen-elemen agama, elemen-elemen rohani, elemen-elemen sosial, moral?

Setiap undang-undang perlu ditekankan. Saya tertarik juga dengan Yang Berhormat Tanjong Karang, semalam dia cakap tentang Lord Denning. Saya ingin tekankan di sini dan saya kena rumuskan, Lord Denning adalah seorang hakim yang menitikberatkan isu moral dan sosial tetapi dekat sini *draconian*. Kita tidak bawa pun isu moral, isu sosial terutamanya isu agama yang saya tekankan tadi. Rohani pun tidak ada.

So, saya minta kementerian mengkaji semula rang undang-undang ini dan jangan bawa rang undang-undang yang keras, undang-undang yang *draconian*, undang-undang yang menutup dan menggari orang-orang seperti kita yang hendak buat yang terbaik kepada negara. Kita hendak bawa sesuatu yang terbaik tetapi setiap kali mulut kami ditutup, tangan kami digari. Macam mana hendak buat yang terbaik? Tidak ada seorang dekat sini pun yang hendak Malaysia dipandang remeh, hendak Malaysia dipandang secara serong, hendak penjenayah ambil alih, tidak ada. Kita komited untuk memerangi dan mengurangkan kadar jenayah. Komitmen ini berterusan tetapi kena berterusan berlandaskan prinsip Perlembagaan Negara, berlandaskan prinsip demokrasi, berlandaskan prinsip hak asasi manusia setiap warga Malaysia termasuk anak muda. Sekian, terima kasih, salam reformasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Gerik. Selepas Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Beruas. Sila.

4.26 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk membahaskan juga Rang Undang-undang Akta Kesalahan Keselamatan. Pertama-tama saya percaya dalam membahaskan rang undang-undang ini kita berpegang kepada Perlembagaan Negara, kita berpegang kepada Rukun Negara dan kita rujuk juga kepada akta yang telah diluluskan dalam sidang yang lalu berkenaan dengan Akta Jenayah.

Saya percaya kerajaan meminda undang-undang yang ada ini, memberi kebebasan kepada semua dalam semangat tersebut tetapi yang paling penting ialah akta ini dibuat, rang undang-undang ini dibuat untuk memastikan langkah-langkah pencegahan. Ini disebabkan ancaman yang kita hadapi, seperti mana pembahas-pembahas sebelum ini telah nyatakan. Kalau di waktu awal kemerdekaan kita berhadapan dengan ancaman komunis, kita berhadapan dengan ancaman perkauman, kita berhadapan dengan pelbagai ancaman. Dari pengalaman hidup kita, saya sendirilah,

saya boleh perhatikan zaman saya kanak-kanak sehinggalah saya membesar menjadi rakyat Malaysia, saya bekerja. Ketika itu ancaman-ancaman yang ada lebih kepada dalam bentuk kita boleh nampak. Pengganas komunis di Gerik dan boleh dengar cerita-cerita yang datang daripada orang tua-tua bagaimana kena tembak, kena bunuh, kena sembelih dan sebagainya. 13 Mei tidak ada fasal-fasal di Gerik pun terlibat dengan *curfew* dan pelbagai lagi.

Akan tetapi selepas negara kita berubah daripada negara pertanian, negara membangun dan kita mempunyai sasaran untuk menjadi negara membangun yang maju. Sehinggalah kepada tahun 2020, negara kita menyasarkan untuk menjadi negara maju dan kita lihat ancaman komunis sudah berakhir. Ancaman perkauman bermula daripada 1969 sehingga Dasar Ekonomi Baru dibuat, kita lihat sudah kendur. Ketika itu tidak ada sesiapa yang berani mempersoalkan apa yang ada dalam perlembagaan. Agama Islam sebagai agama Persekutuan, kita tidak pernah mempertikaikan, rakyat beragama lain daripada agama Islam, Kristian, *Buddhist*, hatta Orang Asli sebagai animisme dan pelbagai lagi.

Akan tetapi sejak kita sudah mula menuju kepada negara maju, nampak pada awal-awal ini kita sudah lupa kontrak sosial. Ancaman pun sudah berubah.

■1630

Nampaknya isu agama mula naik balik. Kes gengster sudah mula menguasai dalam negara. Judi haram menguasai dalam negara. Pemerdagangan manusia pun sudah ada. Ini antara ancaman-ancaman baru yang kalau kita lihat bukan sekadar nampak macam bukan satu jenayah yang besar, tetapi ekoran yang ada walau pun data-data ditunjukkan oleh kementerian menggambarkan penurunan dari segi kadar jenayah. Akan tetapi yang kita nampak kalau barah tersebut tidak dibendung, ini cuma sebahagian daripada undang-undang, langkah pencegahan yang hendak menyedarkan rakyat bahawa negara kita ada undang-undang. Kita tidak lari daripada hak asasi manusia. Kalau diteruskan, gengster sendiri...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam bangun.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini cikgu juga.

Saya pun hendak mendapatkan penjelasan daripada cikgu, kalau dikatakan bahawa negara kita ini ada undang-undang, maka *due process*nya iaitu proses untuk kita

membuktikan kesalahan seseorang sebelum kita ambil tindakan, tahan dia dan sebagainya, itu adalah sebahagian daripada undang-undang. Apa yang sedang diusahakan sekarang ini ialah untuk meletakkan lagi banyak kategori kes-kes jenayah di bawah SOSMA yang memberikan pihak yang berkuasa hak menahan tanpa melalui *due process*. Ini merupakan tindakan negara yang tidak berundang-undang kerana boleh tangkap tanpa bukti, boleh ditahan dan sebagainya. Bagaimana kita boleh meletakkan kes *organized crime*, kes perdagangan manusia dan sebagainya di bawah Akta Keselamatan Negara yang menolak segala *due process*? Ini merupakan negara yang tidak berundang-undang. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, dia mesti bertindak dengan satu cara yang menghormati proses undang-undang dan bukan mengetepikannya.

Tadi Yang Berhormat Gerik pun ada sebut tentang soal golongan yang mempertikaikan *social contract*, kedudukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dan sebagainya. Siapa yang mempertikaikan? Tidak ada siapa yang mempersoalkan. Ini hanya merupakan propaganda untuk hendak menakut-nakutkan rakyat supaya hendak memberikan hak kepada kerajaan untuk bertindak di luar peraturan dan gagasan perundangan yang mesti diikuti oleh sebuah negara yang bertamadun. Inilah masalahnya. Masalah di sini ialah kita sedang membahaskan rang undang-undang yang hendak buang *due process* itu sehingga *organized crime* pun dianggap sebagai isu keselamatan dalam negara, boleh ditahan tanpa bukti, tidak payah bicara dan sebagainya. Ini bukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam, ini masalah juga.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apa dia? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Minta penjelasan, bukan berucap.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau tidak, tidak faham..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apa yang perlu dijelaskan [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selepas ini Yang Berhormat Shah Alam berucaplah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Disebut juga tadi - Saya pun perlu hendak minta penjelasan satu lagi isu sebelum saya duduklah kalau boleh diizinkan. Ini tentang soal judi haram yang berleluasa. Saya hendak mintak dijelaskan tentang judi halal. Boleh atau tidak? Judi halal yang berleluasa ini macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Macam itu soalan baru betul.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apakah judi halal dan judi haram ini? Boleh atau tidak dijelaskan? Ini pun satu benda yang tidakkah ianya bercanggah dengan konsep agama Islam itu sebagai agama rasmi negara di mana ada yang dikatakan sebagai judi halal? Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam yang membawa pelbagai persoalan tetapi kalau saya yang hendak menjawab, biar saya jadi Menteri! *[Ketawa]*

Persoalan yang dibangkitkan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi ini ucapan sendiri.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ini tempat kongsi pandangan *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini ucapan Yang Berhormat sendiri.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tidak relevan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Gerik. Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Gerik. Dia macam ini, mudah. Jadikan pertanyaan Yang Berhormat Shah Alam sebahagian daripada ucapan saya, biar Menteri yang menjawab.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Saya bersetuju dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Speaker diam. Pemantau.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ini sebab Yang Berhormat Shah Alam cukup bijak dalam hendak mencelah ini. Ikut mana pun dia hendak kacaukah, hendak ganggukah, dia cukup bijak.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sebahagian daripada ucapan saya *[Ketawa]*

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Sebahagian daripada soalan menanya kepada Menteri, Menteri kena jawab bukan? *[Ketawa]*

Seterusnya ancaman-ancaman yang ada bukan kata macam Yang Berhormat Shah Alam, undang-undang yang sudah ada ini cukup okey. Saya rasa mana ada yang kena tuduh walaupun diterjemahkan mengikut pandangan pembangkang kata tidak boleh hendak dipertahankan, didakwa semua ini. Ini pandangan pihak dia. Apa yang sebenar berlaku dalam negara macam mana? Oleh sebab itu, kita hendak mengemaskinikan lagi

undang-undang yang ada. Ini yang kita cadangkan dalam Dewan ini sebenarnya. Kalau kata judi haram itu halal, judi haram atau halal semua ini tidak betul, yang menyebabkan berapa ramai keluarga yang pinjam Ah Long. Berapa ramai yang berkelahi laki bini sampai peringkat berbunuh-bunuhan? Ini langkah pencegahan yang kita hendak buat daripada kerajaan.

Saya yakin, buktikan. Kita berikan kelulusan untuk diluluskan oleh Dewan tetapi saya percaya Dewan akan luluskan. Cuma pihak sana akan tanya itu dan ini. Saya yakin kita akan luluskan. Oleh sebab itu, ancaman yang ada hari ini cukup besar. Gengster tidak akanlah jadi gengster dengan saksi-saksi yang tidak berani hendak beri keterangan di mahkamah. Siapa yang menjadi mangsa? Ini lagi satu baru. Kalau dahulu ajaran sesat ini tidak banyak, ini sampai Comango yang pergi melobi di luar negara, antaranya hendak minta Malaysia ini halalkan Syiah. Sudahlah kita tengok di Iran, Pakistan, India, perbalahan antara mazhab tadi menyebabkan orang tengah sembahyang pun diletakkan bom. Apakah kita di Malaysia pun hendak jadi macam itu? Ini yang saya katakan tadi langkah pencegahan. Buat sebelum terjadi. Sediakan payung sebelum hujan.

Akan tetapi apabila sudah jadi, semua pihak akan menuding jari. Kerajaan yang salah. Kerajaan tidak mahu mencari langkah-langkah pencegahan. Setiap yang kita buat ini tidak *perfect*, kita menyedari. Apa yang kita lakukan, apa yang kita buat, kita mengikut acuan kita. Betul kita hendakkan hak kebebasan, tetapi kebebasan di Malaysia tidak boleh ikut kebebasan di dunia luar. Kita ada pelbagai masyarakat. Kita satu negara yang ada harmoni antara pelbagai agama.

Saya percaya dengan adanya SOSMA ini, sedikit sebanyak boleh membantu masa hadapan negara. *Insya-Allah* kita boleh tengoklah pelbagai perkara yang kita bimbang tadi yang saya katakan seperti mana pembahas sebelum ini, ancaman dalam negara. Pemerdagangan manusia, kita pun pening hari ini. Pihak kerajaan memaklumkan ada dua juta lebih rakyat asing dalam negara. Jumlah rakyat dalam negara sendiri pun dalam... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *Mike, mike!*

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: [*Ketawa*] Tambahan pula dalam negara, rakyat kita banyak mana? Ini hendak masuk lagi 1.4 juta orang ini, tidak tahulah berapa ramai. Kalau kata Bangladesh ini dia mengurur anak-anak kita. Nampak macam muka Shahrukh Khan ini, meleleh, lemah kita.

Jadi oleh sebab itu, saya tengok di sini dia relevan sebagaimana dikatakan anti pemerdagangan. Ada manusia-manusia yang hendak mendapat keuntungan segera. Bukalah karaoke, buka urut kaki tetapi cerita sebalik buka pintu kecil di dalam bukan? Kita

buka pula penyeludupan, yang ini kita tidak tahu. Apa yang paling saya tahu penyeludupan ini ialah bawa masuk senjata api yang berleluasa ke dalam negara.

■1640

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gerik, ada pengalaman?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Pengalaman tidak ada [*Ketawa*] Akan tetapi kita perhatikan kadang dengar banyak kawan-kawan bersembang kan. Kita pun hendak menyanyi pun sudah tidak berapa pandai mana sangat. Begitu juga dengan senjata api yang masuk. Jadi pada saya, ini satu yang amat-amat penting untuk kita lakukan langkah pencegahan. Kalau senjata api banyak dalam negara, cuba kita tengok peristiwa dua minggu sudah kah? Yang berlaku peniaga Melayu jual nasi kukus di Kelantan. Macam mana kaedah dia boleh sembunyikan dua senjata di Gerik? Lari ke Pahang sampai ke Gerik, bertembak di Gerik.

Di Gerik pula mereka ingat bukan bertembak, macam bunyi bunga api. Jadi kalau ini sudah menjadi lali dalam negara, maka kita akan tengoklah macam cerita Tamil dalam filem dalam ASTRO. Tembak sana, tembak sini, suasana itulah saya pun tidak berapa tahu. Akan tetapi saya rajin juga tengok cerita Tamil, suasana yang ada tadi kan.

Jadi oleh sebab itu, pertikaian-pertikaian yang ada ini, keadaan yang menjadikan bermasalah dalam negara kita ini, langkah pencegahan yang kita buat ini dapat membantu mengurangkan kadar jenayah. Di sebelah pembangkang pun bersetuju, saya tidak tahulah ayat ini sedap kita dengar. Oh, bincang, dok berbincang. Akan tetapi pengalaman saya dalam Dewan Undangan Negeri, hari ini pula kita masuk dalam Parlimen, ayat-ayat yang sedap tadi, kadang-kadang menjadi ayat yang sedap bila mana perkara tadi kita tunduk kepada kehendak mereka. Akan tetapi kalau kita tidak ikut, dia hentam habis-habisan. Sebentar tadi kami bersetujulah undang-undang ini, apa semua, apa semua kan.

Oleh sebab itu saya berharap sangat supaya undang-undang ini kita tengok secara rasional, kita lihat langkah pencegahan, rakyat menilai di luar sana bagaimana tidak ada ruang, sebab ini baru sebahagian kecil. Kita ada pelbagai rang undang-undang yang hendak membantu rakyat dalam negara ini. Akan tetapi pokoknya perlembagaan kita, budaya kita, negara kita bagaimana?.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong pindaan ini sebabnya langkah pencegahan ini memberi kesedaran kepada rakyat. Walaupun banyak, tetapi kita hendak beritahu kepada rakyat dalam hendak menuju ke negara maju, banyak perubahan-perubahan yang ada, biarlah kita fikir masa hadapan negara.

Yang kita buat bukannya Quran, yang kita buat ialah undang-undang dan tiba masanya undang-undang yang tidak sesuai dengan keadaan semasa, kita datang balik ke Parlimen, pihak-pihak yang tertentu akan mencadangkan pula peraturan yang baru dan kita akan meluluskannya. Saya percaya tidak ada pihak yang teraniaya. Setakat ini jarang yang kita jumpa orang yang melakukan kesalahan tidak menerima hukuman. Apa yang banyak berlaku ialah apabila ada pembelaan, kesnya tidak kuat, yang melakukan kesalahan dibebaskan daripada di jatuh hukuman. Alangkah malangnya kalau kena kepada kita, keluarga kita. Saya bersetuju kadang-kadang undang-undang ini terkena kepada mereka yang sebenarnya tidak melakukan kesalahan.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Akan tetapi saya percaya kita ada pihak polis bukan semata-mata polis, polis sahaja diberi kuasa, tetapi dia akan dirujuk dengan Jabatan Peguam Negara.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Mohon penjelasan Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Siapa dia? Oh, sahabat saya daripada Bukit Katil.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan kepada Yang Berhormat Gerik kerana Yang Berhormat Gerik memberikan satu pandangan bahawa negara kita sedang bergerak ke satu fasa yang maju, negara maju ke hadapan. Akan tetapi untuk berhadapan dengan cabaran di masa hadapan ini, kita terpaksa membuat undang-undang seperti Akta Keselamatan Langkah-Langkah Khas dan sebagainya. Itu pandangan Yang Berhormat Gerik. Cuma yang saya tidak faham dan mohonkan penjelasan ialah dalam keadaan kita menuju arah ke hadapan, pendekatan kita mestilah pendekatan yang sofistikated yang maju ke hadapan. Akan tetapi kalau kita mengambil tindakan atau pun menggubal undang-undang yang menahan seseorang tanpa perbicaraan, yang mengenakan pendekatan-pendekatan untuk mempermudah kerja, menghukum sebelum melakukan sesuatu siasatan yang menyeluruh. Saya fikir ini bukan langkah ke hadapan, ini langkah ke belakang.

Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Gerik, adakah Yang Berhormat Gerik bersetuju untuk kita sama-sama tegaskan perkara ini bahawa, dalam berhadapan dalam dunia moden yang sofistikated ini, kita seharusnya menuntut kepada sesuatu

undang-undang yang boleh secara mendalam, memastikan agar sebarang kesalahan itu boleh dibuktikan dengan cara yang sofistikated.

Misalnya kita memperketat undang-undang yang berkaitan dengan akta keterangan, pembuktian, agar pembuktian itu mesti dilakukan dengan cara yang betul, di tambahkan peralatan dan sebagainya. Agar kita menjadi sebuah negara yang betul-betul boleh menggunakan undang-undang bagi mengekang kemaraan atau mengekang masalah-masalah yang berkaitan dengan jenayah. Bukan menggunakan undang-undang Tuan Yang di-Pertua, untuk kita mengambil jalan yang mudah, jalan pintas. Menahan orang tanpa pembicaraan dan saya yakin selepas mereka keluar, dua hingga tahun, mereka tetap akan melakukan kesalahan yang sama. Mohon penjelasan.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Saya berpandangan kita bukan gosan ke belakang. Bila kita berhadapan dengan orang yang lebih bijak, kalau tiada satu perkara yang betul-betul kita boleh bertanya dengan orang yang melakukan kesalahan ini, sampai mati pun dia tidak akan mengaku. Oleh sebab itu, kaedah yang kita buat ini lebih menjurus kepada si pelaku salah akan mengaku. Saya tidak nafikan, kadang-kadang tidak berlaku perkara yang kita harapkan tadi. Dia kadang-kadang sahaja penderaan sehingga kawan itu tidak melakukan salah, dia seolah-olah tidak tahan dengan deraan dan menyebabkan dia rasa bersalah.

Akan tetapi saya yakin, dengan adanya kaedah tersebut, setidak-tidaknya pelaku-pelaku yang disyaki melakukan kesalahan, akan mengeluarkan tanda-tanda yang boleh disiasat lebih ramai lagi mereka yang melakukan kesalahan. Bukan bermakna pada pandangan saya kita gosan ke belakang, tetapi kita cari kaedah supaya orang-orang yang lebih bijak, lebih moden ini, lebih susah hendak mengaku dan menyebabkan dia mesti dapat melakukan perkara tersebut.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada dua orang yang bangun.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Beri selesai dahulu, saya hendak menjawab sahabat saya Yang Berhormat Bukit Katil. Ini mengikut pandangan saya. Perkara yang kedua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Bukit Katil. Sebenarnya hendak menghadapi zaman yang serba maju ini, mesti ada kaedah-kaedah yang lebih baik lagi untuk ada undang-undang memberikan satu ruang yang lebih hebat lagi. Cuma saya pun tidak tahu, saya bukan orang undang-undang. Pada saya, saya memerhati dan saya merasakan saya bercakap di dalam Dewan pada hari ini, memberi pandangan

kerana kita juga hendak membuat satu keputusan untuk membentuk undang-undang mencegah dan mendidik mereka yang melakukan kesalahan ini, supaya mereka sedar bahawa ini salah.

Saya ambil contohnya satu perkara, dalam masa yang sama kerajaan hendak meningkatkan ekonomi orang Melayu di luar bandar, mereka mendirikan gerai di sepanjang jalan. Sebenarnya mereka salah, tetapi apabila Majlis Daerah contohnya, mengeluarkan notis kepada mereka, ini bukannya kesalahan yang berat. Contohnya ya. Mengeluarkan notis, mereka cepat-cepat cari orang yang boleh berhubung dengan Majlis Daerah, kerana rakyat tadi telah dididik bahawa kita bina kedai, gerai atau tong tempat goreng pisang di sepanjang jalan tadi, perkara itu salah.

■1650

Apa yang penting kepada kita rakyat tahu itu salah. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita mahu mereka ditambahkan pendapatan, bukan begitu? Jadi yang kedua itu, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Bukit Katil. Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah, sila.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Tadi Yang Berhormat Gerik ada menyebut tentang satu perkara berkaitan dengan penyeludupan senjata api. Kita tahu bahawa di negara kita ada banyak agensi penguatkuasaan seperti polis, imigresen, kastam, tentera, banyak. Akan tetapi kita mendapati bahawa terdapat juga, walaupun ada banyak agensi, masih juga senjata api dapat di seludup masuk ke negara kita. Dengan adanya undang-undang baru seperti ini, adakah ia boleh menghalang perkara ini daripada berlaku?

Pada pandangan saya, masalahnya bukan pada undang-undang yang baru ataupun undang-undang yang sedia ada. Pada pandangan saya masalahnya adalah pada pelaksanaan atau penguatkuasaan itu sendiri. Kalau kita dapat menyelesaikan masalah ini di peringkat penguatkuasaan, kita tidak perlu ada undang-undang seperti ini.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: ...Undang-undang kita ada, sudah ada. Kita sudah merdeka 50 tahun, kita sudah ada banyak undang-undang. Akan tetapi kalau agensi-agensi penguatkuasaan kita tidak menjalankan tugas dengan betul maka penyeludupan ini akan terus berlaku. Mungkin ada perkara-perkara lain yang perlu kita teliti. Seumpamanya, adakah wujudnya unsur rasuah yang menyebabkan penyeludupan masuk senjata api ini? Walaupun kita ada 101 undang-undang baru yang

kita buat tetapi kalau ada unsur rasuah dan sebagainya yang menggalakkan senjata api ini terus di seludup masuk, kita tidak boleh membuat apa-apa. Apakah pandangan Yang Berhormat Gerik?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Setidak-tidaknya dengan adanya rang undang-undang ini, perkara tersebut dapat kita cegah dan dalam masa yang sama apabila kita berbahas, kita mengharapkan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan duduk bersama memikirkan apakah kemudahan-kemudahan yang ada? Apakah sebenarnya di sempadan, kelengkapan yang ada tadi boleh mengelakkan penyeludupan senjata tersebut.

Saya berpandangan tidak timbul soal rasuah, tidak timbul yang lain-lain. Akan tetapi apa yang berlaku sebenarnya ialah kelengkapan untuk mengesan senjata tersebut dibawa oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab, tidak mencukupi pada pandangan saya.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Jadi, Yang Berhormat Gerik bersetuju untuk menambahkan kelengkapan...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: ...Untuk menghalang senjata api tersebut dibawa masuk, bukan membuat undang-undang.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Undang-undanglah yang membantu untuk melakukan pencegahan. Kalau tidak ada undang-undang...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Akan tetapi Yang Berhormat Gerik...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: ...Undang-undang memang sudah ada.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Yang sebelum ini...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Apa Yang Berhormat Gerik cakap ini seolah-olah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Seolah-olah...

Hasbullah bin Osman [Gerik]: ...Berdialog dalam Dewan...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kita ada undang-undang. Kita ada banyak undang-undang. Kalau polis hendak tangkap, boleh tangkap. Senjata api yang masuk, boleh tangkap. Kenapa tidak ditangkap? Macam mana sekarang boleh ada banyak? Dengan hanya adanya undang-undang sahaja akan ditangkap. Tidak ada,

sekarang pun ada undang-undang. Senjata api tidak boleh masuk ke dalam negara kita. Kenapa boleh ada?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Betul. Undang-undang ada tetapi yang menyeludup senjata api tadi, dia hendak mengaku kah dia bawa? "*Ha! Aku ini bawa pistol ini, masuk ikut Betong, aku bawa senapang masuk ikut Betong.*" Tak ada. Dia mesti pertama, ada kelengkapan untuk mengesan, selepas ada kelengkapan barulah pihak penguat kuasa boleh kejar. Ini masuk di *border*, apa pun tidak ada, kastam cuma boleh *check* barang yang dibeli. Contohnya, kalau kita beli di bebas cukai kita nampak beg plastik. Akan tetapi kita tidak mengenali senjata itu ada atau tidak ada dalam kereta yang berkenaan atau pada badan yang tersebut. Oleh sebab itu, pada pandangan saya, salah satu daripada...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Gerik, boleh beri sedikit?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Pencegahan yang kita hendak ada ialah dengan memperkenalkan undang-undang yang ada ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rasah bangun.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Silalah Yang Berhormat Rasah.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Tadi kami telah pun mendengar banyak hujah daripada Yang Berhormat Gerik mengenai bagaimana kita boleh mencegah warga asing ataupun mencegah penyeludupan senjata api ke Malaysia. Ada juga mengatakan untuk mengubah undang-undang supaya kita mempunyai ruang yang lebih kepada pihak penguat kuasa untuk menghentikan segala tindakan ataupun segala usaha-usaha penyeludupan ini.

Akan tetapi bagi saya, kita boleh lihat di negara jiran kita Singapura, jangan kata hendak bawa pistol masuk, hendak bawa *chewing-gum* yakni gula-gula getah pun susah hendak dibawa masuk ke negara tersebut. Jadi, saya tanya pandangan Yang Berhormat Gerik bahawa adakah kita perlu melakukan sesuatu selain daripada menggubal undang-undang? Sebenarnya kita boleh menambahbaikkan penguat kuasa kita agar mereka yang bertugas benar-benar mampu mengesan senjata atau warga asing ke yang datang ke negara kita. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Pertama, Singapura negara yang kecil. Kedua, kita tidak tahulah Singapura ini rakyatnya macam mana, dalam Singapura dia takut. Kalau kata had laju 60 kilometer, dia had laju 60 kilometer. Akan tetapi masuk ke Malaysia 180 kilometer, sampah pun dibuang merata jalan, sepanjang ini. Kita masuk ke Singapura, didenda masa ketika itu, kita cukup takut.

Akan tetapi keluar daripada Singapura, pihak pemandu daripada sana tidak ada rasa takut dengan undang-undang yang ada. Jadi, terserah kepada kitalah untuk menilainya bagaimana.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya hendak minta penjelasan mengenai mematuhi undang-undang. Tadi saya dengar di sebelah sana kata undang-undang ada, senapang masuk juga. Betul lah. Undang-undang dadah ada, dadah pun ada juga. Itu ada undang-undang, kalau tidak ada undang-undang macam mana lagi? Lebih teruk. Oleh sebab itu Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan saya bahawa undang-undang ini dibuat kadang-kadang ia mengikat orang-orang tertentu? Macam kata jenayah, dia khusus kepada penjenayah. Macam kata undang-undang ROS, undang-undang pendaftaran, itu ditujukan kepada pertubuhan-pertubuhan.

Kadang-kadang ada juga macam DAP, keputusan ROS pun dia tidak mahu ikut, tidak iktiraf dan hormati. Itu bukanlah penjenayah tetapi oleh sebab orang yang tidak yang menuruti undang-undang. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju atau tidak bahawa undang-undang ini perlu, yang pentingnya rakyat hormat atau tidak hormat tetapi kalau sudah pemimpin tunjuk tidak menghormati, macam DAP, ROS pun dia kata anjing dan sebagainya. Macam mana orang lain hendak ikut? Yang Berhormat bersetuju tidak?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang. Undang-undang ini kita kena patuhi. Memanglah masalah yang paling besar dalam negara kalau kita tengok, kita ada undang-undang tetapi kita tidak mematuhi. Macam kita tengok AES, mula dipasang, siapa yang bising dahulu? Akan tetapi saya masih ingat waktu tidak ada apa-apa, AES dipasang di sepanjang jalan, kita boleh melihat sama ada kereta daripada Malaysia ataupun kereta daripada Singapura boleh mematuhi had laju yang ditetapkan kerana kita takut kena bayar saman.

Akan tetapi apabila arahan tersebut ditarik balik, kita lihat *highway* Utara-Selatan ini orang pecut semacam sahaja, bukan begitu? Maknanya undang-undang ada. Kalau tidak ada undang-undang, kita menjadi negara yang macam mana? Mematuhi undang-undang rimba, yang kuat mengatakan dia menguasai sekian, sekian tempat, itu yang kita lihat baru-baru ini. Gengster boleh menguasai tempat-tempat tertentu kerana undang-undang rimba yang mereka patuhi. Ini yang kita hendak perbetulkan. Kita memperkemas undang-undang yang ada, dalam ada undang-undang ini pun...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Gerik...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Masih rakyat tidak mahu ikut.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh beri laluan?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak merujuk kepada AES yang disebutkan. Undang-undang ada, cara penguatkuasaannya. Kenapa diswastakan? Ini yang dipertikaikan, bukan kita tolak. Soal hendak ada undang-undang tetapi persoalannya kenapa hendak diswastakan dan hendak menentukan bahawa syarikat-syarikat tertentu yang mendapat keuntungan daripada saman-saman? Selepas itu dijamin pula pendapatan dan sebagainya.

■1700

Ini bukan soal hendak jaga keselamatan kah tetapi ini soal hendak cari jalan mudah, hendak kayakan syarikat-syarikat yang tertentu. Begitu juga dengan soal seludup senjata dan sebagainya. Tidak ada siapa yang setuju hendak seludup senjata tetapi ada undang-undang. Kalau dalam soal undang-undang ini tidak dapat hendak kuat kuasa dan tidak dapat hendak dikesan dan dikuatkuasakan dengan baik, maka atasilah masalahnya di mana kelemahannya. Gunakan pengalaman negara-negara lain. Belajar daripada negara-negara jiran. Semua orang ada undang-undang untuk hendak halang penyeludupan manusia, pemerdagangan manusia dan sebagainya tetapi tidak payahlah kita hendak buat satu cara undang-undang yang menolak segala proses perundangan itu sendiri. Tangkap ikut suka, tidak payah ada bukti dan sebagainya. Ini sudah menjadi sebagai apa yang dikatakan sebagai undang-undang rimba.

Kerajaan rimba merupakan kerajaan yang tangkap manusia tanpa ada bukti. Itu kerajaan rimba. Lalu kalau tidak hendak jadi sebuah kerajaan yang ikut undang-undang rimba, hormatilah *due process*. Janganlah kes jenayah pun, *organized crime* pun hendak masukkan di bawah undang-undang SOSMA. Apa masalah hendak cari bukti? Kalau tidak pandai hendak cari bukti, tidak ada keyakinan pada pihak polis, cakap terus-terang. Biar kita bantu. Biar kita beri latihan ...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: [*Bangun*]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Biar kita cari sumber-sumber cara macam mana hendak latih untuk hendak lawan jenayah dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bukan dengan campak proses perundangan dalam bakul sampah. Ini kerajaan undang-undang rimba. Inilah UMNO Barisan Nasional. Inilah sebab kenapa kita tentang [*Dewan riuh*] Inilah sebab kita tidak boleh terima. Kalau hendak buat cara macam ini, kita tutup sahajalah mahkamah. Tidak payah masuk mahkamah, tidak payah ini, semua main tangkap-tangkap, masuk. Selesai, tidak ada jenayah. Wah! Lepas itu tidak ada jenayah. Kenapa? Ini kerana separuh daripada rakyat dalam tahanan. Oleh kerana apa? Semua disyaki buat salah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Emosi nampak.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apa punya corak pemikiran macam ini? Janganlah buat malu negara kita.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Sudahlah merapu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya harap Yang Berhormat Gerik boleh jawab dengan cara yang *rationale*.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Boleh jawab. Sedarlah ...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Undang-undang dikuatkuasakan mengikut proses perundangan. Bukan dengan cara pintas, *short cut*. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Kalau ramai orang macam ini di Malaysia, undang-undang akan jadi cacamarba. Ini dia puncanya daripada orang yang macam inilah bagi pandangan, beritahu pada rakyat tidak usah patuh benda-benda ini, *create issue*.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bukan kata tidak usah patuh. Saya minta kerajaan patuh undang-undang. Kerajaan pun [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam. Tidak ikut peraturan ini. Tidak ikut peraturan. Okey sila.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Kalau dalam Parlimen pun kita tidak boleh ikut peraturan, apatah lagi di luar sana. Itu diterjemahkan. Ya, Yang Berhormat Parit.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Tuan Yang di-Pertua:

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setujukah Yang Berhormat Gerik bahawa apabila seseorang itu ditahan oleh pihak berkuasa, tentulah setelah pihak berkuasa mempunyai bukti-bukti bahawa kesalahan telah pun dilakukan oleh yang berkenaan? Setujukah Yang Berhormat Gerik?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Parit, saya bersetuju pihak berkuasa menahan tetapi dia bukan salah lagi. Setelah dia ditahan, dia disiasat. Bukan? Apa yang menjadi masalah kita, tahan-tahan sahaja terus panggil peguam. Kalau dia ada senjata, dia suruh orang sorok. Ini yang kita tidak mahu berlaku benda-benda tersebut, bukan? Jadi dalam hal ini, sekali lagi saya dari Gerik...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah hendak *landing* sudah itu Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Hendak *landing* sudah itu, *standby* untuk *landing* sudah. Kalau tanya banyak-banyak pun maknanya Yang Berhormat Shah Alam yang tukang banyak buat kacaunya. Bukan? Minta maaflah Yang Berhormat Shah Alam ya.

Saya menyokong supaya rang undang-undang SOSMA ini kita luluskan pada hari ini sesuai untuk langkah pencegahan, sesuai dengan kerajaan telah meluluskan Akta Pencegahan Jenayah dan percayalah, niat baik kita demi masa hadapan negara yang mana kita berhadapan dengan pelbagai cabaran yang mana cabaran yang pertama isu Syiah dengan sunnah ini pun membimbangkan kita. Dengan ini, Yang Berhormat Gerik menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Beruas. Selepas Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Jasin.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Eh! Tadi kata Yang Berhormat Sepang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak, Yang Berhormat Beruas dulu. Ia sampai esok sehingga 3 petang atau 3.30 petang Banyak peluang lagi.

5.06 ptg.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan tentang pindaan yang hendak dicadangkan oleh kerajaan ke atas

Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 yang telah diwartakan pada 22 Jun 2012.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli-ahli Parlimen daripada pihak kerajaan hendaklah mengingati diri bahawa di Parlimen ini, kita ini hendak memastikan apa yang kerajaan lakukan itu adalah baik dan undang-undang yang mereka hendak perkenalkan adalah juga baik untuk negara kita. Malangnya, kita nampak dua undang-undang yang baru-baru ini diluluskan di Dewan ini iaitu pindaan kepada Akta Pencegahan Jenayah dan juga semalam kelulusan telah diberikan kepada pindaan kepada Kanun Keseksaan yang memberikan kuasa begitu luas kepada pihak eksekutif untuk menangkap ataupun *deny*, dengan izin, menidakkan hak kebebasan asas yang terjamin di bawah Perlembagaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Dewan ini meluluskan pindaan yang sedang dicadangkan kepada Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ini, saya ingin memberi amaran kepada semua Ahli Parlimen dan juga terutamanya mereka daripada pihak Barisan Nasional bahawa kalau diluluskan rang undang-undang ini, semua antara kita akan terkena oleh undang-undang ini kerana hinggakan tidak lagi ada kuasa untuk menyebarkan agama walaupun agama Islam ataupun lain-lain agama ataupun kalau hendak pujuk kerajaan untuk menukar pendirian berkenaan sesuatu pun, atas tindakan itu, kita juga boleh ditahan, didakwa di mahkamah atau tidak boleh dibebaskan untuk banyak tahun yang akan datang seperti yang akan saya huraikan tidak lama lagi.

Ini adalah satu tindakan menjadikan negara kita ini negara, tadi dikatakan kerajaan rimba, tidak mengikut undang-undang lagi. Sebenarnya, undang-undang yang hendak digubal di bawah Perkara 149 ini haruslah digubal hanya dalam keadaan krisis negara seperti yang diperuntukkan bahawa, *substantial body of persons, both inside or outside Malaysia would cause a substantial number of citizens to fear, organized violence or prejudicial to public order or public security of the Federation*, tetapi malangnya, kerajaan ingin menyalahgunakan peruntukan Perkara 149 ini untuk kuasa politik eksekutif dan tidak ada batas.

Saya ingin ingatkan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, kalau Yang Berhormat Permatang Pauh setinggi Timbalan Presiden UMNO, cara beliau dipecat, beliau dihina, beliau dilayan, dipukul, dipenjarakan, ini juga akan berlaku kepada mana-mana antara kita yang kalau masih mahu berpolitik ataupun demi negara, hendak berkorban untuk negara yang lebih baik.

■1710

Saya ingin memberi penjelasan bahawa akta pindaan yang hendak kerajaan cadangkan kepada Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (Pindaan) 2013 ini, hendak memperkenalkan Bab VIA, VIB dalam Kanun Keseksaan untuk dimasukkan dalam akta dengan ringkas saya gunakan SOSMA - *Security Offences (Special Measures) Act 2012*.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan kalau diluluskan pindaan ini, Bab VIA, VIB di bawah Kanun Keseksaan ini akan dimasukkan di bawah SOSMA ini. Kita tahu bahawa di bawah undang-undang SOSMA ini memang rakyat langsung tidak ada lagi apa-apa dengan izin, *safe guard* atau tidak ada lagi jaminan kebebasan. Undang-undang yang biasa yang memberi jaminan kepada rakyat boleh dibelakangkan. Kalau pindaan yang dicadangkan kepada SOSMA ini boleh diteruskan, ini bererti kerajaan boleh menggunakan SOSMA ke atas semua orang biarpun kes kekerasan yang biasa kita dakwa di bawah seksyen 323, 324, 325, 326, dalam kes-kes jenayah yang biasa ataupun kalau hendak menganut agama atau menyebarkan agama seseorang itu biar pun Islam, Kristian atau apa-apa agama lain. Ataupun kalau kita ada fahaman politik tertentu pun kalau kerajaan tidak suka kita boleh juga ditangkap tanpa waran didakwa di mahkamah tanpa boleh dijamin dan akan dikurung di penjara sehingga proses kes habis di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya Perkara 149, Perlembagaan Malaysia hanya boleh digunakan untuk kes yang memang mendesak seperti yang berlaku dalam sejarah Malaysia semasa darurat. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang katakan, memang semasa darurat *Brigg's Program* semasa itu memang ada ancaman kepada keselamatan negara sehinggakan rumah-rumah orang Cina yang kita sekarang panggil Kampong Bharu. Nama baik sebenarnya itu satu tindakan untuk mengurung semua orang Cina di negara Malaysia ini dalam kem tahanan.

Seluruh Malaysia ini kalau tidak silap saya ada 400 lebih. Semua kerajaan diberikan kuasa untuk merobohkan rumah. Semua rumah Cina dirobuhkan dipaksa untuk pindah ke kampung-kampung baru ini. Itulah kesan ataupun keadaan darurat pada masa itu sehinggakan kerajaan diberikan kuasa sedemikian. Suka tidak suka semua rumah dirobuhkan dan dipaksa pindah ke tempat tahanan yang telah disediakan oleh Kerajaan British pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan kalau semua perkara dalam Bab VIA dan VIB Kanun Keseksaan ini dimasukkan di bawah SOSMA, saya ingin menyatakan bahawa SOSMA ini boleh membelakangkan semua hak rakyat di bawah undang-undang

yang sedia ada. Saya menyatakan di bawah SOSMA seksyen 41 ini, rakyat boleh ditangkap tanpa waran. Di bawah seksyen 12 SOSMA ini, kes boleh dibicarakan di bawah Mahkamah Tinggi, apabila dibicarakan di Mahkamah Tinggi seksyen 13 mengatakan orang itu tidak boleh diberi diikat jamin, *no bail*- tidak boleh dibenarkan bebas.

Semua keterangan yang diberikan sungguhpun melanggar Akta Keterangan tahun 1950 yang memberi dengan izin, *safe guard* kepada rakyat kepada rakyat daripada keterangan palsu boleh diketepikan. Ini bermaksud seseorang itu boleh didakwa di mahkamah dengan keterangan palsu dan mahkamah terpaksa juga mengikut undang-undang ini memerintahkan beliau terus ditahan dan dipenjarakan. Seksyen 30 SOSMA menyatakan suspek hendaklah ditahan sehingga habis proses undang-undang iaitu sehingga Mahkamah Persekutuan membuat keputusan terakhir.

Dalam pengalaman kita sesuatu kes untuk dibicarakan kadang-kadang pun mengambil beberapa tahun seperti kes Altantuya dan kalau hendak buat rayuan kadang-kadang rayuan itu sendiri untuk didengar kita terpaksa menunggu bertahun-tahun. Kita baru-baru ini nampak dalam kes Altantuya pun kena tunggu bertahun-tahun untuk rayuan, hendak dengar kes kalimah Allah pun bertahun-tahun. Ini bermaksud asal seorang itu didakwa di mahkamah, beliau mesti dipenjarakan bertahun-tahun. Apatah lagi untuk dibicarakan di Mahkamah Tinggi berapa tahun akan berlalu lagi kalau hendak didengar rayuan di Mahkamah Persekutuan. Berapa tahun lagi akan berlaku kes tersebut akan dengar di Mahkamah Persekutuan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita benarkan keadaan ini, maksudnya seseorang itu boleh ditahan tanpa waran dengan keterangan palsu semata-mata kerana Yang Berhormat Menteri hendak kurungkan seseorang itu dipenjarakan, akan dibebaskan mungkin untuk sekurang-kurangnya 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini lebih teruk daripada ISA yang telah kita mansuhkan untuk digantikan dengan SOSMA ini. Lagi ngeri ataupun menakutkan ialah kod ISA ini memang lebih terhad. Dahulu mula-mula di bawah ISA mahkamah lagi boleh menimbang semula *judicial review* secara objektif pada mulanya sama ada keputusan seseorang Menteri itu telah dibuat dengan *good faith*, dengan niat baik atau tidak ataupun dalam fakta yang dinyatakan itu mahkamah boleh campur tangan. Kemudian ISA telah dipinda di mana mahkamah tidak dibenarkan kita kata menilai semula melalui *judicial review* keputusan seseorang Menteri itu dan dikatakan mahkamah hanya boleh *review* dari segi prosedur sama ada Menteri itu telah mengikuti prosedur yang telah ditetapkan di bawah ISA.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan kalau kita meluluskan pindaan yang dicadangkan ini, skopnya begitu besar sekali kerana di bawah Bab VIA, seksyen 130B

subseksyen (3) Kanun Keseksaan kerana dinyatakan ini sini bahawa *Terrorist Act* di bawah Bab VIA, seksyen 130 ini memang begitu luas sekali. Izinkan saya membaca peruntukan yang dibuatkan dalam seksyen ini. Di bawah seksyen 130B, subseksyen (2) dengan izin, “*For the purpose of this chapter, terrorist act means an act or track...*”

■1720

Kita baca baik-baik. *An act*, apa-apa tindakan tidak kira apa jenis tindakan or *threat* – satu ugutan or *action during or beyond Malaysia where an act falls under subsection (3)*. Jadi, subseksyen (3) mengatakan sesuatu *act or threat* adalah ‘*terrorist act*’ kalau:

- (i) *involves serious bodily injury to a person;*
- (ii) *endangers a person's life;*
- (iii) *causes a person's death;*
- (iv) *create a serious risk to the health or the safety of the public or a section of the public;*
- (v) *involves serious damage to property*
- (vi) *involves the use of firearms, explosives or other lethal devices;*
- (vii) *involves releasing into the environment or any part of the environment or distributing or exposing the public or any part of the public to -*
 - (a) *any dangerous, hazardous, radioactive or harmful substance;*
 - (b) *any toxic chemical or*
 - (c) *any microbial or other biological agent or toxin.*

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Beruas. Tadi Yang Berhormat Beruas semasa membahaskan perkara ini telah menyebut dan mengingatkan rakan-rakan kita daripada Barisan Nasional supaya kita berhati-hati dengan penuh teliti sebelum kita meluluskan undang-undang ini kerana undang-undang ini terpakai ataupun *applicable* kepada semua orang termasuklah kalau berlaku penyalahgunaan pun kepada semua orang.

Andaikan ada di kalangan ahli-ahli keluarga, kawan-kawan ataupun para penyokong pemimpin Barisan Nasional yang ditahan atau ditangkap di bawah undang-undang ini atau yang seumpamanya, adakah pada pandangan Yang Berhormat mereka

akan terus menyokong undang-undang ini ataupun mereka akan cari peguam untuk menentang undang-undang ini? Minta penjelasan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Memang Yang Berhormat Kota Bharu saya rasa ramai di kalangan sebelah sana pun tahu berbahayanya kalau diluluskan pindaan yang dicadangkan ini. Jangan terkena baru sedar atau insaf. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada *terrorist act* yang telah ditakrif di bawah seksyen 130B subseksyen (3) Kanun Keseksaan ini, di bawah seksyen 130B(2B) juga dinyatakan iaitu juga di bawah Bab IVA ini – *an act is done or the threat is made with intention of advancing of a political, religious, or ideological cause*.

Ini bermaksud kalau UMNO hendak perjuangkan hak Melayu, Islam itu pun satu tindakan – *to advance political, religious or ideological cause* atau parti Islam, atau parti DAP – semua parti, semua kita yang ada di sini boleh ditangkap dan ditahan tanpa waran dan seperti yang dikatakan boleh dikurung hingga mungkin sekurang-kurangnya 10 tahun. Kalau kita hanya perjuangkan apa yang kita perjuangkan selama ini, ideologi *or religious of political cause* - seksyen 130B subseksyen (2B) tadi.

Kalau mereka yang hendak undang-undang ini, saya ada satu salinan dalam *website* yang saya mula-mula cuba dapat, tidak dapat kerana *website copy not updated*. Lagi satu keadaan di mana SOSMA akan terpakai yang dinyatakan di sini *influence or compel the government of Malaysia or the government of any state in Malaysia. Any government or any international government to do or refrained from doing an act*. Kalau kita pujuk kerajaan jangan buat sesuatu, pun kalau Yang Berhormat Menteri kata, "*Itu tayar saya tidak suka*", dia pun boleh tangkap. Adakah ini yang kita mahu? Bab VIA ini begitu luas sekali.

Sebentar tadi sudah kata kalau SOSMA ini, dia boleh buat tuduhan palsu, di mahkamah-mahkamah tidak boleh. Kata keterangan ini dikatakan tidak boleh diterima, kerana dinyatakan dalam SOSMA kalau keterangan yang dikemukakan itu bercanggah, melanggar dengan Akta Keterangan, pun boleh terima. Oleh yang demikian, saya berharap kita yang bertanggungjawab di sini. Di saat sejarah ini, hendaklah bertanggungjawab apabila kita hendak meluluskan atau tidak meluluskan cadangan kerajaan yang dibentangkan di depan kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menutup penghujahan saya, Hanya saya ingin katakan, memang dalam pengalaman pahit kita di negeri Perak. Di bawah SOSMA yang dicadangkan – memang sebelum ini pun Bab VI, bukan Bab VIA, sudah pun di bawah SOSMA. Pengalaman pahit saya dan rakan-rakan saya di negeri Perak ini ialah kerajaan tidak mengikut undang-undang. Di bawah bab... [*Dewan riuh*] Dengar, dengar! Dengar

baik-baik! Di bawah Bab VI, Kanun Keseksaan, seksyen 124, mengatakan kalau ada sesiapa yang menghindarkan Ahli Parlimen, atau ADUN, atau wakil rakyat dari menjalankan tugas mereka, mereka boleh didakwa di mahkamah.

Kalau seksyen ini yang telah pun dinyatakan di bawah SOSMA ini, daripada pengalaman kami di negeri Perak, apabila pihak polis, pihak Kerajaan Barisan Nasional melanggar seksyen 124 ini, langsung tidak ada apa-apa tindakan yang diambil. Saya katakan bahawa pada 3 Mac 2009, semasa Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat mengakui Yang Berhormat Batu Gajah semasa itu Speaker Dewan Undangan Negeri Perak, beliau hendak mengadakan satu sidang dalam DUN Perak, beliau dihalang. Semua polis halang kita pergi ke Dewan.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Dengar. Terpaksalah beliau mengadakan Dewan di bawah pokok demokrasi negeri Perak.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Berbohong dalam Dewan ini. Mana ada dihalang.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Beliau...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tidak ada dihalang.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Beliau hanya – itu 3 Mac 2009. Yang Berhormat Batu Gajah yang pada waktu itu Speaker Dewan Undangan Negeri. Apabila bersidang pada 7 Mei, masa itu beliau telah secara paksa diangkut keluar daripada Dewan. Jadi, saya bagi misalan. Jikalau kita mempertikaikan sama ada 7 Mei 2009 Yang Berhormat Batu Gajah masa itu masih Speaker Dewan Undangan Negeri atau tidak, kerana ada cadangan untuk kita kata *no confidence* dan dapat Speaker baru. Sekurang-kurangnya pada 3 Mac, dua bulan sebelum itu apabila semua orang masih mengiktiraf beliau sebagai Speaker, beliau tidak boleh adakan sidang DUN. Sehingga hari ini, saya hendak tahu apakah tindakan kerajaan yang telah diambil, yang jelas melanggar undang-undang 124 di bawah Bab VI ini, apakah tindakan yang telah dibuat?

Ini sudah sejarah. Rakyat akan buat penilaian. Siapa yang menyanjung demokrasi? Siapa yang langgar demokrasi? *[Dewan riuh]* Sekarang isunya ialah bahawa salah guna kuasa akan berleluasa kalau kuasa mutlak ini diberikan kepada pemimpin-pemimpin UMNO, Barisan Nasional dan akan mengenakan anda semua, saya sudah nyatakan tadi. Terkena kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Itulah rayuan saya agar kita bersatu menolak, menolak *bill* cadangan untuk memberi kuasa mutlak kepada pihak eksekutif. Itulah sahaja ucapan saya. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Jasin. Sila.

■1730

5.30 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (Pindaan) 2013.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Pindaan ini adalah untuk penambahbaikan terutama dalam usaha kita dalam menangani jenayah-jenayah yang terancang yang boleh mengancam keselamatan negara mengikut keadaan semasa. Justeru itu, seharusnya tidak ada pihak yang mahu menimbulkan apa-apa persepsi tentang pindaan undang-undang ini.

Pindaan ini cukup mudah sekali dan pindaan ini sebenarnya untuk memperkukuhkan undang-undang sedia ada supaya negara kita terus aman, negara kita terus makmur dan kita boleh menarik keyakinan bukan sahaja pelabur, bahkan pelancong-pelancong asing. Apa yang penting sekarang, kita hendak pastikan supaya indeks keselamatan negara kita terus melonjak. Pada ketika ini, kita dianggap negara yang paling selamat di negara Tenggara Asia dan kita nombor 2 di Asia. Kalaulah undang-undang sebegini tidak diberikan kelulusan, maka negara kita akan menghadapi berbagai-bagai ancaman.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Beruas bangun.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Sebelum ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita telah mansuhkan 4 rang undang-undang. Yang pertamanya ISA, yang keduanya Akta Hasutan, yang ketiga EO dan yang keempatnya RR.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Menyampuk]* Saya hendak dapat pandangan. Kata selamat tetapi kenapa mesti guna kuasa *emergency* ini.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Kita dapat lihat apa yang terjadi pada ketika ini. Tengok, kejadian keselamatan kita terancam.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Menyampuk]* Ya, dapat penjelasan boleh? Negara selamat tidak? Kalau selamat tidak payah guna kuasa-kuasa darurat ini.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tidak, biar saya habis. Saya tidak pernah kacau pun Yang Berhormat cakap tadi. Baru saya hendak mula, saya hendak mula dahulu.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya hendak tanya, tanya, penjelasan.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Sebenarnya, pindaan rang undang-undang ini adalah cukup mudah sekali. Selain daripada penambahbaikan tentang ayat-ayat supaya undang-undang kita diperkukuhkan lagi. Keduanya, ada akta-akta baru yang dimasukkan supaya ianya ditakrifkan sebagai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) supaya SOSMA ini akan dapat diperkukuhkan lagi.

Terutamanya, dapat kita lihat di sini. Kalau kita dapat lihat kesalahan di bawah Bab VIA, VIB. Ini akta baru dan juga Akta Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007, [Akta 670]. Di bawah akta ini Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat Malaysia sekarang ditakrifkan sebagai negara yang menjadi tumpuan untuk pendatang-pendatang asing dan juga dijadikan sebagai transit untuk pendatang-pendatang asing ini untuk keluar negara. Sila Yang Berhormat Beruas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang dihujahkan tadi macam bercanggah kerana dikatakan Malaysia dikatakan sangat selamat pada masa ini tetapi di bawah perkara 149, kita hanya boleh menggunakan kuasa darurat di bawah perkara 149 ini kalau negara rasa tergugat, terancam, sekuriti oleh sekumpulan atau orang.

Jadi, tadi dikatakan selamat, kalau selamat, undang-undang biasa boleh digunakan dan polis ada kuasa untuk tangkap dan prosedur yang biasa boleh dijalankan. Jadi, saya hendak dapat kepastian sama ada Yang Berhormat berpendapat negara kita ini sekarang aman damai, baik atau dalam keadaan darurat?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Pasukan keselamatan kita mesti diperkukuhkan lagi undang-undang. Tanpa undang-undang mereka tidak ada mempunyai kuasa. Itu sebab sekarang kita dapat lihat kesalahan berlaku berleluasa pada ketika ini. Tembak-menembak berlaku di sana sini.

Setelah kita mansuhkan Akta RR, Akta EO kita dapat lihat orang-orang tahanan sekarang sudah berkumpul satu tempat tidak ada mempunyai pekerjaan. Senjata boleh disewa di mana-mana. Itu sebab kalau kita perkukuhkan undang-undang kita, kita boleh

pastikan keselamatan di dalam negara kita terjamin. Kita mahu melihat anak-anak kita terjamin, keluarga kita terjamin. Adakah Yang Berhormat Beruas ingin melihat kita sentiasa terancam dengan perlakuan orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Sila.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Dengan izin, ingin saya nyatakan di sini, sekarang kita hendak luluskan satu undang-undang darurat, memberi kuasa mutlak kepada Eksekutif. Itu tidak sama dengan memberi kuasa kepada pihak penguat kuasa. Di bawah undang-undang yang sedia ada ini memang sesiapa yang menggunakan kekerasan ataupun menimbulkan kekacauan boleh ditangkap, boleh didakwa di mahkamah.

Sekarang ini kita hendak beri kuasa kepada pihak eksekutif, tangkap tanpa perlunya keterangan yang biasanya boleh diterima di mahkamah. Dia akan ditahan, sungguhpun mahkamah mengatakan dia tidak bersalah, kalau di pihak pendakwa raya memohon untuk ditahan teruskan, dia mesti ditahan. Sungguhpun mahkamah sudah buktikan dia tidak bersalah, dia masih ditahan. Kalau Mahkamah Tinggi kata dia tidak bersalah, pihak pendakwa raya kata saya mohon, beliau terus ditahan. Kita rayu kepada Mahkamah Rayuan, Mahkamah Rayuan pun mengesahkan orang itu tidak bersalah kalau pihak pendakwa raya minta teruskan tahanan, beliau masih ditahanlah. Inilah undang-undang yang kita hendak pinda.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasihlah Yang Berhormat Beruas, saya fahamlah. Saya faham. Sudah faham, sudah faham.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi, itu isunya tidak sama. Kita sekarang ini hendak bagi kuasa kepada eksekutif.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]* Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Beruas adalah seorang pengamal undang-undang. Seharusnya tidak menggunakan perkataan eksekutif. Dalam kita memastikan supaya Akta Kesalahan Keselamatan ini, sebenarnya kita masih tertakluk kepada mahkamah. Tidak ada kuasa eksekutif, kalau kita cakap ISA menggunakan kuasa eksekutif mungkin.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Sebagai pengamal undang-undang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat Sepang, peraturan mesyuarat yang mana Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Peraturan Mesyuarat 16(2).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: 16(2)?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Memang Mesyuarat ini sampai 5.30 petang kah macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kita ada kuasa untuk menambah 15 minit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: 15 minit, terima kasih. Okey, terima kasih. *[Dewan riuh]* Itu saya hendak tanya. Saya hendak tanya. *I want to know.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak apa. Sila, sila Yang Berhormat Jasin. Kita niat baik, Yang Berhormat Sepang dia hendak *register* nama dia selepas 5.30, ada lagi dalam Dewan. *[Dewan riuh]*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh sambung ya? Boleh sambung, boleh sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sebut kepada kawan saya Yang Berhormat Beruas ini, yang mana-mana tidak boleh diambil tindakan di bawah perundangan tersebut. Oleh demikian, sekiranya kedua-dua undang-undang ini digabungkan di bawah SOSMA, kesemua elemen jenayah di bawah kesalahan ini boleh diambil tindakan secara menyeluruh. Secara langsung undang-undang baru ini boleh dijadikan sebagai undang-undang alternatif kepada undang-undang sedia ada.

Apa yang saya hendak berikan penekanan di sini, undang-undang sedia ada sekarang tidak dapat membanteras aktiviti jenayah memperdagangkan manusia dan penyeludupan migran secara menyeluruh. Kalau kita dapat lihat, cuma tertumpu kepada pambanteras ahli-ahli sindiket dan rangkaiannya secara perseorangan. Sementara mangsa yang terlibat hanya diambil tindakan oleh imigresen sahaja. Berdasarkan kepada kes-kes yang sudah diambil tindakan, ada di kalangan mereka yang terlibat dalam jenayah. Sebegitu juga terdiri daripada kumpulan militan yang mana tidak boleh diambil tindakan di bawah kedua-dua undang-undang tersebut.

Kita dapat lihat pada ketika ini Tuan Yang di-Pertua. Dahulu kita dapat lihat pengganas daripada LTTE jadikan Malaysia sebagai transit. Kita bernasib baik ketika

tersebut ISA ada dan mereka dijadikan sebagai tahanan di bawah ISA. Sekarang mereka terlepas. Begitu juga JI, begitu juga fahaman yang lain dan juga mereka-mereka yang membuat penyeludupan senjata. Jadi, kita dapat lihat sekarang Akta 3A ini yang dijadikan sebagai akta baru Anti Permerdagangan Orang ataupun Anti Penyeludupan Migran 2007 [Akta 670], kita masukkan dalam Jadual Pertama SOSMA 2012 sebagai satu kesalahan keselamatan. Kita hendak lihat sebenarnya...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun] Penjelasan.

Dato' Haji Ismail bin bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ...Pindaan ini hanya tertumpu kepada kesalahan-kesalahan yang kita takrifkan kepada kesalahan keselamatan dan langkah-langkah khas sahaja. Selain daripada kesalahan tersebut, kita tidak tertakluk dan janganlah hendaknya kita membuat andaian-andaian seolah-olah kita menjadi sebuah negara polis. Sedikit kesalahan, kita akan tangkap, bahkan tangkapan semuanya berdasarkan daripada kesalahan keselamatan dan juga melalui berbagai peraturan. Selain daripada polis, bahkan mereka juga diberikan peluang untuk berhubung dengan *next of kin* ataupun keluarga dan juga berhubung dengan *lawyer-lawyer* mereka.

■1740

Jadi tidak ada sebab ada persepsi-persepsi negatif, bahkan undang-undang ini sepatutnya kita dapat terima sebagai satu penambahbaikan bagi memastikan supaya negara kita terus aman dan juga makmur.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat satu perkara di sini pindaan dalam seksyen 6 teks dalam bahasa kebangsaan. Sebenarnya yang kita ubah hanya untuk menyimpan komunikasi sahaja, yang sebelum ini di bawah *Akta 747* bunyinya sama tetapi kita hendak berikan penekanan. Begitu juga akta-akta yang lain, kita dapat lihat di sini. Apabila kita membicarakan tentang pindaan seksyen 30, "(3) Apabila Pendakwa Raya memfailkan suatu notis rayuan terhadap pembebasan itu, Pendakwa Raya boleh memohon kepada mahkamah perbicaraan bagi mendapatkan suatu perintah untuk memenjarakan tertuduh yang direman dalam jagaan polis itu sementara menunggu beresnya rayuan".

Ini dalam perkara 4 dan penambahbaikan ini adalah untuk memberikan penekanan terhadap mereka yang direman sahaja. Jadi janganlah hendaknya kita membuat andaian seolah-olah bukan sahaja kita sekejap-sekejap kita buat pindaan. Pindaan ini patut dibuat untuk penambahbaikan dan memperkukuhkan lagi rang undang-undang kita yang sedia ada. Ya.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Jasin. Tadi Yang Berhormat cuba, pada pandangan saya cuba membawa satu pandangan yang agak keliru sedikit. Yang Berhormat kata dalam pindaan 33 ini hanya disebut tertuduh yang direman sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apa bezanya tertuduh yang direman yang dibebaskan, dengan orang yang tidak direman? Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sama sahaja? Orang yang direman, setelah dibebaskan oleh mahkamah jadi orang bebas, dia tidak lagi jadi orang yang direman. Akan tetapi dalam kes ini, oleh kerana dia ini sebelumnya direman kemudian dia ini dibebaskan oleh mahkamah kerana DPP hendak *appeal* kes dia tidak puas hati dengan keputusan itu, dia akan terus direman. Adakah itu adil? Minta penjelasan.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya sebelum ini akta kita menyebut, "*Apabila Pendakwa Raya memfailkan rayuan terhadap pembebasan itu, Pendakwa Raya boleh memohon kepada mahkamah perbicaraan bagi sesuatu perintah untuk memenjarakan tertuduh itu sementara tunggu beresnya rayuan*". Akan tetapi tidak sebut sini untuk mendapatkan perintah. Siapa yang patut mendapatkan perintah? Jadi pendakwa raya kena dapatkan perintah tetapi dia tidak sebut itu perkataan 'mendapatkan'. Itu sebab kita hendak menambah baik supaya pindaan kita ini lebih kukuh lagi. Kita mahu kalau boleh, kita kalau boleh melihat secara positif bahawa rang undang-undang pindaan ini bagi memperkukuhkan rang undang-undang sedia ada supaya kita dapat membanteras jenayah-jenayah terancang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Macam mana kita hendak, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Juga Yang Berhormat Jasin terima kasih. Macam mana kita hendak pandang cara positif apabila keputusan mahkamah itu sendiri boleh dengan sewenang-wenangnya diketepikan dengan pihak pendakwaan membuat permohonan untuk reman, teruskan reman sambil menunggu beresnya persoalan rayuan.

Maknanya mahkamah sudah dapati orang itu tidak bersalah. Hakim sudah dengar semua kes tetapi pendakwa raya tidak puas hati, maka dia buat tolong tahan lagi lepas itu

tunggu sampai rayuan beres. Rayuan itu hendak beres berapa lama. Kita tidak fikir tentang hak orang yang ditahan itu dan sudah didapati oleh mahkamah tidak bersalah itu. Kita tidak fikir soal hak, ini otak kerajaan penjajah. Penjajah dahulu memang dia layan orang yang dijajah ini sebagai manusia yang tidak ada hak.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Tuan Yang di-Pertua, okey setakat itulah Yang Berhormat Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Seharusnya kita tidak ada mempunyai persepsi-persepsi yang silap.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apa yang persepsinya? Ianya bukan persepsi.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Sebagai Ahli Dewan, seharusnya kita tahu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Jasin, tanya soalan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini undang-undang. Inilah apa yang disebut dalam ini, bukan persepsi.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tajuk perbualan kita dalam perbahasan kita ini kepada hanya tertumpu kepada kesalahan-kesalahan keselamatan sahaja.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apabila mahkamah dapati tidak bersalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat, kalau dua-dua berucap semua tidak dengar ini. Pencatat hendak catat yang mana satu ini? Bergilir-gilir.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Biar saya habiskan, tadi sudah berlaluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Shah Alam dan juga Yang Berhormat Sepang. Duduk sekejap. Saya ada kuasa di bawah 12(3) hanya untuk melanjutkan tempoh 15 minit. Jadi lebih daripada itu saya tidak ada kuasa, sudah di bawah 12(3). Jadi kita sambung esok Yang Berhormat Jasin dan mesyuarat ditangguhkan sehingga jam pukul 10 pagi esok.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang]